


**Jilid V  
Bil. 18**

**Khamis  
6 Mei 1999**



**MALAYSIA**

**PENYATA RASMI PARLIMEN  
DEWAN RAKYAT**

**PARLIMEN KESEMBILAN  
PENGGAL KELIMA  
MESYUARAT PERTAMA**

## KANDUNGAN

<b>RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT</b>	(Ruangan 1)
<b>RANG UNDANG-UNDANG:</b>	
Rang Undang-undang Bank Pertanian Malaysia (Pindaan) 1998	(Ruangan 2)
Rang Undang-undang Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Pindaan) 1998	(Ruangan 43)
Rang Undang-undang Lembaga Pertubuhan Peladang (Pindaan) 1998	(Ruangan 57)
Rang Undang-undang Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (Pindaan) 1998	(Ruangan 63)
Rang Undang-undang Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (Pindaan) 1998	(Ruangan 72)
Rang Undang-undang Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (Pindaan) 1998	(Ruangan 75)
Rang Undang-undang Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (Pindaan) 1998	(Ruangan 78)

**AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT**

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tun Mohamed Zahir bin Haji Ismail, S.S.M., P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K. J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Dato Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, D.K.(Brunei), D.K.(Perlis), D.K.(Johor), D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P. (Sarawak), D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.M.N., P.I.S. (Kubang Pasu)

“ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, Dato’ Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, D.G.P.N., D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas)

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, Dato’ Seri Dr. Ling Liong Sik, D.G.S.M., S.P.M.P., D.P.M.S., D.P.M.P. (Labis)

“ Menteri Kerja Raya, Dato’ Seri S. Samy Vellu, S.P.M.J., S.P.M.P., DPMS, PCM, AMN (Sungai Siput)

“ Menteri Perusahaan Utama, Dato’ Seri Dr. Lim Keng Yaik, D.G.P.N, S.P.M.P., D.P.C.M. (Beruas)

“ Menteri Tugas-tugas Khas dan Menteri Kewangan I, Tun Daim Zainuddin, S.S.M., S.P.M.S., D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok)

“ Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Datuk Leo Moggie anak Irok, P.N.B.S. (Kanowit)

“ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato’ Seri Rafidah Aziz, S.P.M.P., S.P.M.T., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar)

“ Menteri Pertanian, Datuk Seri Amar Dr. Haji Sulaiman bin Haji Daud, S.I.M.P., D.A., D.S.S.A., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya)

“ Menteri Pendidikan, Dato’ Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak, S.S.A.P, S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S. (Pekan)

“ Menteri Penerangan, Datuk Seri Mohamed bin Rahmat, D.G.S.M., S.P.M.J., S.I.M.P., S.P.D.K., S.S.S.A., S.P.M.T., S.S.I.J., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Pulai)

“ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato’ Seri Sabbaruddin Chik, S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh)

“ Menteri Sumber Manusia, Dato’ Lim Ah Lek, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.T., J.P. (Bentong)

“ Menteri Pertahanan, Dato’ Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha, D.S.A.P., P.N.B.S., D.P.T.J., J.M.N. (Kuala Rajang)

“ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Datuk Law Hieng Ding, P.N.B.S., K.M.N., P.B.S., P.B.J. (Sarikei)

Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato' Dr. Ting Chew Peh, D.P.M.S., D.P.M.P. (Gopeng)

- “ Menteri Luar Negeri, Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, S.P.D.K., D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi)
- “ Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato' Haji Annuar bin Haji Musa, S.I.M.P. (Peringat)
- “ Menteri Belia dan Sukan, Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, P.S.M., S.P.M.J., S.M.J., P.S.I., B.S.I. (Pagoh)
- “ Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail, D.P.M.S., S.M.S, K.M.N (Gombak)
- “ Menteri Kesihatan, Dato' Chua Jui Meng, S.I.M.P, S.M.J, P.I.S (Bakri)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Paduka Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., P.P.T (Sik)
- “ Menteri Pembangunan Usahawan dan Menteri Kewangan II, Dato' Mustapa bin Mohamed, D.P.M.S. (Jeli)
- “ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Megat Junid bin Megat Ayob, S.P.D.K., S.P.M.P., D.P.M.K., D.S.S.A, D.S.A.P., D.P.CM., A.M.P., A.M.K (Pasir Salak)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman, D.I.M.P. (Paya Besar)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Seri Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali, S.P.M.P. D.P.M.P., A.M.P. (Gerik)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Ong Tee Keat, P.J.N., S.M.S. (Ampang Jaya)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin, P.G.D.K (Kinabatangan)
- “ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Dato' Loke Yuen Yow, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim)
- “ Timbalan Menteri Kerja Raya, Datuk Railey bin Haji Jaffrey, P.G.D.K., J.M.N. (Silam)
- “ Timbalan Menteri Pendidikan, Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus, D.S.N.S. (Jempol)
- “ Timbalan Menteri Luar Negeri, Datuk Dr. Leo Michael Toyad, P.G.B.K., J.B.S. (Mukah)
- “ Timbalan Menteri Pertahanan, Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang)

Yang Berhormat Timbalan Menteri Penerangan, Dato' Drs. Suleiman bin Mohamed, D.P.M.S. (Titiwangsa)

- “ Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato' Teng Gaik Kwan, D.I.M.P., A.M.N., P.P.N. (Raub)
- “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Peter Chin Fah Kui, P.B.S., A.B.S. (Miri)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu)
- “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Kerk Choo Ting, D.P.M.P. (Taiping)
- “ Timbalan Menteri Pertanian, Dato' Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor, S.P.M.T., D.P.M.T., K.M.N., P.J.C., J.P., P.J.K. (Setiu)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Wong See Wah, D.S.N.S. (Rasah)
- “ Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datuk Peter Tinggom anak Kamarau, P.N.B.S., J.B.S., K.M.N., P.B.S., A.M.N., P.P.C. (Saratok)
- “ Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk Dr. Fong Chan Onn, D.M.S.M. (Selandar)
- “ Timbalan Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Dato' Chan Kong Choy, D.S.A.P., D.P.M.S. (Selayang)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato' Ong Ka Ting D.P.M.P. (Pontian)
- “ Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato' K. Kumaran, D.P.M.P., K.M.N., J.S.M., P.M.P., P.P.T., J.P. (Taph)
- “ Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap)
- “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Dr. Ibrahim bin Saad, D.M.S.M. (Tasek Gelugor)
- “ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato' Abu Bakar bin Daud, D.S.M.T., D.S.A.P., D.P.M.T., J.M.N., P.J.C., P.J.K. (Kuala Terengganu)
- “ Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam, D.C.S.M., D.M.S.M., D.S.M., P.B.M. (Batu Berendam)
- “ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' S. Subramaniam, D.S.N.S., D.P.M.J., S.M.J. (Segamat)

Yang Berhormat Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Goh Cheng Teik (Nibong Tebal)

- “ Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Chenderoh)
- “ Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan, Dato' Idris bin Jusoh, P.J.K. (Besut)
- “ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, Dato' Hishamuddin bin Tun Hussein, D.P.M.J. (Tenggara)
- “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato' Azmi bin Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman, D.I.M.P., A.M.P., P.P.N. (Kuantan)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, Dato' M. Mahalingam, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Subang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato' Mohd. Noh bin Rajab, D.S.N.S. (Tampin)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Datuk Douglas Uggah Embas, A.B.S., P.B.S. (Betong)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, Tuan Yong Khoon Seng (Padawan)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, Puan Ainon Khariyah binti Dato' Mohd. Abas, P.M.P., A.M.P. (Parit)
- “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Haji Muhammad bin Abdullah, D.I.M.P., S.M.P., P.J.K. (Maran)
- “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Othman bin Abdul, D.S.S.A., A.M.P., P.P.T. (Pendang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh, D.S.S.A., S.M.S., S.S.A., K.M.N. (Kuala Langat)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan, Dato' Chor Chee Heung, D.S.D.K. (Alor Setar)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tuan Ahmad Kamaruzaman bin Mohamed Baria (Jerantut)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, Dato' Abu Bakar bin Taib, D.S.D.K., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Langkawi)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Tan Chai Ho, P.J.N., K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak)

Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, P.G.D.K. (Semporna)

- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, Dato' Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil, D.I.M.P. (Lembah Pantai)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Dato' G. Palanivel, P.J.K. (Hulu Selangor)
- “ Datuk Abdol Mulok bin Haji Awang Damit (Labuan)
- “ Tuan Abdul Aziz bin Mohd. Yassin (Muar)
- “ Tun Abdul Ghafar bin Baba, S.S.M. (Jasin)
- “ Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang (Marang)
- “ Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman (Sungai Benut)
- “ Tuan Abdul Rahin bin Dato' Mohd. Said (Kuala Nerus)
- “ Tuan Abdul Rahman bin Haji Sulaiman, S.S.A., A.M.N., A.M.S., A.M.P., A.D.K. (Parit Buntar)
- “ Datuk Patinggi Tan Sri Haji Abdul Taib Mahmud, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K., S.S.A.P. (Kota Samarahan)
- “ Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusof, D.M.S.M., J.P., B.K.T. (Alor Gajah)
- “ Dato' Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang, D.S.N.S., A.M.N. (Kuala Pilah)
- “ Tuan Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun)
- “ Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datok)
- “ Tuan Akbarkhan bin Abdul Rahman (Libaran)
- “ Tuan Amihamzah bin Ahmad (Lipis)
- “ Datu Amirkahar bin Tun Datu Haji Mustapha (Marudu)
- “ Dato' Seri Anwar bin Ibrahim, S.P.M.P., S.P.C.M., S.S.A.P., D.U.P.N., S.S.S.A., D.G.S.M., S.P.N.S., S.P.D.K., D.M.P.N. (Permatang Pauh)
- “ Raja Dato' Ariffin bin Raja Sulaiman, D.S.D.K., S.M.S. (Baling)
- “ Tuan Asmat Nungka (Beluran)
- “ Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin, D.S.D.K., B.K.M., P.J.K. (Yan)
- “ Tuan Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz, A.S.A. (Hulu Langat)

Yang Berhormat Tuan Billy Abit Joo (Hulu Rajang)

- “ Tuan Haji Buniyamin bin Yaakob (Bachok)
- “ Tuan Chang Kon You (Ipoh Timor)
- “ Tuan Chang See Ten (Gelang Patah)
- “ Che Ibrahim bin Mustafa, P.J.K. (Sungai Petani)
- “ Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera)
- “ Tuan Chiew Chiu Sing (Bintulu)
- “ Dato' Joseph Chong Chek Ah, D.S.P.N. (Batu)
- “ Puan Chua Soon Bui (Tawau)
- “ Tuan Fu Ah Kiow (Mentakab)
- “ Tuan Hamzah bin Ramli (Sri Gading)
- “ Dato' Haji Hanafi bin Ramli, D.S.D.K., S.M.S., K.M.N., A.M.K., A.M.N., P.P.N., P.J.K., J.P. (Jerlun)
- “ Tuan Hashim bin Ismail, P.P.N., P.I.S. (Ledang)
- “ Tuan Haji Hashim bin Jasin (Arau)
- “ Tuan Henrynus Amin, A.D.K. (Kinabalu)
- “ Dato' Hew See Tong, D.P.M.P., J.P., P.M.P. (Kampar)
- “ Tuan Ho Cheong Sing, A.M.N. (Ipoh Barat)
- “ Dato' Hon Choon Kim, D.S.N.S. (Seremban)
- “ Tuan Hoo Seong Chang (Kluang)
- “ Tuan Haji Ibrahim bin Mahmood (Kuala Krai)
- “ Tuan Ibrahim bin Pateh Mohamad (Tanah Merah)
- “ Puan Hajah Ilani binti Dato' Haji Isahak (Kota Bharu)
- “ Tuan Jacob Dungau Sagan, P.P.B. (Baram)
- “ Dato' Jamaluddin bin Adnan (Kuala Selangor)
- “ Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis, D.I.M.P., S.A.P. (Rompin)
- “ Tuan James Jimbun Anak Pungga, P.B.S. (Kapit)
- “ Tuan Jawah Anak Gerang (Lubok Antu)
- “ Tuan Jimmy Lim @ Jimmy Donald (Sri Aman)
- “ Tuan Joseph Mauh Anak Ikeh (Selangau)

Yang Berhormat Datuk Seri Joseph Pairin Kitingan, P.G.D.K., P.N.B.S., S.S.A.P., S.P.D.K. (Keningau)

- “ Dato’ Haji Dr. Kamal bin Salleh, D.S.P.N., K.M.N., P.K.T., J.M.N. (Wangsa Maju)
- “ Tuan R. Karpal Singh (Jelutong)
- “ Dr. L. Krishnan, P.M.C., A.M.N. (Telok Kemang)
- “ Datuk Lau Ngan Siew, A.D.K. (Sandakan)
- “ Dr. Lee Chong Meng (Bukit Bintang)
- “ Dr. G. Leelavathi, A.M.N. (Kapar)
- “ Tuan Liew Ah Kim (Seputeh)
- “ Tuan Lim Hock Seng (Bagan)
- “ Tuan Lim Kit Siang (Tanjong)
- “ Tuan Vincent Lim Kuo Phau (Petaling Jaya Utara)
- “ Puan Lim Lay Hoon, P.P.N., B.K.M. (Padang Serai)
- “ Tuan Lim Siang Chai (Petaling Jaya Selatan)
- “ Datuk Lim Si Cheng, P.I.S. (Senai)
- “ Dato’ Haji Mahbud bin Haji Hashim, D.S.S.A., A.S.A., P.J.K. (Sabak Bernam)
- “ Tuan Mansor bin Masikon (Batu Pahat)
- “ Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Bandau)
- “ Tuan Md. Isa bin Sabu (Kangar)
- “ Tuan Michael Lisa Kaya, B.B.S. (Bukit Mas)
- “ Tuan M. Kulasegaran a/l V. Murugeson (Teluk Intan)
- “ Tuan Haji Mohamad bin Sabu (Kubang Kerian)
- “ Tuan Haji Mohamed bin Haji Abdullah (Pasir Puteh)
- “ Tuan Mohamed Khaled bin Nordin P.I.S. (Johor Bahru)
- “ Datuk Mohd. Salleh bin Tun Said, P.G.D.K. (Kota Belud)
- “ Dato’ Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan, D.I.M.P., P.M.P., A.M.P., J.P. (Larut)
- “ Tuan Mokhtaruddin bin Wan Yusof (Dungun)
- “ Tuan Haji Mustafa bin Muda, A.M.N., A.M.T., P.P.N., P.J.K. J.P. (Hulu Terengganu)

Yang Berhormat Tuan Haji Nik Mohd. Amar bin Haji Nik Abdullah (Pengkalan Chepa)

- “ Tuan Haji Noh bin Omar, A.S.A., P.J.K., J.P. (Tanjong Karang)
- “ Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi (Balik Pulau)
- “ Datuk Nurnikman bin Abdullah (Beaufort)
- “ Datuk Osu bin Haji Sukam, P.G.D.K. (Papar)
- “ Dr. Patau Rubis, P.B.S. (Mas Gading)
- “ Tuan Paul Nointien, A.D.K. (Penampang)
- “ Datuk Philip Yong Chew Lip, A.D.K. (Gaya)
- “ Dato' Haji Qamaruz Zaman bin Haji Ismail, D.P.M.P., P.C.M., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Bagan Serai)
- “ Tuan Radin Malleh (Tenom)
- “ Dr. Ramli bin Taib (Kemaman)
- “ Mulia Tan Sri Tengku Razaleigh Hamzah, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang)
- “ Tuan Richard Riot Anak Jaem (Serian)
- “ Tuan Robert Lau Hoi Chew (Sibu)
- “ Puan Rohani binti Haji Abd. Karim, P.P.B. (Santubong)
- “ Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad, P.I.S. (Parit Sulong)
- “ Dato' Salamon bin Selamat, D.P.M.S., S.S.A., A.M.S., P.J.K. (Shah Alam)
- “ Dr. Sanusi bin Daeng Mariok (Rantau Panjang)
- “ Puan Seripah Noli binti Syed Hussin (Sepang)
- “ Cik Siti Zainab binti Abu Bakar, S.M.J. (Tebrau)
- “ Datuk S'ng Chee Hua, D.S.N.S., P.G.D.K. (Julau)
- “ Datuk Song Swee Guan, P.G.D.K. (Bandar Kuching)
- “ Cik Sukinam Domo (Batang Sadong)
- “ Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed, D.J.M.K., J.P. (Machang)
- “ Dr. Tan Chong Keng (Bukit Mertajam)
- “ Dr. Tan Kee Kwong (Segambut)
- “ Tuan Tan Kok Wai (Cheras)
- “ Dr. Tan Seng Giaw (Kepong)
- “ Dr. Tan Yee Kew (Kelang)

Yang Berhormat Tuan Tiong Thai King (Lanang)

- “ Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman, B.K.M. (Pokok Sena)
- “ Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, P.B.S. (Batang Lupar)
- “ Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood (Tumpat)
- “ Tuan Wong Kam Hoong, K.M.N. (Bayan Baru)
- “ Dato' Yap Pian Hon, D.M.P.S., A.M.N., P.J.K. (Serdang)
- “ Dr. Yap Yit Thong, A.M.P., A.M.N. (Lumut)
- “ Dr. Yee Moh Chai (Tanjong Aru)
- “ Tuan Yeong Chee Wah (Batu Gajah)
- “ Tuan Yunof Edward Marinking (Tuaran)
- “ Tuan Yunus bin Rahmat (Jelebu)
- “ Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob, P.G.D.K., A.D.K. (Sipitang)
- “ Tuan Zainal Abidin bin Osman (Mersing)
- “ Tuan Haji Zainuddin bin Haji Mohamad Nor, S.M.K. (Pasir Mas)
- “ Dato' Haji Zakaria bin Mohd. Said, D.S.D.K., S.M.K., K.M.N., P.J.K. (Kuala Kedah)

**DEWAN RAKYAT****PEGAWAI-PEGAWAI KANAN**

Setiausaha Dewan Rakyat	:	Datuk Mohd. Salleh bin Haji Hassan
Ketua Penolong Setiausaha	:	Zamani bin Haji Sulaiman
	:	Haji Mustakin bin Selamat
Penolong Setiausaha	:	Nor Hayatee binti Abdullah
	:	Haji Mustafa bin Abdul Rahman
	:	Ruhana binti Abdullah

**CAWANGAN DOKUMENTASI**

Pegawai Penerbitan	:	Azhari bin Hamzah
	:	Monarita binti Mohd. Hassan
Pelapor Perbahasan Parlimen	:	Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop
	:	Mohd Saleh bin Mohd. Yusop
	:	Mohamed bin Osman
	:	Hajah Norishah binti Mohd. Thani
	:	Shamsina binti Janor
	:	Nora'ini binti Hetam
	:	Ramlah binti Mohd. Yusuff
	:	Miskiah binti Hassan
Pembaca Pruf	:	Rosnani binti Ahmad
	:	Abu Bakar bin Hasan

**CAWANGAN BENTARA**

Bentara Mesyuarat	:	Mejar (B) Abdul Halim bin Haji Ali
	:	Mejar (B) Zakaria bin Salleh
	:	Mejar (B) Kamaruddin bin Abdullah

## MALAYSIA

## DEWAN RAKYAT

Khamis, 6 Mei 1999

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

## DOA

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Ong Tee Keat) *mempengerusikan Mesyuarat*]**RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT****RANG UNDANG-UNDANG PENERBANGAN AWAM  
(PINDAAN) 1999****Bacaan Kali Yang Pertama**

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Penerbangan Awam 1969; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan; dibaca kali yang pertama; akan dibaca kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

*[Mesyuarat berhenti seketika]*

**Tuan M. Kulasegaran:** Apa masalahnya?

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, nampaknya tidak ada orang di sini, mungkin kita perlu tangguhkan buat seketika kerana mereka anggap ini pukul 11.00 baru kita bermula, sedangkan kita bermula pada pukul 10.00. Itu masalah sekarang, masalah komunikasi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat tidak perlu buat anggapan ataupun andaian.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Itu bukan andaian, saya buat cadangan.

**Tuan Michael Lisa Kaya:** Kepong, duduklah!

**Dr. Tan Seng Giaw:** Kita perlukan masa tetapi buang masa sahaja sekarang.

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** *[Menyampuk]*

**Dr. Tan Seng Giaw:** Ini peraturan mesti diikuti.

**Tuan Michael Lisa Kaya:** You sahajalah cakap!

**Dr. Tan Seng Giaw:** Ini tidak ada peraturan. Parit yang Sulong memang tahu peraturan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, tenang, Kerusi akan buat keputusan, apa yang hendak diheboh-hebohkan.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Bukan. Saya hendak buat cadangan sahaja.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]:** Setiausaha, sila.

**RANG UNDANG-UNDANG**

**RANG UNDANG-UNDANG BANK PERTANIAN MALAYSIA  
(PINDAAN) 1998**

**Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang." [5 Mei 1999]

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, sebelum kita bermula saya hendak membangkitkan Peraturan Mesyuarat 67(6). Semalam setelah dibacakan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan bacaan kali yang kedua dan Usul mengenai Anggaran Pembangunan Tambahan disetujui, Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan dan ketetapan akan terserah kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis dan juga kepada sepuluh.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]:** Jadi, apa Yang Berhormat bangkitkan?

**Dr. Tan Seng Giaw:** Saya bangkitkan hal ini untuk diperbetulkan sebab semalam itu hanya untuk Maksud B.51 – Kementerian Luar Negeri dan B.51 dikemukakan di dalam Dewan yang mulia ini dan Maksud P.53 tidak.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]:** P.53 di bawah kementerian mana?

**Dr. Tan Seng Giaw:** Maksud P.53 tidak dibentangkan - Simpanan Luar Jangka. Saya bangkit di sini supaya kita dapat membetulkan keadaan, mesti ikut peraturan, bukan hendak bidas siapa.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]:** Tidak Yang Berhormat. Biasanya kalau sesuatu yang membina, yang bernas tentu akan diambil kira.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Memang kita sentiasa bernas. [Ketawa] Mesti kita kaji dan membetulkan keadaan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]:** Baik, biar saya semak sebab kelmarin bukan saya mampengrusikan persidangan. Setiausaha, sila. [Mesyuarat berhenti seketika]

Yang Berhormat dari Kepong, terima kasih atas apa yang dibangkitkan dan saya telah berpesan kepada Setiausaha menyemak dengan segera. Sekiranya ada apa-apa yang tertinggal biar kita betulkannya mengikut peraturan mesyuarat. Kita teruskan dengan apa yang ada untuk hari ini.

Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Bank Pertanian Malaysia 1969 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Tambun.

**10.12 pagi**

**Tuan Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah [Tambun]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya menyokong pindaan kepada akta tersebut kerana kita memang sedia maklum banyak badan berkanun menghadapi masalah apabila hendak mengambil tindakan disiplin ke atas kakitangannya. Dengan adanya pindaan ke atas rang undang-undang tersebut bahawa masalah yang sering dihadapi oleh badan-badan berkanun termasuk Bank Pertanian dapat diatasi.

Di samping itu, saya ingin menyentuh tentang kedudukan Bank Pertanian di dalam pembangunan ekonomi negara kita. Kita sedia maklum bahawa negara kita dalam proses pemulihan ekonomi berlaku penyesuaian di pelbagai sektor termasuk

sektor pertanian. Setelah kita menghadapi masalah import kos makanan sebanyak RM11 bilion pada tahun 1997 maka kerajaan mendapati bahawa sektor pertanian mesti diberikan tumpuan penting. Saya melihat daripada maklumat-maklumat daripada kerajaan dari segi pertumbuhan sektor pertanian strategi yang akan ditekankan ialah pertumbuhan dalam bentuk horizontal mahupun dalam bentuk vertical dan pertumbuhan sektor pertanian akan menjadi begitu pesat pada tahun-tahun akan datang.

Yang menjadi persoalan kita adakah Bank Pertanian Malaysia bersedia untuk menghadapi tugas yang besar yang akan dipikul oleh bank tersebut di dalam pertumbuhan sektor pertanian nanti. Saya menyentuh perkara ini daripada pelbagai sudut setelah saya mengkaji laporan Bank Pertanian berasaskan laporan yang telah dibentang pada tahun lalu berdasarkan laporan tahunan berakhir pada tahun 1996 ada beberapa bahagian dalam pengurusan bank tersebut yang perlu diperkukuhkan terlebih dahulu jika kita mahu memastikan bahawa Bank Pertanian dapat memainkan peranan penting di dalam pembangunan sektor pertanian.

Ada beberapa perkara yang ingin saya sentuh dan di dalam saya menyentuh isu-isu tersebut saya berharap bahawa Bank Pertanian akan mempunyai satu pelan bisnes yang begitu lengkap dan terperinci (a proper business plan) supaya bank tersebut berkesan dalam pembangunan sektor pertanian. Saya menganggap Bank Pertanian sebagai 'big players' di dalam pembangunan sektor pertanian. Bank tersebut sepatutnya ke hadapan terutama kerana kalau kita lihat daripada struktur pembangunan ekonomi negara kita dari segi hierarki ekonomi, kita ada kerajaan, kemudian bank dan sektor swasta sebagai....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, Kepong bangun.

**Tuan Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah:** Apa ini.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Penjelasan. Saya hendak tolong Yang Berhormat dari Tambun sekarang. Adakah Yang Berhormat sedar bahawa kerana tidak ada menteri, timbalan menteri ataupun setiausaha parlimen, kemudian saya pun tidak tahu sama ada pegawai ada di sini.

**Tuan Michael Lisa Kaya:** Pegawai ada.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Maka Yang Berhormat dari Tambun boleh berucap tetapi tidak ada orang yang mengambil perhatian, mengambil pusing. Itu masalah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, saya rasa ini bukan sesuatu yang perlu Yang Berhormat kluatir sangat. Sebab biasanya pegawai yang bertugas itu tetap ada dan bila Yang Berhormat dari Tambun berucap, Yang Berhormat boleh minta penjelasan mengenai ucapannya, bukannya menyentuh kepada perkara-perkara yang tidak berkaitan.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Memang berkaitan, kalau dia berucap tidak ada orang mendengar macam mana?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat! [Ketawa] Takkanlah Yang Berhormat hendak ambil tugas saya. Sila Tambun.

**Tuan Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak perlu layan. Isu Kepong itu begitu remeh. Saya tahu Kepong mahu ucapan saya diamati kerana banyak isu penting yang saya akan bangkitkan. Beliau tahu saya akan membangkitkan perkara-perkara tersebut.

Tadi saya menyentuh tentang Bank Pertanian sebagai 'big players' dan saya menyatakan dari segi hierarki ekonomi negara kita – kita ada kerajaan, kita ada sektor swasta yang dipanggil sebagai pengusaha dan di tengah-tengah kita ada bank. Kalau

kita lihat dari segi hierarki ini kerajaan menyediakan peraturan dan dasar. Maksudnya kerajaan menyatakan pada tahun ini kita mahu sektor pertanian diperkembangkan dengan pesat, tetapi yang akan melaksanakan ialah pengusaha. Kerap kali kita lihat di antara pemikiran kerajaan dengan pengusaha berbeza. Pengusaha terdiri daripada pelbagai pengusaha, ada yang besar, ada yang kecil dan setengah begitu complacent, mereka telah mendapatkan keuntungan dan banyak juga pengusaha kita yang tidak melihat ke hadapan. Apa yang mereka perolehi pada masa ini mereka ingat akan kekal dan terus dapat dipertahankan.

Di sinilah Bank Pertanian yang menjadi perantara antara kerajaan dengan sektor swasta kerana bank memainkan peranan memberi pinjaman kepada pengusaha. Di sini saya cuba membayangkan jika Bank Pertanian menjadi the leading players di dalam sektor pertanian, Bank Pertanian akan menjadi rujukan kepada pengusaha-pengusaha ke arah manakah pembangunan masa hadapan akan dijalankan. Sebagai contoh, walaupun bidang perladangan kelapa sawit dari segi sistem kementerian kita diletak di bawah Kementerian Perusahaan Utama, tetapi dari segi kategori sektor, kelapa sawit adalah dalam sektor pertanian.

Saya ingin menyentuh sedikit untuk menyokong pendapat saya di sini. Kita dapati bahawa negara kita terperangkap dalam mentality negara membangun. Saya lihat sebelum kelapa sawit kita ada getah. Mentality negara membangun ini adalah mentality kita menjadi pembekal kepada bahan mentah. Selagi kita dapat bertahan menjadi pembekal kepada bahan mentah maka kita rasa kita sudah berjaya. Jadi, berasaskan kepada mentality ini syarikat-syarikat kita mengeluarkan bahan mentah. Sekarang oleh kerana negara Thailand, China secara meluas menanam getah dan begitu juga Indonesia, kita dapati kita tidak boleh bersaing. Kerana kita terperangkap dengan pemikiran negara membangun, kita menumpu kepada pengeluaran bahan mentah, bahan mentah kita sudah bersaing dengan negara lain dan harganya tidak begitu baik dan kita mendapati bahawa di dalam sektor ataupun industri getah kita sudah dipinggirkan.

Jadi, saya lihat bahawa masalah sama juga akan kita hadapi dalam sektor kelapa sawit, kita pergi upstream, kita buat research untuk mengeluarkan benih yang baik dan sebagainya. Pada hal kita sedar antara tahun 2005 hingga 2010 negara Indonesia akan mengatasi kita dari segi pengeluaran bahan mentah, kelapa sawit. Di sini saya menyatakan pentingnya peranan bank kerana yang berhubung secara langsung dengan pengusaha adalah bank. Bank boleh memberikan nasihat kepada pengusaha-pengusaha bahawa sekiranya kita terus-menerus menekankan kepada pengeluaran bahan mentah, pada tahun 2005-2010 kita akan terpinggir dalam industri kelapa sawit. Bermakna bahawa bank perlu menasihati kepada pengusaha-pengusaha supaya kita berpindah kepada downstream. Jika kita lihat dari segi mentality Singapura umpamanya, kita sebagai pengeluar bahan mentah, Singapura menjadi marketing agent bahan mentah kita. Kalau kita lihat daripada statistik pengeluaran terbesar bijih timah dan getah pada masa zaman keagungan atau zaman keemasan Malaysia sebagai pembekal bijih timah dan getah terbesar di dunia, dari segi statistik di negara-negara maju ia tidak mengatakan kita pengeluaran terbesar. Ia mengatakan Singapura kerana Singapura mengambil sikap pergi downstream, ia buat aktiviti marketing ataupun ia buat processing ataupun manufacturing.

Di sini berbalik kepada isu kelapa sawit tadi. Saya berpendapat kita mesti menguasai industri ini daripada upstream sampai downstream. Bermakna kita sepatutnya sudah ada syarikat-syarikat transnasional. Kalau kita membekal kelapa sawit ke negara China, Pakistan, India dan negara-negara Timur Tengah sepatutnya kita sudah ada kilang kita di sana. Kita mesti menguasai sampai kepada pasaran pengguna. Kalau kita masih lagi terperangkap dalam pemikiran negara membangun, kita berpuas hati sebagai pengeluar terbesar dari segi bahan mentah, pada masa akan datang kita akan kehilangan industri ini. Pada hal kita mesti ingat bahawa dari segi

sumbangan kelapa sawit kepada KDNK kita adalah 15%, iaitu satu sumbangan yang paling besar dan ini akan hilang jika pengusaha kita tidak mengubah sikap supaya kita pergi kepada downstream.

Oleh yang demikian, persoalan saya adakah Bank Pertanian mempunyai kapasiti untuk memainkan peranan tersebut. Saya berpendapat di dalam business plan Bank Pertanian, ia perlu menekankan selain daripada kita membiayai pengusaha-pengusaha kita sama ada pengusaha korporat ataupun pengusaha-pengusaha kecil sebagai client bank tersebut. Bank mesti menekankan kepada peranan untuk melakukan research, planning dan consultancy, supaya peranan ini dapat dimanfaatkan oleh pengusaha kita kerana saya berpendapat pada abad yang akan datang, daripada sekarang kita mesti, dengan izin, we must catch the future now, ini bermakna pengusaha kita mesti bersedia daripada sekarang untuk menguasai masa hadapan.

Dengan yang demikian, Bank Pertanian seharusnya mempunyai linkages dengan institusi-institusi penyelidikan. Saya ambil contoh, California umpamanya, terkenal dengan wine central, ada research, ada universiti, walaupun dalam satu bidang, bidang wain sahaja, ia ada bank, ia ada pengusaha dan kemudian ada transnational company di merata dunia. Begitu juga Holland, kita lihat mereka menjadi supplier terbesar dari segi menjual bunga kerana mereka menekankan kepada research, kepada planning dan peranan consultancy untuk berubah atau menentukan masa hadapan industri tersebut.

Saya berharap bahawa kita mesti memindah mentality ataupun minda Bank Pertanian kepada mentality dan minda yang selaras dengan masa hadapan. Di samping itu, saya cuba melihat dari segi kedudukan bank berdasarkan kepada laporan tahunan seperti mana yang saya nyatakan tadi.

Pertama, saya ingin menyentuh tentang skim perkhidmatan Bank Pertanian, saya cuba fikir, Tuan Yang di-Pertua, bank adalah satu bidang dalam sektor korporat, adakah sesuai pegawai yang bekerja di bank menggunakan skim perkhidmatan kerajaan, bermakna bahawa mereka adalah pegawai kerajaan tetapi bekerja di dalam sektor korporat. Adakah ini satu yang sesuai? Saya berpegang kepada isu 'bolt and nut', ia mesti sama size barulah dia boleh masuk. Begitu juga dari segi ekonomi, bermakna kalau dia pegawai kerajaan dia mesti bekerja dalam sektor perkhidmatan kerajaan, barulah berkesan tetapi kalau dia bekerja dalam sektor korporat, dia tidak akan jadi berkesan.

Saya dapati ini salah satu sebab kerajaan melaksanakan program penswastan, perkhidmatan kerajaan yang didapati lebih mirip, lebih efisien dijalankan oleh sektor swasta dipindahkan supaya ia bukan sahaja memberi manfaat kepada kerajaan malahan kepada seluruh rakyat negara kita ini dari segi menerima perkhidmatan yang terbaik untuk rakyat negara ini. Berbalik kepada isu yang saya nyatakan tadi, is it compatible marriage, dengan izin, antara pegawai kerajaan di dalam sektor korporat terutama menjalankan sebuah bank. Adakah bank itu berjalan dengan efisien atau tidak, dalam kajian saya, saya dapati tidak begitu efisien berdasarkan penyata-penyata kewangan yang saya lihat di sini. Sebagai contoh saya nyatakan, apabila kerajaan meluluskan 'Fund for Food' (3F), cuba kita bayangkan, Tuan Yang di-Pertua, semua beri saya confuse ...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]:** Ya, Yang Berhormat betul.

**Tuan Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah:** 'Fund for Food', 3F, kita lihat secara logikal dan secara rasional, apabila kerajaan meluluskan 3F ini (Fund for Food), ke manakah wang pinjaman ini patut disalurkan. Adakah kepada Bank Bumiputra, Malayan Banking, bank komersial ataupun Bank Pertanian. Pada anggapan saya mesti Bank Pertanian, kerana ini menjadi core-business tetapi apabila kerajaan tidak menyalurkan kepada Bank Pertanian, tentu ada sesuatu yang tidak betul.

Bermakna kita tidak yakin Bank Pertanian dapat memainkan peranan untuk menyalurkan wang ini kepada client kita.

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, Yan bangun.

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, pandangan Yang Berhormat. Adakah Yang Berhormat setuju, kadang-kadang Fund for Food ini, yang disalurkan ke bank-bank komersial yang tertentu, pegawai-pegawai tersebut sendiri tidak memahami tujuan Fund for Food ini ditajakan oleh kerajaan. Oleh yang demikian kadang-kadang pemimjam-peminjam itu menghadapi masalah dan kadang-kadang bank itu sendiri mengatakan, mereka menyusahkan pelanggan untuk memohon pinjaman tersebut kerana mereka tidak memahami.

Jadi, saya bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat supaya kerajaan khususnya bank-bank tertentu untuk menguruskan Fund for Food ini. Adakah Yang Berhormat setuju dengan pandangan saya. Terima kasih.

**Tuan Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah:** Tuan Yang di-Pertua, saya selalu bersetuju bahawa kita mesti melakukan sesuatu berasaskan kepada prinsip professionalism. Saya nampak ini yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Yan, ini yang menjadi masalah. Apabila disalurkan kepada bank komersial, kita dapati orang yang tidak sesuai menjalankan, kita tahu commercial bank kalau dari segi industri pertanian, ia akan membiayai syarikat korporat yang besar dalam bidang perladangan ataupun dalam bidang industri kelapa sawit. Mereka tidak akan menyalurkan kepada orang yang hendak menyangkul, hendak tanam sayur.

Jadi, ini yang dikatakan compatible marriage, ini bukan compatible marriage, kita meletakkannya di dalam bank yang tidak tahu-menahu tentang industri ini. Tetapi isu yang saya hendak bangkitkan tadi, mengapa tidak disalurkan kepada Bank Pertanian. Saya melihat jelas daripada makluman ini, tahun 1996, kalau kita lihat pun Tuan Yang di-Pertua, penyata kewangan 1996. Ini yang latest yang dihantar ke Parlimen tahun lalu, sekarang tahun 1999, sepatut latest yang kita terima ialah 31 Disember 1997, 1998 mungkin tidak boleh kerana sekarang sedang diaudit mungkin akan dikeluarkan dalam bulan September.

Daripada sini kita dapati tidak ada keyakinan kita kepada kebolehan bank ini dan saya akan menyentuh perkara ini dengan lebih detail nanti. Jadi, saya dapati bahawa antara sebab bottle-neck kepada efficiency bank ini adalah kerana skim perkhidmatannya. Apabila kita menetapkan skim perkhidmatan kerajaan di dalam sektor perbankan kita akan dapat menerima pegawai-pegawai yang baik. Mereka akan pergi ke banyak commercial bank, merchant bank, finance company, dia tidak akan bekerja di bank ini dan saya kenal ramai daripada pegawai di Bank Pertanian.

Walaupun mereka pegawai dan mereka telah menjadi pegawai begitu lama, ada perasaan inferiority complex dalam diri mereka, kerana dalam industry banking, dia ada social structure, Tuan Yang di-Pertua. Kalau mereka yang bekerja di Hong Kong Bank, Bank of America, Chartered Bank ini, dia duduk di struktur yang atas. Apabila kita jumpa mereka, daripada mana, saya daripada Chartered Bank. Dia rasa macam itu bangga, kemudian level yang kedua, bank-bank tempatan yang besar, Malayan Banking, Bank Bumiputra sudah agak tidak berapa.

Yang paling bawah sekali Bank Pertanian, pergilah kalau tidak terjumpa, tidak ada moral, malu, rasa rendah diri kerana apabila membandingkan dengan bank lain yang skim perkhidmatan yang begitu baik, dari segi pinjaman perumahan yang baik, kereta, gaji banyak, dapat promotion yang mudah, dapat pergi belajar dan latihan di luar negeri, dia duduk di situ.

Akibat daripada itu, mereka tidak lagi begitu positif, dari segi hendak meningkatkan kepakaran mereka. Saya percaya tidak hairan kalau kita berjumpa pegawai kredit daripada Bank Pertanian yang tidak tahu bidangnya, on paper dia tahu tetapi dia tidak tahu bidangnya. Ia ada dua, Tuan Yang di-Pertua, kita pakar on paper, kita research, kita excellent tetapi kita tidak tahu tentang on the ground. Kalau pegawai Bank Pertanian good on paper but not good on the ground, tidak ada makna kita mempunyai Bank Pertanian, baik kita buat satu bank biasa yang good on paper not good on the ground.

Jadi, saya berpendapat bahawa skim perkhidmatan ini mesti dipinda, ada pendapat dari beberapa rakan, dia kata, kalau Yang Berhormat cadangkan skim perkhidmatan ini dipinda, kemudian kerajaan akan buat jadi ia korporat (corporatise) atau jadikan privatisation, nanti ia akan berpindah menjadi satu bank yang lain. Bank yang berasaskan kepada keuntungan dan akhirnya akan merugikan petani-petani, penternak-penternak ataupun mereka yang terlibat dalam bidang pertanian. Jadi, ini pun satu hal, Tuan Yang di-Pertua

Pada pandangan saya, sama ada kita perlu corporatise ataupun tidak, kita mesti kaji dengan mendalam. Privatise mesti jangan, corporatise mesti dikaji dengan mendalam. Pada pandangan saya, lebih baik kita maintain bank ini di dalam sistem yang sekarang tetapi kita kecualikan skim perkhidmatan kerana ini hanya diluluskan oleh kerajaan. Kerajaan mesti memberitahu ini bank kerana kadang-kadang kita menghadapi masalah ini Tuan Yang di-Pertua, apabila sektor awam terlibat dalam sektor swasta.

Katakan ia punya holding company sektor awam, subsidiary sektor swasta, syarikat sendirian berhad, yang sepatutnya apabila dia masuk sektor swasta, dia mestilah mempunyai skim yang sama dengan sektor swasta. Dengan itu pengurusan gaji lebih banyak kemudian di badan induk gaji sedikit, dia kata tidak boleh, kemudian cari orang yang substandard untuk menjalankan satu perkhidmatan yang besar dalam sektor swasta.

Jadi, saya berpendapat bahawa kerajaan mesti mempertahankan bank ini di dalam cara sekarang tetapi di samping itu skim perkhidmatannya mesti dikecualikan daripada skim perkhidmatan yang ada sekarang daripada kerajaan, dia mesti competitive dengan private sector untuk kita dapat menarik pegawai-pegawai yang pakar dalam bidang tersebut.

Kedua, tentang bentuk Bank Pertanian, Tuan Yang di-Pertua. Saya cuba mengkaji balance sheet bank ini, baik dari segi sebelah aset (asset mite) mahupun dari segi capital structure. Saya tidak dapat memikirkan bentuk apakah bank ini, adakah ini bank pembangunan, Bank Pertanian sepatutnya memang bank pembangunan tetapi adakah ia bank pembangunan ataupun ia commercial bank kerana ada ciri-ciri commercial bank di dalam bank ini terutama dari segi struktur modalnya. Berdasarkan pada penyata tahun 1996 ada lebih RM3 bilion dalam bentuk deposit, ia terima deposit pula ini bukan bentuk bank pembangunan.

Bank pembangunan dibiayai oleh dana kerajaan dan sebagainya tetapi ini ada pula sistem bank perdagangan (commercial bank) di situ, ada pula GIRO, ada pula ATM, ini adalah ciri-ciri commercial bank. Kemudian, saya kaji pula dari segi struktur asetnya, saya dapati ada pula pelaburan. Daripada lebih RM3 bilion simpanan daripada pelanggan dipecah kepada pelaburan, ada RM1.6 bilion, adakah ia juga syarikat pelaburan?

Jadi confusing, selepas itu saya lihat daripada RM1.6 bilion pelaburan, ada pula RM600 juta pelaburan dalam unit saham. Dari segi bank, Tuan Yang di-Pertua, kalau melabur dalam unit saham, bank ini agak 'pondan' ...

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]:** Ya, Yan bangun.

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin:** Penjelasan Yang Berhormat, di pagi ini saya tahu perkataan apa, 'pondan'. Adakah Yang Berhormat berpendapat bahawa bank ini tidak khusus, Yang Berhormat mahu bank ini khusus dalam satu-satu bidang tertentu macam di sesebuah negara bila kita kata farmers bank, maknanya bank itu benar-benar membantu petani-petani dan petani-petani puas hati tentang pentadbiran bank itu. Ataupun Yang Berhormat berpendapat bahawa Bank Pertanian ini, ia sekerat-kerat, ia masuk merata lubang, jadi problem, benda tidak kesampaian. Adakah itu pendapat Yang Berhormat, ini saya bercakap cara orang kampung kata, Bank Pertanian ini masuk sekerat-kerat, di sini masuk, di sana masuk dan mereka tidak tentu arah, mereka tidak tahu ke mana targetnya. Adakah Yang Berhormat bersetuju dengan pandangan saya, terima kasih.

**Tuan Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah:** Ini yang hendak saya sentuh, Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya saya bersetuju dengan kedua-dua cara dan saya akan bincangkan dengan lebih detail tetapi saya dapati - cuba kita bayangkan bank, bank ini melambangkan kepakaran dalam bidang kewangan tetapi mengapa ia melabur dalam Unit Trust yang dijalankan oleh badan lain. Sepatutnya ia sendiri menjalankan Unit Trust, ini Unit Trust dijalankan oleh bank lain dan ia masuk di situ sampai lebih setengah bilion.

Jadi, saya hendak fahamkan di mana duduknya bank ini, walaupun apa keputusan kita buat Tuan Yang di-Pertua, saya sebenarnya bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat dari Yan. Maknanya kalau Bank Pertanian, ia Bank Pertanian, mengapa meletakkan ke dalam pelaburan, pada hal wang pelaburan sebanyak RM1.6 bilion ini boleh dipindahkan dalam bentuk pinjaman kepada mereka yang terlibat dalam bidang pertanian. Lebih memanfaatkan, kita tidak perlu import hingga RM11 bilion tetapi wang RM1.6 bilion ini tidak pergi ke situ, letak dalam bentuk pelaburan dan pelaburan dalam bentuk unit saham dan saya percaya, kita tidak ada maklumat di sini. Saya percaya, saiz pelaburan ini tidak lebih separuh daripada saiz sekarang. Kalau dalam laporan ini ada qualification daripada auditor menyatakan bahawa sistem perakaunan ini tidak mengikut Standard Perakaunan Antarabangsa (IAS) Bilangan 25 kerana kita meletak dari segi item, dari segi figure pelaburan ini pada harga kita beli. Sepatutnya harga semasa, kalau harga semasa, saya percaya wang ini sudah tinggal setinggi-tingginya 50% dan saya cuba bayangkan kalau gunakan kepada angka ini tahun 1996, ada RM1.6 bilion maknanya sekarang ini sudah tinggal RM800 juta. Macam mana hendak bayar balik pendeposit sebanyak RM3 bilion, kalau pun pendeposit mengeluarkan duit ini.

Jadi, sama ada kita hendak menjadikan Bank Pertanian sebenar dalam bidang Bank Pertanian atau kita hendak menjadikan commercial bank ataupun kita hendak menjadikan syarikat pelaburan, 'bottom line'nya pun mestilah perkhidmatan (service). Kita mesti menekankan kepada produktiviti, efficiency dan ekonomi. Saya tidak sebutkan profitability, saya sebutkan ekonomi, maksud saya ekonomi, ia mesti berjalan di atas dasar kos yang paling minimum.

Bermakna bank ini memainkan peranan yang penting dari segi pembangunan sektor pertanian. Kita tahu sektor pertanian kita bukanlah komersial sangat, kalau kita hendak mengenakan faedah yang tinggi kepada pemimjam kita, sektor pertanian tidak akan berkembang maju. Dengan itu, ia ada elemen sosial, tanggungjawab sosial di dalam memberi pinjaman tersebut, saya tidak menekankan kepada profitability, saya menekankan kepada ekonomi.

Bermakna bahawa kalau kita menekan kepada ekonomi kita dapati operating cost bank ini begitu tinggi. Dia hendak ada simpanan, dia kena buka kaunter simpanan, buat Giro ATM kena ada orang jaga Giro ATM, pelaburan. Akhirnya bank ini mempunyai operating cost yang tinggi. Saya ambil contoh dari segi Fund for Food

tadi. Bank Negara bagi Fund for Food dengan kadar faedah 2% kalau tidak silap saya. Kemudian bank akan mengenakan pula cost kepada pelanggan 4%, maknanya dia ada margin 2% tetapi margin 2% ini tidak cukup untuk cover cost dia, kerana operating cost begitu tinggi dan sekarang lebih lagi malang saya difahamkan apabila Bank Negara kata peruntukan untuk Fund for Food ini ada kemudian Bank Pertanian sudah committed dengan pelanggan tetapi duit tidak datang lagi. Bank Pertanian terpaksa pula pinjam dari money market atau badan lain pada kadar 6%, pinjamkan kepada pelanggan 4% sudah rugi 2%, ini satu perkara yang harus di teliti.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]:** Ya, Yan bangun lagi.

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin:** Yang Berhormat dari Tambun, sekarang - itu hari kita tengok Dasar Pertanian Negara, midterm review tentang belanjawan Seventh Malaysia Plan dan sebagainya. Jadi sekarang ini kerajaan dia tumpu kepada bidang pertanian dan makanan. Jadi, adakah Yang Berhormat ingin mencadangkan kepada kerajaan kita kaji balik dasar Bank Pertanian ini dan biarkan Bank Pertanian ini handle tentang makanan, pertanian sahaja dan menolong petani-petani ini, kerana kalau kita tengok dan kita lihat farmers di negara-negara maju, mereka cukup berasa bangga, berasa seronok dan mereka as a farmers di luar, negara maju ini status mereka cukup tinggi kerana depa ini dibantu dan dilibatkan hingga berjaya tetapi berbanding dengan farmers kita di sini, mereka ini duduk di tahap yang begitu rendah dan adakah Yang Berhormat mencadangkan supaya biar Bank Pertanian khusus dalam bidang ini dan membantu dari sektor pertanian, makanan untuk membantu negara kita ini. Sekian, terima kasih. Adakah Yang Berhormat bersetuju?

**Tuan Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah:** Saya bersetuju Tuan Yang di-Pertua. Itu sebab saya percaya kepada prinsip professionalism. Saya ambil contoh Tuan Yang di-Pertua, kalau tidak silap saya, lima tahun lalu kita berhadapan peperangan dengan soya bean, kelapa sawit ini dia punya sparing partnernya soya bean. Kalau soya bean menjadi di Amerika Syarikat, harga kelapa sawit turun, makna ia competitor. Apa yang berlaku masa itu harga soya bean begitu rendah kemudian harga kelapa sawit begitu tinggi. Malahan kelapa sawit sudah mula masuk ke Amerika Syarikat. Kemudian di free port apa yang Yang Berhormat dari Yan cakap betul-betul berlaku, ia ada bank yang membiayai farmer ini, soya bean ini di free port kemudian dalam analisis pegawai-pegawai sana kita mesti buat satu strategi, strategi di mana kita sabotaj harga kelapa sawit ini dengan mengatakan kelapa sawit ini ada penyakit canserlah. Jadi di sini kita dapati bahawa bank bukan sekadar bagi pinjam tetapi dia memahami industri di seluruh dunia, macam mana hendak melakukan persaingan yang dapat memenangkan pelanggan dia ataupun negara dia.

Jadi kalau kita hendak sampai kepada peringkat itu kita mesti mempunyai orang yang profesional, yang pakar, yang specialist dalam bidang itu. Dia tahu daripada A sampai Z - the A.B.C of pertanian itu yang perlu kita tahu. Kita tidak mahu, saya tengok banyak orang membiayai sesuatu bidang dia tidak, kalau dia biayai shipping, dia tidak tahu what is shipping, bidang petroleum dia tidak tahu. Makna kita hanya amateurs, kita tidak tahu the A.B.C of the industry, kita tidak tahu the A.B.C of agriculture industry, kemudian kita dipanggil, as so call expertise. Ini tidak boleh.

Saya memang bersetuju dengan Yang Berhormat dari Yan kerana saya berpegang balik kepada prinsip pengusaha-pengusaha kecil ini dia ada asset of our nation, hanya kita saja tidak mahu mengakui dan tidak mahu menolong mereka. Kalau kita betul-betul buat dengan sistem perbankan yang betul-betul bagus untuk itu, mereka akan jadi berjaya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]:** Sipitang bangun Yang Berhormat.

**Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya minta pandangan sama ada Yang Berhormat Tambun setuju supaya Bank

Pertanian ini disusun keseluruhan secara besar-besaran supaya menjadi satu bank yang terkenal khusus untuk membiayai projek-projek pertanian di seluruh negara dan seperti yang Yang Berhormat katakan tadi bahawa masalahnya sekarang, pegawai-pegawai ini tidak tahu tentang jenis perniagaan pertanian, tetapi apakah juga Yang Berhormat setuju yang peliknya pula, Bank Pertanian tidak memberi pinjaman untuk membuka ladang kelapa sawit. Ini yang menjadi masalahnya ini Tuan Yang di-Pertua. Jadi ini tidak kena kerana kelapa sawit adalah salah satu pertanian, satu perniagaan yang begitu terkenal dan mempunyai pasaran yang luas dan di sinilah juga punca duit ataupun perniagaan yang untung. Kenapakah tidak kita khaskan kepada Bank Pertanian untuk membiayai kelapa sawit ini sedangkan di situlah punca yang menjadi keuntungan kepada bank-bank, tetapi bank kerajaan ataupun dasar kita, Bank Pertanian tidak beri pinjaman kepada ladang kelapa sawit tetapi bagi pinjaman kepada bank-bank komersial yang lain, sedangkan inilah yang mendapat pulangan yang terbaik. Bank Pertanian ia bagilah pinjam untuk tanaman yang lain yang tidak begitu produktif dan pegawai-pegawai pula tidak begitu berminat untuk menganalisa memberi pinjaman ini, apakah Yang Berhormat bersetuju supaya ini diubahsuai.

**Tuan Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah:** Tuan Yang di-Pertua, kalau Yang Berhormat mengamati ucapan saya, sebenarnya saya menuju ke arah - kita mesti revamp bank. Saya tidak melihat Bank Pertanian sekadar memainkan peranan dalam negara, saya juga melihat kita mesti ada konsep penjajahan dari segi ekonomi, kita mesti menjajah ke Asia Tenggara dan seterusnya menjajah di dunia. Saya rasa Tuan Yang di-Pertua mungkin kerana kita tidak mempunyai sejarah menjadi penjajah, kita dijajah, kita mempunyai small mind. Kita tidak berani hendak pergi ke luar. Saya lihat dalam segi ekonomi dunia, negara-negara yang berjaya, yang menjajah dan negara yang pernah menjajah negara-negara lain dan saya envy negara macam Jepun, macam Korea Selatan, Vietnam, saya percaya inilah akan menjadi, termasuk China, the future economic power kerana mereka pernah menjajah. Kalau dia kena jajah pun ada tragedi yang begitu hebat, kematian ratusan ribu di Hiroshima, di Nagasaki, di Vietnam, di Korea. Kita hanya ada sad story dalam sejarah kita kecuali selepas tahun 1970 bila ada Dasar Ekonomi Baru, baru ada success story, tetapi sad story kita tidak sampai tragedi, sekadar orang kena tampar Jepun, Jepun suruh panjat pokok kelapa, sekadar itu sahaja. Jadi dengan itu ia tidak membentuk satu budaya yang kuat daripada diri kita.

Jadi saya mengambil sikap, kita hendak melangkah ke abad 21, we must change. Kalau kita nampak bank ini tidak begitu sesuai, saya tidak tahu Tuan Yang di-Pertua kalau saya jadi ketua eksekutif bank, pergi ke mesyuarat dunia antara bank-bank pertanian dunialah, di mana dia hendak letak ini. Adakah dia rasa proud, this the financial statement of my bank ataupun dia rasa malu. Pada saya, saya akan rasa malu. Jadi saya bersetuju dengan pandangan rakan saya dari Sipitang - we must revamp the bank.

Dari segi kelapa sawit, saya tidak tahu sama ada sistemnya sekarang berubah atau tidak, tetapi dalam pengalaman saya lebih kurang 10 tahun lalu - bukan 10 tahun tetapi 8 tahun lalu, saya ada minta perbadanan tempat saya bekerja, kita ada minta pinjaman untuk kelapa sawit, diluluskan, bukan tidak diluluskan, diluluskan tetapi cara kita hendak menggunakan wang itu tidak betul. Saya pergi ke Bank Bumiputra Tuan Yang di-Pertua, kita pinjam untuk 1,000 ekar ladang kelapa sawit. Kita perlu lebih kurang RM3 juta masa itu dengan ekuiti kita RM700,000 dan RM2.3 juta dipinjam. Melalui sistem Bank Bumiputra dia bagi term loan, term loan ini kita ada draw down schedule makna kita hendak gunakan dalam masa setahun, apakah draw down schedule kita. Kalau RM2.3 juta, kemudian kita bagi draw down kita akan mengikut draw down schedule wang itu dibagi kepada client, bermakna kepada perbadanan tempat saya bekerja. Sistem Bank Pertanian, ia tidak ada draw down schedule. Apabila kita katalah kita buka kontrak, pada peringkat awal kita buat kerja-kerja infrastruktur kita buat longkang, pembersihan, dia suruh kita hantar kepada dia

voucher untuk kerja-kerja tersebut. Dia tidak praktikal, yang kita perlu draw down katalah kita perlu RM500,000 kita keluar RM500,000 kerja dibuat, kita bayar. Kalau sistem ini wang tidak ada, kontraktor buat, dia bagi kita voucher, kita hantar dia nak verify, sistem itu tidak sesuai. Saya tidak tahu sama ada kelapa sawit - tetapi ini pengalaman saya. Bermakna Bank Pertanian juga bagi kepada sektor kelapa sawit tetapi sistemnya tidak sesuai. Sistem pengeluaran kewangan tidak sesuai dengan itu syarikat peladangan tidak pergi kepada Bank Pertanian seperti mana saya juga. Saya terpaksa pergi ke Bank Bumiputra.

Perkara seterusnya Tuan Yang di-Pertua, saya hendak lihat dari segi struktur modal, ini yang saya kata malu tadi, Tuan Yang di-Pertua. Saya belum pernah jumpa dalam dunia cara ini Tuan Yang di-Pertua. Tahun 1996 modal saham RM42 juta, saya difahamkan sekarang pun RM42 juta. Dalam sistem bank, sistem mana sekalipun sektor korporat kita ada ekuiti ataupun shareholders fund. Shareholders fund mengikut bank ini pada tahun 1996 adalah negatif RM1.26 juta. Dalam sistem perbankan kita ada capital adequacy maknanya leverage kita, kita ada kita punya shareholders fund, kata jumlah tertentu kemudian kita boleh leverage, kita gearing berapa dan mesti berasaskan kepada adequate capital structure. Di sini negatif, jadi bila dia negatif macam mana dia hendak hidup, dia negatif RM1.2 juta, macam mana dia hendak ambil leverage kalau dari segi sistem perbankan yang sebenarnya, dan ini berpunca daripada lebih terkumpul yang negatif RM180 juta.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, Timbalan Menteri bangun.

**Dato' Dr. Affudin bin Haji Omar:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat mungkin membuat perbandingan tidak betul kerana Bank Pertanian bukanlah bank commercial, memang capital adequacy ratio diperlukan, digunakan pada Bank Pertanian. Yang Berhormat bersetuju tak kalau kita kata Bank Pertanian perkataan 'Bank' itu adalah satu misnomer. Bank Pertanian adalah satu institusi pembangunan untuk petani-petani kecil, cuma dinamakan bank tetapi ia tidak menggunakan banyak cara, procedure bank. Jadi kalau hendak gunakan capital adequacy ratio untuk menunjukkan kekuatan leverage kepada equity shareholders fund mungkin tidak ada, sebab Bank Pertanian tidak ada shareholders, hanya kerajaan sahaja. Kerajaan walaupun kurang duit pun ia akan tambah dari masa ke semasa. Jadi bukan saya hendak menyanggah tetapi cuma hendak perbetulkan track Yang Berhormat, tidak boleh guna 100% perbandingan Bank Pertanian dan Bank Bumiputra misalannya. Terima kasih.

**Tuan Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah:** Saya bersetuju dengan pendapat Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya bukan hendak membandingkan. Apa yang saya nak nyatakan, pada peringkat awal tadi saya sudah menyentuh dah, sebenarnya awal saya sudah sentuh, apakah definisi bank ini. Saya kata bank ini bank pembangunan, ia ada ciri-ciri bank komersial, ia ada ciri-ciri syarikat pelaburan. Saya bersetuju kita tidak menggunakan capital adequacy ratio, yang ini saya tertinggal tadi dalam sistem bank ini, tetapi kita tidak pula patut melihat satu bank yang negatif. Saya tidak tahu macam mana saya hendak describe. Ini menggambarkan bahawa bank ini dalam keadaan yang 'letih', yang 'sakit', yang 'tenat'. Jadi ia hanya bergantung kepada duit luaran, makna operasinya bukan satu operasi yang elok - it is not a sound operation. Itu yang saya maksudkan.

Jadi saya berpendapat oleh kerana sekarang kerajaan ada bagi pinjaman sebanyak RM390 juta ini, saya fikir dikaji sama ada ini patut dipindahkan menjadi sebahagian daripada modal saham supaya ia dapat lebih elok lagi. Saya menyatakan perkara ini - saya balik kepada apa yang saya katakan, kalau saya jadi chief executive officer bank tersebut, di dalam mesyuarat bank-bank pertanian atau bank pembangunan dunialah, saya tidak akan tunjuk penyata ini kerana negatif. Apa kebanggaan yang saya hendak nyatakan kepada orang, orang akan tengok kepada saya,

daripada population kita. Daging babi merupakan satu punca protein yang murah kerana satu kilogram daging babi berharga RM4.00 sahaja dibandingkan dengan RM24.00 untuk satu kilo daging burung kasuari, RM20.00 untuk satu kilogram daging rusa, RM15.00 untuk satu kilogram daging lembu dan RM6.00 untuk seekor ayam.

Tuan Yang di-Pertua, seperti yang dimaklum, setiap rakyat Malaysia yang berketurunan Cina memakan proteinya sebanyak 50 kilogram daging babi setahun. Untuk mengeluarkan satu kilogram daging babi penternak perlu memberi makan babinya 2.5 kilogram makanan. Seekor daging babi yang berat 100 kilogram adalah sama berat dengan 50 ekor ayam yang seberat dua kilogram. Setiap hari sebanyak 10,000 ekor babi diperlu untuk penggunaan dan daripada bilangan ini 3,500 ekor dieksport. Maklumat dan angka tersebut menunjukkan betapa mustahaknya industri penternakan babi dan hubungannya dengan kemajuan ekonomi kita, malangnya industri tersebut sudah terancam kerana wabak JE dan Nipah.

Permintaan serta penjualan babi jatuh dengan 90% dan negara Singapura telah pun mengharamkan import babi dari Malaysia. Akibatnya penternak-penternak di seluruh Malaysia tidak boleh menjualkan binatangnya dan mereka menghadapi masalah kewangan dalam urusan ladang mereka. Binatang-binatang mereka perlu diberi makanan setiap hari dan jika diandaikan seekor babi memerlukan makan bernilai RM1.00 sahaja sehari, satu population 1.2 juta ekor babi di negara kita akan memerlukan RM1.5 juta sehari.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, sekejap. Saya hendak mencelah sedikit, Yang Berhormat, kalau boleh cuba hubungkaitkan perbahasan Yang Berhormat dengan pindaan yang dicadangkan dalam rang undang-undang ini sebab menurut Peraturan Mesyuarat 36(1) yang terbaharu, sepatutnya Yang Berhormat menyentuh pada rang undang-undang sahaja dan bukannya pada Akta ibu, akta induk atau apa sahaja yang bersabit dengan kementerian berkenaan.

**Dr. Yap Yit Thong:** Saya faham Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tahu sama ada Bank Pertanian ada peruntukan untuk menyelamatkan industri babi di negara kita. Saya harap Bank Pertanian.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]:** Ya, Senai.

**Datuk Lim Si Cheng:** Terima kasih, saya ingin meminta Yang Berhormat dari Lumut memberikan pandangan beliau. Saya fikir tadi Yang Berhormat dari Tambun juga menyebutkan masalah ini, tabung Fund for Food (3F). Jadi, itu pun di bawah sumbangan Bank Pertanian. Jadi, adakah Yang Berhormat bersetuju dengan saya supaya Fund for Food ini, peruntukan yang disediakan ini juga sepatutnya diberikan bantuan kepada penternak-penternak babi untuk membantu masalah yang dihadapi dan juga untuk kemajuan penternakan ini. Jadi, adakah Yang Berhormat bersetuju dengan saya, peruntukan perlu disediakan, bantuan yang sama perlu diberikan kepada penternak-penternak babi. Sekian, terima kasih.

**Dr. Yap Yit Thong:** Memang saya bersetuju, saya pun hendak merayu kepada kementerian berkenaan memasuki Fund for Food - the Three F Program, untuk menyelamatkan juga industri penternakan babi. Satu lagi saya hendak merayu kepada Bank Pertanian menyediakan satu skim untuk menyelamatkan industri penternakan babi dari segi kredit membayar pembekal, feed meal dan restructure atau memberi moratorium kepada penternak babi berkenaan pinjaman-pinjaman yang sedia ada.

Tuan Yang di-Pertua, dengan kata-kata ini saya memohon menyokong. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]:** Muar.

11.08 pagi

**Tuan Abdul Aziz bin Mohd. Yassin [Muar]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya mengucapkan setinggi tahniah kepada Kementerian Pertanian yang telah dapat menggubal Dasar Pertanian Negara Ketiga. Dasar Pertanian Negara Pertama tidak berapa berjaya, Dasar Pertanian Negara Kedua sangat tidak berjaya, Dasar Pertanian Negara Ketiga ini belum tahu berjaya atau tidak. Saya rasa dukacita, Dasar Pertanian Negara Ketiga belum dapat dibentangkan dan dibekalkan bukunya kepada Ahli-ahli Yang Berhormat di sini. Saya harap Kementerian Pertanian tidak mengabaikan Ahli-ahli Yang Berhormat di sini kerana kita pun boleh membuat pandangan-pandangan yang bernas dan berkesan untuk menjayakan Dasar Pertanian Negara Ketiga.

Tuan Yang di-Pertua, dalam tahun 1958, Rancangan Pembangunan Luar Bandar dilancarkan oleh Yang Amat Berhormat Allahyarham Tun Abdul Razak. Rancangan Pembangunan Luar Bandar bukan sahaja hendak memberi kemudahan-kemudahan asas kepada penduduk-penduduk di kawasan luar bandar dan kemudahan-kemudahan sosioekonomi, bahkan semangat pembangunan luar bandar itu kita hendak menaikkan industri pertanian, khususnya pada fikiran saya dalam Rancangan Pembangunan Luar Bandar penduduknya semangat - agriculture revolution, pembaharuan sektor agricultural kerana pada masa itu 30 tahun dahulu ekonomi kita bergantung kepada pertanian, bergantung kepada hasil-hasil getah, bergantung kepada hasil-hasil forestry, bergantung kepada hasil-hasil mineral seperti timah. Tetapi setelah 30 tahun berlalu dan semenjak Yang Amat Berhormat Dato Seri Dr. Mahathir bin Mohamad menjadi Perdana Menteri, maka penekanan ekonomi negara kita ini telah berubah kepada manufacturing dan industri. Tetapi tidak semestinya, apabila kita menekankan industri pembuatan, industri pertanian itu kita abaikan.

Pada pendapat saya, kerajaan tidak pernah meringan-ringankan industri pertanian tetapi saya takut dan saya bimbang sikap pegawai-pegawai yang bekerja di industri pertanian, di kementerian itu sendiri, di Jabatan Pertanian, Jabatan Haiwan, Jabatan Perikanan, institusi yang telah diwujudkan seperti Bank Pertanian, FAMA, MARDI, Pertubuhan Peladang tidak dapat menukarkan sikap mereka, menggerakkan pemikiran mereka supaya matlamat pembangunan pertanian itu dapat dicapai. Dasar Pertanian Negara Ketiga tidak akan berjaya, sekiranya Kementerian Pertanian tidak mengubah sikap pegawai-pegawai mereka yang berkenaan.

Dasar Pertanian Negara Ketiga tidak akan tercapai sekiranya agensi-agensi di bawah Kementerian Pertanian tidak diubahsuaikan bahkan tugas-tugas separuh daripada agensi itu dikaji semula. Saya pernah bekerja di Kementerian Pertanian dari tahun 1963, saya menjadi Chief Executive FAMA dan Timbalan Pengerusinya dan dalam tahun 1965 sampai tahun 1969, saya terlibat dalam semua agensi yang ditubuhkan oleh kerajaan pada masa itu termasuklah MARDI, Bank Pertanian, Pertubuhan Peladang dan agensi-agensi yang lain KADA, MADA dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, Bank Pertanian diwujudkan kerana hendak membangunkan industri pertanian, khususnya hendak memberi bantuan kepada pekebun-pekebun kecil. Bank Pertanian diwujudkan kerana desakan oleh Bank Dunia. Apabila kita meminjam wang sebanyak US\$180 juta untuk membuat projek di bawah MADA - Muda Agricultural Development Authority. Bila kita utarakan atau mencadangkan supaya bank ini ditubuhkan, kita dapat banyak bantangan, bahkan Bank Negara sendiri membantah penubuhan Bank Pertanian ini. Tetapi alhamdulillah oleh sebab Yang Amat Berhormat Allahyarham Tun Abdul Razak campur tangan, maka penubuhan bank ini telah tercapai.

Saya menyokong penuh tentang pindaan yang hendak dibuat oleh Kementerian Pertanian tentang undang-undang bank ini, dan saya harap pindaan ini akan mempertingkatkan lagi kewibawaan dan efisiensi pegawai-pegawai dalam bank itu, tetapi tidak semestinya, yang pentingnya rasa saya, yang lebih mustahak ialah pindaan-pindaan yang lain-lainnya patut dibuat. Pertama, saya cadangkan pindaan

tentang modal, tentang modal yang hanya dibenarkan sebanyak RM50 juta itu diperbesar. Saya bersetuju dengan pendapat Yang Berhormat dari Tambun, modal yang berbayar bagi Bank Pertanian itu ialah sebanyak RM42 juta.

[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]  
*mempengerusikan Mesyuarat*]

Saya berasa kesal dengan sikap kerajaan semenjak bank ini ditubuhkan, nampaknya keprihatinan kerajaan tentang hendak memajukan bank ini tidak begitu berkesan. Saya harap modal bank ini dapat ditambah, itulah sebabnya bila Yang Berhormat dari Tambun berkata mengapa permohonan untuk memajukan kelapa sawit tidak diberikan kerana tidak ada modal. Lagi satu saya tengok, bank ini telah memungut deposit lebih daripada RM3 bilion. Saya hendak tahu daripada Kementerian Pertanian sama ada deposit yang dipungut oleh bank ini ada jaminan daripada kerajaan. Kalau tidak ada jaminan daripada kerajaan ini bermakna sukar bagi bank ini hendak memobilisasi deposit yang dipungut itu.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Tambun telah berucap dengan panjang lebar tentang fungsi-fungsi dan tugas-tugas bank ini. Sebenarnya bank ini ditubuhkan di bawah satu akta dan bank ini pengurusannya tidak tertakluk kepada BAFIA. Saya berharap, bank ini tidak di'corporatise'kan kerana kuasa-kuasa yang diberi dalam akta ini sangat luas. Yang perlu diperbuat untuk memperbaiki pengurusan bank ini - the bank "must be manage accoding to sound business principle", dengan izin. Bank ini tidak perlu membuat keuntungan tetapi tidak juga membuat kerugian.

Lagi satu, menurut seksyen 11 akta ini, Menteri Pertanian boleh beri arahan kepada bank. Arahan ini diberi supaya menjalankan tugas-tugas bank yang tidak bercanggah dengan matlamat bank ini. Tetapi rasa saya semenjak bank ini ditubuhkan, rasa saya tidak pernah Menteri Pertanian memberi arahan apa-apa. Misal kata, bila kita tubuhkan bank ini, tugasnya hendaklah memberi bantuan kepada pekebun-pekebun kecil, khasnya pada masa itu petani-petani di Kedah yang menanam padi. Itulah sebabnya dalam seksyen 16 akta ini, Bank Pertanian dibenarkan memberi pinjaman tanpa security. Itu hendak membolehkan bank ini memberi pinjaman kepada pekebun-pekebun kecil.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang bank ini kalau hendak memberi pinjaman apa-apa dan kepada sesiapa, ia memerlukan cagaran. Ini satu masalah yang patut diatasi. Saya cadangkan sekiranya bank ini tidak boleh dapat cagaran, bank ini hendaklah menubuhkan satu estate management agency dan ia hendaklah menguruskan estet-estet atau ladang-ladang di mana pinjaman itu akan dibuat. Khususnya Tuan Yang di-Pertua, saya difahamkan di Sarawak, ada tanah-tanah NCR yang hendak dimajukan tetapi tidak dapat pinjaman dari Bank Pertanian. Ini disebabkan NCR tidak diberi title ataupun geran. Saya cadangkan kepada Bank Pertanian supaya diwujudkan satu syarikat untuk menguruskan ladang-ladang dan estet-estet dan sekiranya permohonan pinjaman-pinjaman untuk memajukan tanah NCR ini diterima, hendaklah diluluskan tetapi hendaklah diuruskan ladang-ladang ini oleh syarikat yang saya cadangkan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya banyak lagi perkara yang patut dibuat oleh bank ini tetapi saya tidak hendaklah bercakap dengan panjang lebar kerana kita ada banyak lagi rang undang-undang yang hendak diluluskan tetapi saya minta satu sahaja dan saya menyeru kepada kerajaan supaya Bank Pertanian ini dan juga semua agensi kerajaan di bawah Kementerian Pertanian yang ditubuhkan untuk membantu pekebun-pekebun kecil, nelayan-nelayan kecil, pengusaha-pengusaha haiwan ternakan yang kecil tidak diswastakan dan tidak dikorporatkan. Ini bermakna Bank Pertanian tidak diswastakan dan dikorporatkan, FAMA tidak diswastakan dan tidak dikorporatkan, LKIM tidak diswastakan dan tidak dikorporatkan, tetapi sebelum saya duduk, saya hendak buat satu cadangan.

Saya berasa Jabatan Pertanian tidak begitu berkesan untuk menjalankan tanggungjawab mereka. Yang keduanya, saya berasa MARDI tidak juga berkesan untuk menjalankan tugas-tugas mereka. MARDI ditubuhkan dalam tahun 1970 untuk membuat kajian-kajian agronomik dan sebagainya tentang pembangunan pertanian tetapi kebanyakan research ataupun hasil-hasil kajian yang dibuat oleh MARDI tidak dapat digunakan. Kita memberi peruntukan dan semenjak saya menjadi Ahli Parlimen di sini sekurang-kurangnya RM100 juta setahun kepada MARDI, tetapi apakah hasil-hasil kajian yang telah dibuat oleh MARDI.

Saya suka mencadangkan supaya MARDI itu dibubarkan dan tugas-tugasnya diserahkan semula kepada Jabatan Pertanian kerana saya juga duduk dalam satu jawatankuasa menubuhkan MARDI dan saya berasa dukacita tentang pencapaian yang dibuat oleh MARDI pada masa sekarang ini.

Tuan Yang di-Pertua, inilah sahaja pendapat saya dan saya harap Kementerian Pertanian akan memberi pandangan yang serius. Sekian, terima kasih.

**Beberapa Ahli: [Bangun]**

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Minta Yang Berhormat duduk dahulu, saya ada sedikit pengumuman. Saya telah berbincang dengan Yang Amat Berbahagia Tun Speaker (Tuan Yang di-Pertua) bahawa memandangkan kita ada dua hari termasuk hari ini untuk menyudahkan lebih kurang ada 20 Bills dan Usul-usul, kita tidak ada pilihan, kita tidak dapat melanjutkan perbahasan ini dengan tambahan masa.

Kita kena hadkan masa perbahasan kepada 15 minit seorang. Silakan Tanjong.

**11.21 pagi**

**Tuan Lim Kit Siang [Tanjong]:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Mengenai rang undang-undang di hadapan Dewan yang mulia ini, untuk meminda Akta Bank Pertanian Malaysia 1969.

Di sini saya mahu kemukakan kesal saya bahawa sampai sekarang sungguhpun Bank Pertanian adalah ditubuhkan untuk membantu segala aktiviti di sektor pertanian, bahawa satu bidang dikecualikan daripada bantuan ialah bidang menternak babi dan mungkin masa itu adalah sebab-sebab tertentu kenapa industri menternak babi dikecualikan daripada segala bantuan tetapi oleh kerana malapetaka yang berlaku dalam industri menternak babi di mana bukan sahaja lebih daripada 100 orang nyawa telah terkorban tetapi industri-industri menternak babi yang bernilai dekat RM2 bilion sudah dimusnahkan, oleh kerana kecuaiian, oleh kerana kelalaian yang sangat jelas oleh pihak kerajaan dan bukan oleh kerana kecuaiian industri penternakan babi, bahawa saya harap bukan sahaja Bank Pertanian Malaysia tetapi kerajaan bolehlah mengadakan satu pendekatan yang baharu untuk memberi segala bantuan kepada industri-industri ini supaya penternak-penternak babi bolehlah mengadakan satu permulaan yang baharu.

Ini sangat mustahak oleh kerana Fund For Food yang ada peruntukan RM700 juta dikecualikan bidang-bidang industri menternak babi, satu sebab yang telah diberikan oleh pihak kerajaan kenapa industri-industri menternak babi dikecualikan daripada Fund For Food ialah oleh kerana bidang ini sangat profitable, sangat menguntungkan dan tidak perlu bantuan kerajaan.

Kita tidak mahu lebih mendalam, melebihi atau berbincang sebab-sebab yang lain, tetapi atas sebab itu sekarang tidak boleh diterima oleh kerana industri ini menghadapi satu malapetaka, satu catastrophe.

Saya harap bahawa kita boleh ambil iktibar dan memikul tanggungjawab kita untuk membantu industri ini khasnya saya mahu menegaskan di sini kerajaan

bertanggungjawab atas malapetaka ini, kalau bulan Oktober dan November, pihak kerajaan mengambil perhatian amaran-amaran yang telah dibuat oleh virologist Malaysia bukan virologist luar negara, bahawa mungkin bukan Japanese Encephalitis (JE) tetapi jenis yang lain, apa yang berlaku di Negeri Sembilan tidak harus berlaku, bererti bahawa malapetaka yang berlaku, yang menimpa kepada industri menternak babi di Bukit Pelandok di mana 85 orang meninggal dunia, di Sikamat di mana lima orang meninggal dunia, walaupun satu nyawa sebenarnya tidak patut dikorbankan, semua kematian ini sia-sia, tidak perlu dan avoidable dan collapse industry menternak babi pun, avoidable dan unnecessary.

Sebab itu tiga hari dahulu adalah protes-protes, demonstrasi-demonstrasi penternak-penternak babi di Ibu Pejabat MCA, oleh kerana di situ diletakkan tanggungjawab khasnya dan saya harap bahawa untuk membantu industri menternak babi dan menyelamatkan industri ini bahawa kerajaan sama ada melalui Bank Pertanian Malaysia atau skim-skim yang lain akan membuat satu rancangan khas untuk memusnahkan sejuta ekor babi bahawa pampasan ganti rugi diberi bukan RM50 sekarang tetapi sekurang-kurangnya RM250. Sebenarnya pada awal Mac saya telah mencadangkan bahawa pampasan patutlah RM200 seekor babi yang dimusnahkan, sekarang saya rasa sekurang-kurangnya kerajaan patut memberi pampasan RM250 oleh kerana semua ini adalah kecuaihan pihak kerajaan yang tidak patut berlaku, catastrophe ini tidak patut berlaku kalau kita ada sebuah kerajaan yang competent, yang bertanggungjawab dan ini sangat nyata.

Kedua, kalau begitu satu pampasan RM250 juta untuk lebih kurang satu juta ekor babi dan satu credit scheme RM500 juta untuk menyelamatkan, untuk memulakan sekali industri-industri menternak babi – RM500 juta .....

**Tuan Haji Noh bin Omar:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ya, Tanjong Karang bangun Yang Berhormat.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Point of order.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Point of order yang ke berapa Yang Berhormat?

**Tuan Lim Kit Siang:** Okay.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Ini point of order 36(1), sebab kita hendak dengar juga pandangan Ketua Pembangkang, ada peranan pembangkang dalam negara kita, tetapi kita mahu melihat tentang akta yang dibincangkan, isu JE itu sudah banyak diperbincangkan, saya minta kalau boleh terus kepada akta induklah, bukan kita hendak menolak hak beliau untuk bercakap dalam isu itu, tetapi elok masa pun Tuan Yang di-Pertua, sudah dikurangkan kepada 15 minit, mengapa tidak kita hendak dengar pandangan Ketua Pembangkang tentang isu Bank Pertanian, itu saya rasa lebih elok lagi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ya, saya bersetuju Yang Berhormat, nampaknya akta ini Yang Berhormat telah pergi jauh daripada akta yang ada, Yang Berhormat meluangkan .....

**Tuan Lim Kit Siang:** Itu mengenai, minta maaf, oleh kerana inilah satu bidang pertanian, kita dengar mengenai Dasar Pertanian, ini pertanian, selain daripada akan diakui .....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat telah menyebut dasar tentang .....

**Tuan Lim Kit Siang:** Ya, ya kita dengar tadi, semua dasar .....

**Tuan Haji Noh bin Omar:** Bercakap fasal bank.

**Tuan Lim Kit Siang:** Adakah Ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional boleh bincang dasar tetapi apabila bersabit dengan catastrophe yang berlaku dalam menternak babi tidak boleh bincang.

**Tuan Haji Noh bin Omar:** Saya hendak minta penjelasan.

**Tuan Lim Kit Siang:** Saya hendak minta Yang Berhormat hadir, tetapi saya ada masa yang terhad.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ya, Yang Berhormat.

**Tuan Haji Noh bin Omar:** Tuan Yang di-Pertua, 36(1).

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Apa dia Yang Berhormat?

**Tuan Haji Noh bin Omar:** Sebab kita membincangkan Bank Pertanian. Bank Pertanian ini mana ada beri peruntukan kepada penternak babi, apa ada kena mengena ternakan babi dengan Kementerian Pertanian? Jadi, saya ingat sudah lari dari Peraturan Mesyuarat 36(1) ini.

**Tuan Lim Kit Siang:** Menternak babi bukan dalam bidang Kementerian Pertanian, hidup dalam bulan, apa ini?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat, ...

**Tuan Haji Noh bin Omar:** Tetapi ia bukan dalam fungsi Kementerian Pertanian berkenaan dengan ternakan babi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Siapa yang membawa Bill ini Yang Berhormat, minta Yang Berhormat Timbalan Menteri memberi ulasan sedikit tentang apa yang dibangkitkan ini.

**Tuan Lim Kit Siang:** Bahawa bidang menternak babi bukan satu bidang pertanian.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ada kaitan?

**Timbalan Menteri Pertanian [Dato' Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor]:** Tuan Yang di-Pertua, apa sahaja kegiatan yang berkaitan dengan pertanian, penternakan itu adalah bidang kuasa kementerian saya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ya, sila.

**Tuan Lim Kit Siang:** Itulah boleh? Saya teruskan, ya, saya sebenarnya sudah round-up. Saya tidak tahu kenapa boleh ada Ahli Yang Berhormat yang kata bahawa livestock, menternak babi bukan pertanian, tetapi livestock lain ialah pertanian, itulah hidup dalam bulan.

Untuk menggulung, yang pertama bahawa satu skim RM250 juta untuk pampasan semua sejuta ekor babi yang dimusnahkan, satu skim kredit RM500 juta untuk industri penternak babi supaya boleh start anew, satu pampasan RM50 juta kepada 100 orang yang nyawa mereka telah terkorban bukan oleh kerana kecuaiannya mereka tetapi oleh kerana kecuaiannya Kerajaan Barisan Nasional.

Keempat, bahawa satu pakej RM200 juta untuk semua keluarga tidak kira apa kaum, orang Melayu, orang Cina, orang India yang dapat kesusahan oleh kerana dihalaukan daripada kediaman mereka, pekerjaan mereka oleh kerana ditempatkan di buffer zone supaya mereka perlu dievacuate oleh kerana menjalankan pembunuhan atau pemusnahan binatang-binatang yang terlibat ialah RM250 juta, RM500 juta,

RM50 juta, RM200 juta, RM1 bilion, satu pakej untuk menyelamatkan industri ini dan saya harap bahawa inilah atas kepentingan negara oleh kerana industri menternak babi pun satu industri penting dalam sama ada pertanian atau dalam ekonomi kita dan saya harap bahawa inilah boleh diberi perhatian yang berat oleh kerajaan dan tidak ditolak sebagai satu tanggungjawab, satu parti politik dalam Barisan Nasional.

Inilah satu tanggungjawab kerajaan khasnya oleh kerana kecuiaan kerajaan dan menyebabkan mala petaka ini. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ya, saya suka mengingatkan sekali lagi, perbahasan dihadkan 15 minit seorang. Rompin.

11.36 pagi

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Ketua Pembangkang memanglah, agenda dia hendak menang pilihan raya, Teluk Intan pun orang kuat dia, terus pergi ke luar, lagu yang sama, isu yang dibangkitkan dengan industri babi, saya rasa MCA dan kerajaan tidak menidakkan supaya menolong dan membantu mereka, kerajaan telah banyak membantu mereka tetapi DAP hendak menyanyi lagu kononnya dialah yang membela dan kerajaan tidak atau MCA tidak sebab pilihan raya – betul atau tidak?

**Tuan Lim Hock Seng: [Bangun]**

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Duduklah, saya tidak habis lagi, lepas ini saya akan beri.

**Tuan Lim Hock Seng: [Menyampuk]**

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Hei, betul, tidak usah haraplah hendak ganti, hendak ambil alih Ahli Yang Berhormat dari Tanjong, tidak usah haraplah ya, kalau tidak kena gaya, kalau salah cakap nanti kena pecat, baik tak bercakap lagi senang. Baganlah salah.

Saya rasa dia akan tunggu sekurang-kurangnya lagi lima tahun anak dia keluar, baru dia serahkan anak mengambil alih pucuk pimpinan DAP, Bagan tidak usah haraplah.

**Tuan Lim Hock Seng: [Bangun]**

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ya, Bagan bangun Yang Berhormat.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Saya hanya ada 15 minit lagi. Hujung nanti .....

*[Tuan M. Kulasegaran memasuki Dewan]*

**Tuan M. Kulasegaran: [Bangun]**

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Ha, Teluk Intan bagus, masuk, selepas ini bela sedikit Tanjong, sebab saya rasa yang Bagan hendak ambil alih Ketua Pembangkang, Teluk Intan pun saya rasa lebih layak juga untuk mengambil alih pucuk pimpinan DAP.

**Tuan M. Kulasegaran:** Tidak ada modal, cakap-cakap yang lain. Cakap dengan isu, tidak ada modal, cakap tidak ada modal.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Bila sudah rasa, kata orang 'makan cili rasa pedas', dia bangunlah. Tetapi tak usah hendak haraplah orang India, tidak usah hendak harap hendak menjadi Ketua Pembangkang DAP – tak dapat! Betul, ini betul tengok jelas. *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak menyokong rang undang-undang yang dibentangkan iaitu untuk meminda Akta Bank Pertanian Malaysia 1969.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa ini satu rang undang-undang yang baik untuk meningkatkan lagi keupayaan Bank Pertanian untuk menguruskan badan ataupun bank ini dengan baik khususnya kita melihat dalam akta ini pindaan seksyen 10B, 10D dan 10E semuanya khususnya kepada kaedah untuk mengetatkan lagi disiplin pengurusan bank, terutamanya ialah kerana pindaan ini adalah mengenai dengan komposisi dan kaedah Jawatankuasa Tatatertib.

Kita mengucapkan syabas dengan lulusnya nanti insya-Allah, akta ini, pengurusan bank ini sekurang-kurangnya dari segi meningkatkan lagi disiplin, meningkatkan lagi tahap pengurusan yang lebih cekap akan dapat dilaksanakan dengan baik.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang kedua, saya turut bersetuju dengan rakan-rakan yang bercakap lebih awal kecuali Tanjong bahawa dari segi misi bank ini amat baik, kalau kita lihat dari segi Annual Report, saya sayu sedikit tentang Annual Report ini, saya sokong tetapi laporan ini lebih kurang, cubalah walaupun gawat, ini ketua kampung saya pun boleh buat seperti ini, penghulu saya ingatlah Bank Pertanian, kita bersetujulah supaya dikurangkan kos tetapi bila ada laporan ke Parlimen kenalah juga yang berkilat-kilat seperti ini, [*Sambil menunjukkan laporan tahunan yang berkilat kilat*] sebab ini status kita dan imej kita, kita boleh kurangkan kos, tetapi saya rasa ada tahapnya, imej kita kena jaga.

Saya kalau Bank Pertanian buat begini – hai, selamatkah duit aku ini? Orang kampung pun bertanya. Sebab itu saya harap Yang Berhormat Dato' Timbalan Menteri kenalah memberitahu bank, baiklah dia kurangkan kos, tetapi imej dan standard sebab institusi bank itu kena dijaga juga.

**Tuan M. Kulasegaran:** [*Bangun*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat, Teluk Intan bangun, hendak beri jalan atau tidak?

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Selepas habis ulasan saya, saya akan beri. Sebab itu saya berbalik kepada perkara ini kerana misinya amat baik sekali. Kalau kita lihat dari segi laporannya, katanya: '*menggalakkan kemajuan sempurna*', ini ayat lama, '*menggalakkan kemajuan sempurna dalam sektor pertanian di Malaysia atau mana-mana bahagiannya*' lepas itu juga bermakna kalau kita baca dalam objektif ada empat, saya baca satu, Yang Berhormat Timbalan Menteri, tetapi dilihat di situ dua perkara iaitu memodenkan sektor pertanian kita dan sektor pertanian ini ramai yang terlibat kecuali luar bandar dan luar bandar untuk orang Melayu dan dari segi kita Barisan Nasional bukan hanya orang Melayu yang kita perjuangkan, luar dari orang Melayu pun termasuk juga orang India, ini macam Teluk Intan ini, Teluk Intan selalu mengatakan Barisan Nasional hanya memperjuangkan yang kaya-kaya – tidak. Kita memperjuangkan semua orang termasuk luar bandar, seluruh bangsa Malaysia. Sebab itu jangan bimbang. Yang baiknya Bank Pertanian ini ia banyak rangkaianannya, di seluruh kampung, seluruh kawasan di Malaysia ada cawangannya, bermakna kalau baru-baru ini kita lihat kenyataan daripada Yang Berhormat Tun Daim dari segi fund yang dikeluarkan ataupun dana yang dikeluarkan untuk membantu SMI hanya 2% sahaja yang digunakan, bermakna kerajaan itu dari segi kesedarannya, komitmennya untuk membantu ada, wang dikeluarkan tetapi tidak ada saluran untuk mengeluarkan bantuan ini.

Di Bank Pertanian, saya pernah menjadi ahli lembaga pengarahnya, sekarang saya tidak lagi, saya boleh bercakap, banyak cawangan, lebih kurang 200 lebih, setiap kampung ada cawangannya, ini satu saluran yang baik bagi kita untuk menyalurkan bantuan-bantuan kerajaan.

Sebab itu saya rasakan bahawa kita kena lihat Bank Pertanian ini dari segi dua aspek tadi, pertama, memodenkan sektor pertanian; yang keduanya, ia mempunyai network yang baik untuk menyalur bantuan-bantuan ke luar bandar ini dan luar bandar ini semua bangsa Malaysia, walaupun majoritinya orang Melayu tetapi bangsa-bangsa lain, India, Orang Asli, orang Tionghua, kita tolong bantu, tetapi jangan dengar cakap Teluk Intan ini, Teluk Intan ini ingat DAP yang memperjuangkan nasib orang India, Barisan Nasional tidak, ini kita mesti tolak, dia tidak ada cara yang lain, kalau tidak dia tidak menang di kawasan Teluk Intan, dia kena gendang lagu-lagu ini.

**Tuan M. Kulasegaran:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ya, dia bangun pula Yang Berhormat.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak berbalik kepada isu struktur, saya tidak ada masa, 15 minit sahaja, selepas ini saya akan beri. Hari itu Yang Berhormat bercakap, tidak beri saya peluang, ini giliran saya pulalah. *[Ketawa]*

Kalau Yang Berhormat hendak mempraktikkan demokrasi, bila Yang Berhormat berucap beri saya peluang dan masa saya, saya akan beri peluang pula kepada Ahli Yang Berhormat. Tetapi kemudian saya akan beri juga, insya-Allah, saya akan beri peluang kepada Ahli Yang Berhormat. Ini Kubang Kerian dia baru datang ke kawasan saya, saya tak hendak berilah dan saya hendak mogok sudah seminggu sebab dia mengusik saya sedikit di Muazzam Shah, saya hendak pergi ke bahagian dia pula selepas ini. Saya sudah ditawarkan ke UMNO Bahagian dia, saya hendak datang. *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua, berbalik kepada Bank Pertanian. Bank Pertanian sebuah bank yang ditubuhkan oleh kerajaan, satu institusi yang amat baik. Tugasnya dua mission yang penting dalam agenda negara kita untuk memodenkan sektor pertanian. Kita tahu mengapa perlu dimodenkan. Kita membelanjakan RM10 bilion, Timbalan Menteri ya, dari segi import makanan ini. Bermakna kalau kita modenkan melalui kemudahan-kemudahan kredit yang boleh kita beri melalui Bank Pertanian amat baik sekali pulangnya kepada negara, menjimatkan kita menggunakan foreign exchange kita ataupun pasaran wang luar kita. Ini satu perkara yang baik dari segi memodenkan sektor pertanian kita.

Yang kedua, saya katakan dari segi memodenkan ekonomi luar bandar itu sendiri kerana Bank Pertanian ada network yang baik di luar bandar. Oleh kerana itu kita perlu lihat dari segi struktur dan organisasi bank itu sendiri. Walaupun ia ditubuhkan - hendak tanya Muar sudah balik, dia yang tahu semasa Allahyarham Tun Abdul Razak tubuhkan, tahun berapa saya tidak tahu tetapi sekurang-kurangnya semenjak saya sekolah, saya ingat lebih daripada 30 tahun, sempat saya bersekolah, bank ini sudah wujud sekurang-kurangnya 30 tahun. Apa salahnya kita lihat kembali struktur dan organisasi bank ini, missionnya cantik, agendanya baik tetapi oleh kerana kita akan melangkah ke dekad yang baru, mungkin struktur organisasi itu kita kena kaji kembali tetapi missionnya tetap, agendanya tetap.

Sebab saya hendak tanya begitu, kalau kita lihat dari segi badan ini ditubuhkan pada ketika itu sebagai satu agensi kerajaan. Pada ketika itu semua masalah luar bandar ditubuhkan, agensi MIDA, MARA semua ditubuhkan, agensi kerajaan untuk membela rakyat yang perlu dibela di luar bandar. Bank Pertanian ditubuhkan untuk selesaikan masalah kredit yang dihadapi oleh masyarakat luar bandar. Tetapi sekarang ini, dalam kaedah sekarang ini yang moden ini, ekonomi moden Melayu, ekonomi moden Malaysia, mungkin kita kaji kembali, adakah ciri, organisasi struktur Bank Pertanian itu dibiarkan seperti dahulu. Kalau kita ubah, kita ubah tetapi kekalkan missionnya, kekalkan matlamatnya, kekalkan agendanya, dua tadi. Agenda memodenkan sektor pertanian kita, agenda memajukan masyarakat luar

bandar, itu kita mesti kekalkan. Bentuknya itu kalau kita perlu ubah, kita ubah. Kalau perlu kita korporatkan, kita korporat. Tetapi ownership badan kalau kita hendak korporatkan - ada kawan saya Yang Berhormat dari Muar dia pun takut dengar korporat ini, tetapi saya kata kalau dia korporatkan tidak mengapa tetapi asalkan kepunyaan oleh kerajaan. Telekom dikorporatkan, Tenaga Nasional dikorporatkan tetapi ownershipnya kerajaan. Yang dia bimbang ini, dia pergi swasta, dipegang oleh individu, matlamat yang asal itu terpesong, saya rasa itu kebimbangan Muar. Tetapi kalau dikorporatkan sahamnya dipegang oleh kerajaan, matlamatnya dapat dibuat seperti yang dahulu dan kita gerakkan seperti bank-bank yang lain.

Satu masalah yang dihadapi dari pengalaman saya di Bank Pertanian dahulu, ialah mereka ini terkongkong dari segi pergerakannya sebagai agensi kerajaan, umpamanya gaji-gaji mereka. Mereka terkongkong sebagai agensi kerajaan, terpaksa pergi ke Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), peningkatan gajinya, pertambahan tenaga kerjanya sebagai pegawai kerajaan sudah semestinya dia kena mengikut dasar kerajaan, terpaksa mengikut ke JPA, hendak mengambil jumlah tenaga kerja, hendak naikan gaji. Dia tidak boleh mengikut kaedah pasaran, dia terpaksa mengikut kaedah dalam kerajaan. Sebab itu saya kata, oleh kerana tugas dia ini ialah tugas berbentuk mengeluarkan kredit, tugas dia adalah berbentuk penglibatan dalam sektor kewangan, adakah caranya sebagai agensi kerajaan itu dapat mengendalikan tugas dan tanggungjawab yang baik. Saya merasakan cadangan baik ini kena kaji mengapa tidak kalau lebih baik dikorporatkan tetapi diletakkan di bawah pemerhatian, pengawasan Bank Negara itu sendiri, mengapa tidak? Asalkan tugas dan tanggungjawabnya, matlamatnya sama seperti dahulu iaitu memodenkan sektor pertanian dan memberikan bantuan kredit kepada masyarakat di luar bandar.

Mengapa kita tidak menggunakan model Bank Simpanan Nasional. Bank Simpanan Nasional dikorporatkan dan dipunyai oleh kerajaan dan bank-bank lain yang dipunyai oleh kerajaan melalui 'corporatization', mengapa tidak? Tetapi saya bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat dari Muar, jangan diswastakan. Biar terus dipunyai oleh kerajaan, kalau nanti diswastakan, dipegang oleh individu, takut mission kita tadi, memodenkan sektor pertanian dan membantu masyarakat luar bandar itu jadi perkara yang kedua dan sampingan, itu kita tidak mahu. Saya nampak bahawa untuk kaji kembali, saya bersetuju juga dengan Yang Berhormat Tambun, penyuaranya yang sama, kaji semula bentuk dan struktur. Kalau perlu dikorporatkan, dikorporatkan. Kalau perlu letak di bawah BAFIA, di bawah naungan, kita sini ada masalah dari segi disiplin, dari segi tanggungjawab kalau diletakkan di bawah pengawasan Bank Negara, di bawah bidang 'corporatization', swasta, dia boleh memberi gaji, yang ini diputuskan oleh Lembaga Pengarah Bank, itu sahaja dan ia boleh membayar gaji mengikut pasaran, oleh kerana itu dia akan menarik tenaga kerja yang cemerlang dalam industri perbankan. Kalau tidak nanti Bank Pertanian tidak dapat menarik staf-staf yang insentif kepada mereka supaya mereka bekerja dengan gigih, kuat dan cemerlang supaya bank itu dapat setanding dengan bank-bank lain dalam negara kita.

Selepas kerajaan putus dengan isu struktur untuk Bank Pertanian ini, elok juga bank sebagai satu syarikat melihat dari segi kedudukan kewangannya sendiri. Kalau kita lihat dari segi akaun Bank Pertanian, ini akaun saya baca, akaun lembaran imbangan atau balance sheet Bank Pertanian itu sendiri. Ini kalau syarikat swasta ini, orang kata gulung tikarlah sebab dia punya net asset, negatif, bermakna kedudukan dia sebagai going concern sudah bergantung kepada peminjam-peminjam. Bermakna dia sudah tidak ada net asset yang positif, sebab itu saya nampak bahawa kita sini ada pinjaman daripada kerajaan, mungkin kalau boleh dilihat, supaya jadikan pinjaman daripada kerajaan itu sebagai ekuiti. Sebab kita risau juga nanti orang akan salah tanggapan bahawa bank ini tidak disokong oleh kerajaan. Yang sebenarnya kalau tidak disokong oleh kerajaan, disokong dengan pinjaman dari kerajaan, bank ini tidak boleh hendak bergerak sebab itulah kita mengucapkan syabas kepada kerajaan. Kalau tidak dengan sokongan kerajaan, bank ini tidak boleh bergerak. Tetapi saya minta

kalau boleh diterjemahkan sokongan kerajaan itu dalam balance sheetnya, sebab ini pinjaman dari kerajaan dekat RM400 juta dan pinjaman daripada OECF sebanyak RM200 juta, jadi RM600 juta. Maknanya, Bank Pertanian nyawanya bergantung kepada kerajaan yang sebenarnya atas pinjaman. Untuk mengukuhkan balance sheet ini mengapa tidak jadikan pinjaman itu kepada ekuiti. Kalau dulu ekuiti kerajaan, modal saham hanya RM42 juta, accumulated lossesnya..... yang masalah bank ini, saya mengucapkan syabas kepada pengurusan ini kena put on record, kena beri kenyataan yang sebenar. On record saya rasa, kita kena beri syabas kepada pengurusan Bank Pertanian.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita lihat dari segi operasinya takut DAP salah....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:**  
Minta gulung.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Ya?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:**  
Minta gulung.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Tangguh?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:**  
Gulung.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Oh! Gulung. Ini DAP kacau ini. Saya menggulung, ya. Kita kena adil kepada pengurusan bank.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita lihat dari segi akaun keuntungan, daripada tahun 1992 sampai 1996, mereka ini untung. Ini kita mengucapkan syabas kepada pengurusan bank. Namun demikian, masalah yang dihadapi, masalah struktur ialah kerugian yang berlaku dahulu seperti dalam akaun iaitu accumulated lossesnya lebih kurang dekat RM200 juta. Ini yang membuatkan balance sheetnya tidak begitu kukuh atau tidak begitu baik. So, kalau kita tukarkan pinjaman kerajaan kepada aset, nanti accumulated losses itu akan kita padamkan baharulah nampak balance sheetnya kukuh.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong supaya kita beri terus sokongan kepada bank ini dan terakhirnya satu perkara yang saya minta, cadangan saya spesifik, minta supaya 'Fund For Food' ini kalau boleh disalurkan juga melalui Bank Pertanian. Sekarang 'Fund For Food' saya tidak nampak disalurkan melalui Bank Pertanian.

Yang keduanya, bantuan yang diberikan kepada luar bandar, dipanggil bantuan Skim Pinjaman Khas Pertanian (SPKP). Kalau dahulunya diberi RM50 juta setahun. Pada tahun 1996 tidak diberi lagi. Mengapa tidak diberikan, sebab difahamkan bantuan SPKP ini amat popular dengan orang luar bandar. Bagi RM50 juta habis tahun itu juga, kadang-kadang tidak cukup. Masalah sekarang ini dana diberi oleh kerajaan, tetapi tidak ada orang hendak pinjam kerana tidak ada saluran networknya di luar-luar bandar. Bank Pertanian ini ada salurannya, ada network disetiap kampung, mengapa tidak dana pertanian ini disalurkan juga melalui Bank Pertanian. Dengan ini nanti insya-Allah, apa matlamat, mission, agenda kerajaan untuk membantu dan membela orang luar, orang ramai terutama luar bandar akan tercapai kalau tidak nanti, Kubang Kerian, Teluk Intan, dijadikan isu macam baru-baru ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:**  
Yang Berhormat, sudah cukup masa.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Terima kasih, saya menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:**  
Batang Lupar.

11.51 pagi

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Batang Lupar]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya daripada kawasan orang menangkap ikan dan petani. Saya memanglah berharap diberi peluang dan terima kasih kerana memberi peluang kepada saya.

Tuan Yang di-Pertua, apabila Bank Pertanian ditubuhkan di Sarawak, dalam masa tiga, empat tahun orang luar bandar tidak tahu lagi dengan bank lain. Mereka kata Bank Pertanian, hendak pinjam Bank Pertanian, hendak simpan duit pun Bank Pertanian dan sebagainya. Jadi oleh kerana keadaan yang sedemikian, pihak Bank Pertanian terutamanya di Sarawak memikirkan iaitu produk-produk bank itu mestilah dipertingkatkan kerana kepada orang di luar bandar, kepada petani dan nelayan di luar bandar, kalau diperkenalkan dengan satu platform ataupun tempat mereka untuk mengadu di sana sahajalah pandangan mereka. Jadi bank ini telah banyak menolong orang di luar bandar di Sarawak dan saya mengucapkan terima kasih dan syabaslah kepada bank kerana menolong orang di luar bandar. Jadi saya percaya inilah maka sebabnya produk bank ini dibesarkan, diperbanyakkan, keluarlah ATMnya, deposit takingnya dan sebagai lagi.

Tuan Yang di-Pertua, jadi dalam keadaan sedemikian, masalah berbangkit. Masalah berbangkit ialah kurang profesionalisme dalam pengurusan bank itu sendiri kerana mereka hendak grow macam bank komersial, membuat produk-produk yang begitu banyak untuk mengatasi masalah orang luar bandar yang perlukan servis daripada bank 'one stop service' kepada orang luar bandar kerana orang luar bandar kalau dia datang ke bandar kadang-kadang hendak cari teksi, bayar RM10 dari satu bank ke satu bank mencari produk-produk atau kemudahan-kemudahan yang tertentu mungkin adalah satu masalah. Satu, masalah tempat dan kedua, masalah duit. Jadi begitulah mengapa Bank Pertanian ini missionnya dalam perbincangan mereka untuk diversify produk-produk mereka, memperbanyakkan produk-produk mereka untuk kemudahan petani dan nelayan terutama sekali nelayan kecil dan petani di luar bandar.

Saya memang mengucapkan syabas dalam tindakan itu dan pandangan sedemikian. Tetapi masalahnya ialah profesionalisme pengurusan bank itu sendiri. Jadi sehingga tahun 1985, di Kuching, saya telah diberitahu Bank Pertanian Sarawak telah bermasalah. Bermasalah oleh kerana dua perkara: satu - pengurusan yang tidak berprofesional; kedua - pengurusan pengeluaran wang mereka tidak terjaga dan mereka tidak mendapat nasihat dan perkhidmatan yang profesional sebagaimana yang telah diterima oleh pihak bank komersial lain. Maka berlakulah yang mana pinjaman, walaupun tidak besar kadang-kadang RM10,000, RM6,000, RM12,000 dan RM20,000 ini berlaku, yang mana cagaran tidak didaftar tetapi wang telah dikeluarkan. Yang mana surat jaminan dan sebagainya belum dimeterai ataupun belum distampkan tetapi mungkin wang telah dikeluarkan. Jadi, setelah berlaku sedemikian, kadang-kadang orang kampung bukan dia hendak menipu tetapi oleh kerana apabila telah menerima wang atau menandatangani letter of offer diberi oleh pihak bank dan dia kata semua sudah selesai. Cuma pengurusan bank dengan pengurusan peguam mereka adalah tidak profesional, tidak rapi dan tidak betul. Jadi, datang cadangan pihak bank di Sarawak meminta pegawai pengurus daripada Semenanjung sebagai 'trouble shooter' melihat sendiri kenapa bank jadi bermasalah.

Jadi, saya cukup faham dan tahu masalah Bank Pertanian pada masa itu iaitu the dilemma Bank Pertanian, hendak tolong, masalah ini, kalau tidak tolong ini masalahnya. Jadi saya berharap pihak kerajaan melihat bagaimana yang saya dengar Yang Berhormat dari Tambun dan Yang Berhormat dari Rompin menyebutkan tadi, kita tidak ada pilihan lain, kita mesti meningkatkan strategi, pengurusan profesionalisme pengurusan Bank Pertanian ini walaupun kita tidak hendak matlamat dan agenda Bank Pertanian ini diubahkan.

Tuan Yang di-Pertua, kalau perlu kita boleh 'corporatise'kan ini sebagaimana Yang Berhormat Rompin sebutkan tadi. Saya bersetuju kerana kita banyak lihat badan-badan kerajaan, agensi-agensi kerajaan yang telah di'corporatise'dan masih menghala ke matlamat mereka masih mempunyai matlamat sosial mereka tetapi pengurusannya adalah baik, teratur, dan profesional supaya wang yang disalurkan oleh kerajaan sampai kepada matlamatnya dan bank itu sendiri tidak bermasalah akhirnya.

Jadi, soalan corporatization ini, dengan izin, adalah tidak boleh dinafikan, boleh dibuat. Jadi soalnya, kalau corporatization itu mungkin boleh dibuat, adakah kemungkinan bank ini akan diletak di bawah kawalan Bank Negara di bawah undang-undang Banking and Financial Act (BAFIA). Jadi, saya percaya dengan guideline yang diberi oleh pihak bank dan sebagainya kita akan dapat menguruskan Bank-bank Pertanian ini tanpa hilang agenda asalnya untuk membangunkan masyarakat petani dan nelayan terutama sekali nelayan dan petani di luar bandar yang kecil boleh mendapat nikmat yang baik sementara kerajaan tidak kehilangan wang yang telah disalurkan. Saya bersetuju sangat yang 'Fund For Food' ini mestilah disalurkan kepada pihak Bank Pertanian kerana di sanalah tempatnya orang kampung sebagaimana yang saya sebutkan tadi orang kampung ini sebelum sampainya BSN, semua orang kata memang Bank Pertanian sahajalah mereka tahu. Jadi, saya berharap pihak kementerian melihat perkara ini.

Jadi, saya ingin juga menyebut soalan nilai sekuriti. Bank Pertanian ini dulu yang saya tahu sebelum 1985, apabila mereka memberitahu satu pinjaman dan menilai cagaran ini, kadang-kadang penilaian tidak dari cara penilaian daripada segi bank komersial, yang mana dia beri pinjaman berlandaskan mungkin 60% ataupun 70% daripada nilai harga tanah yang dicagar untuk pinjaman tetapi Bank Pertanian kadang-kadang tidak ada penilaian, ada juga yang diberi penilaian 100% pinjaman. Jadi, ini mesti dilihat semula supaya jangank bank menjadi masalah.

Jadi, saya ingin mengulas soalan, dua perkara iaitu yang disebut oleh Yang Berhormat Tambun promissory note ini adalah satu cagaran ataupun jaminan yang kurang selamat. Kita ada undang-undang berasingan. Kita di Sarawak ada satu undang-undang sendiri, di Semenanjung ada undang-undang sendiri, begitu juga di Sabah, undang-undang berhubung dengan promissory note ini. Jadi, kadang-kadang pengurus bank datang daripada Semenanjung posted ke Sarawak dan di mana-mana di Sarawak dan di Sabah, mereka ingat undang-undang di Semenanjung ini boleh digunakan di Sarawak, di Sabah dan gunakan pengetahuan mereka dengan tidak consultation daripada orang yang mahir dan tahu di peringkat negeri-negeri yang tertentu. Jadi, kadang-kadang melakukan kesilapan dan masalah. Tetapi ada juga pendekatan mereka berlandaskan sosial bukan berlandaskan expertise, orang menasihati mereka. Jadi itulah masalahnya yang disebut oleh Yang Berhormat dari Muar tadi, iaitu soalan tanah Native Customary Land Rights (NCLR) ataupun Native Customary Rights on Land di Sarawak yang mana tidak boleh dibuat menjadi satu cagaran untuk pinjaman kepada Bank Pertanian.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Tuan Yang di-Pertua, tetapi masalahnya ialah mekanisme NCLR ini adalah lebih panjang, lebih complicated hanya orang mahir mengenai soalan Native Customary Right on Land, mahir, soalan undang-undang native land dan pengurusan perbankan boleh memberi nasihat kepada pihak bank tetapi apa yang saya tahu terutamanya kalau di Kuching umpamanya, pihak Bank Pertanian lebih mendekati orang yang tidak kenal langsung sistem kerajaan berhubung dengan NCLR dan sistem penggunaan NCLR itu sebagai tanah untuk dimajukan sebagai tanah pertanian. Mereka lebih suka orang yang ada perhubungan sosial dengan mereka, bukan kepada expert yang mungkin berkemampuan dan boleh memberi nasihat kepada mereka. Jadi pendekatan ini patutlah diubah suai. Pendekatan mereka mencari orang yang berkemahiran dan persoalan Native Customary Land Rights ini supaya orang daripada

Lubok Antu banyak bertanam hendak pinjam duit tidak boleh pinjam oleh kerana ini masalahnya dan pegawai bank tidak mempunyai satu kemahiran, tidak boleh memberi nasihat kepada mereka macam mana tanah ini boleh digunakan. Macam mana kerajaan dan bank boleh bekerjasama supaya tanah Native Customary Land Rights ini boleh digunakan sebagai satu cagaran untuk meminjam kemudahan daripada pihak Bank Pertanian. Jadi, kalau pihak Bank Pertanian kalau sendiri tidak ada kemahiran tanyalah dengan orang yang mahir. Kalau orang dari associate sendiri itu soalan sosial, kedai kopi, itu mungkin kurang profesional.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi, berpindah kepada soalan profesionalisme ini, kita mesti ingat sistem gaji sebagaimana yang telah disebut oleh Yang Berhormat dari Rompin dan Tambun juga. Kalau kita hendak cari, attract orang, the best brain into the banking system terutama sekali kepada Bank Pertanian, kenalah kita mengetepikan sistem gaji dan sistem perkhidmatan yang diterima pakai daripada kerajaan. Kita kena menggunakan sistem gaji daripada pihak perbankan. Jadi, kita kena mengubah suai sistem gaji dan perkhidmatan pegawai-pegawai bank ini supaya kita boleh attract para profesional, para bijak pandai yang berkemahiran untuk masuk berkhidmat dengan pihak bank. Dengan keadaan sedemikian, barulah pihak Bank Pertanian ini boleh diuruskan secara profesional, secara baik dengan harapan boleh memberi perkhidmatan bukan sahaja sejajar dengan matlamat kerajaan juga matlamat sosial kerajaan untuk membangunkan para petani dan nelayan.

Jadi, kalau kita lihat banyak perkara berhubung dengan perkhidmatan dan sistem gaji ini. Mungkin kalau kita lihat, walaupun kita mengalu-alu buat sementara pindaan undang-undang disiplin dan sebagainya ini, kita mengalu-alukan oleh kerana dalam interim period ataupun masa peralihan, kita perlukan akta disiplin ini tetapi kalau kita telah diserapkan, dicorporatisekan, dimasukkan kepada kawalan Bank Negara, berkemungkinan soal disiplin sedemikian tidak bersesuaian lagi. Maknanya, kita tidak perlu lagi melibatkan – yang dalaman ini ada garis panduan sendiri kerana sini adalah garis panduan yang menyeluruh, yang telah diterima pakai oleh industri perbankan di seluruh Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh sedikit apa yang Yang Berhormat dari Tanjong sebut tadi. Apabila berlaku kematian babi, kerajaan yang dimarahkan tetapi pada masa sekarang mungkin ahli Dewan ini semua tahu di Australia pun banyak membunuh ayam tetapi yang saya tahu tidak adapun penternak ayam ini marah kepada kerajaan, blame kerajaan oleh kerana penyakit yang menyebabkan ayam ini perlu dibunuh, beribu-ribu, ratusan ribu ayam akan dibunuh di Australia pada masa sekarang dan pada tahun 1985 kita dengar oleh kerana foot and mouth disease di England beribu lembu dibunuh, begitu juga di Australia tetapi orang yang terlibat dengan industri ini.....

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, Bagan bangun.

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:**..... tidak adapun memarahi kerajaan kerana mereka.....

**Tuan Yang di-Pertua:** Hendak beri jalan atau tidak?

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:**.....marah mereka ini apa sahaja kerajaan buat semua tidak betul. Mereka sahaja yang boleh buat. Jadi, Yang Berhormat jangan....

**Tuan Lim Hock Seng:** Penjelasan.

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** .....marah sembarang sahaja tahu.

**Tuan Lim Hock Seng:** Penjelasan. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya berharap Yang Berhormat perlu sedar bahawa kami di sini bukan membantah

pembunuhan haiwan-haiwan yang berpenyakit. Apa yang kami kata di sini adalah kelalaian kerajaan kerana lambat mengambil tindakan. Di Australia, 1.5 juta ekor ayam telah dimusnahkan semasa dijangkiti penyakit, di Hong Kong, dua tahun yang lepas dalam dua, tiga hari sahaja semua ayam dihapuskan. Tindakan mereka begitu cepat dan tepat untuk mencegah wabak penyakit ini tetapi di negara kita bulan Oktober tahun lepas telah berlakunya wabak penyakit ini di Tambun, Perak tetapi mengapa sampai sekarang sahaja hendak membunuh haiwan ini sebanyak-banyaknya?

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Sudah Yang Berhormat, duduk ya. Saya sudah faham cerita Yang Berhormat itu.

**Tuan Lim Hock Seng:** Ya, ini dipastikan.

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Saya memang tahu Yang Berhormat, saya memang tahu. Kerajaan menilai apa yang hendak dibuat. Hendak bunuh, macam mana cara membunuh, mengambil nasihat sama ada babi ini, dalam kerajaan memikirkan perkara ini pun banyak orang DAP yang kata babi ini masih boleh dimakan, tidak payah bunuh pun. Jadi, kalau macam di Australia orang sudah aware dalam industri dia sendiri, kalau perkara ini berlaku serta-merta kerajaan boleh bertindak, kalau dia tidak berperangai macam DAP. Kalau DAP buat macam dibuat di Australia, macam dibuat di England, macam dibuat di Hong Kong, saya ingat dia sudah berarak ke sana ke sini hendak runtuhkan kerajaan, mengatakan kerajaan bertindak dengan tidak berfikir tetapi inilah pandangan. Kalau kerajaan sudah buat dengan berhati-hati DAP marah juga, kalau kerajaan buat serta-merta DAP pun marah juga. Jadi, mana satu yang betul? Memang tidak boleh betul punya itu. Semua salah.

Saya dengar dan amat-amati cakap Yang Berhormat dari Tanjong tadi, saya dengar betul-betul apa kata dia, memang dia kata kerajaan, kerajaan, kerajaan salah. Apa benda kerajaan buat pun, macam mana teratur pun memang tidak boleh betul, ini mentaliti DAP. Mentaliti negatif, mentaliti yang tidak terima yang baik, mentaliti pandang benda yang buruk sahaja, yang baik itu tidak pernah pandang. Kalau saya sebut depan DAP ini putih dan merah, saya kata ini hitam.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, masa Yang Berhormat sudah cukup Yang Berhormat. Minta gulung ya, jika boleh minta gulung satu ayat sahaja.

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya menyentuh satu lagi, yang pendek sahaja, Tuan Yang di-Pertua iaitu soal ayam, ini pun di bawah Kementerian Pertanian juga. Tuan Yang di-Pertua, soal ayam ini, harganya dikawal tetapi barang makanan ayam tidak dikawal, ayam kecil, chick itu pun tidak dikawal. Jadi macam mana harga ayam boleh dikawal kalau benda-benda makanan ini tidak dikawal. Jadi, walaupun saya sudah dengar jawapan daripada kementerian, saya belum berpuas hati oleh kerana industri kita boleh dibangun iaitu saya tahu dari Hong Kong ada orang berjumpa saya tetapi saya ini bukan menteri – berjumpa saya dan mengatakan iaitu daripada semua benda, macam tandan palm oil itu boleh diproses menjadi baja dan boleh dibuat untuk makanan ayam dan sebagainya tetapi kenapa pula research and development dari segi ini hampir bersetuju dengan orang kata bubar sahaja MARDI kalau tidak boleh buat. Jadi, soalnya ialah soal kawalan ayam tetapi benda-benda sampingan lain yang membuat harga ayam ini tinggi tidak kita kawalkan.

Umpamanya trash fish, dengan izin, beribu tan trash fish yang dibuang oleh pihak nelayan kita ke laut yang mungkin boleh diproses untuk dijadikan makanan ayam tetapi kita buang, kita tidak buat. Oleh kerana ada juga negeri-negeri larang memproses trash fish ini menjadi fertilizer ataupun makanan ayam oleh kerana ia berbau, sangat kotor tetapi apa salahnya kalau kementerian allocate satu tanah yang terpencil, mempunyai infrastruktur yang baik, gunakan itu ataupun saya merujuk satu buku yang saya baca menunjukkan kita beli kapal yang besar sebagai penerima trash fish ini di laut sana dan diproses di kapal itu, bila sudah siap diproses baru dihantar ke

tepiian kepada penerima ataupun penternak ayam ini. Jadi, ini boleh dibuat tetapi masalahnya mungkin kementerian tidak melihat begitu mendalam dan orang yang terlibat dengan industri ini tidak memandang lebih jauh supaya industri ini tidak menjadi tertekan dan ayam tidak begitu mahal. Orang berfamily tidak menjadi tertekan membeli ayam yang mahal oleh kerana feed mealnya mahal, anak ayamnya mahal, incubation costnya tinggi dan sebagainya. Saya pernah menternak ayam, boleh keluar 10,000 satu hari. Jadi, itulah saya mahir tentang ayam ini tetapi masalah saya bukan mengeluarkan barang makanan, bukan mengeluarkan fertiliser dan bukan orang yang ada kapal besar dan lesen yang boleh buat barang makanan ikan di lautan.

Jadi, dengan kata-kata yang sedemikian, saya menyokong dan terima kasih kerana diberi peluang bercakap.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, Bukit Mas.

12.10 tgh.

**Tuan Michael Lisa Kaya [Bukit Mas]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk menyokong rang undang-undang ini dan saya bersetuju dengan beberapa cadangan yang begitu baik yang disarankan oleh beberapa Ahli Yang Berhormat khususnya daripada Yang Berhormat dari Tambun dan saya berharap kementerian dan pegawai-pegawai tertentu mengambil kira beberapa perkara yang telah dibangkitkan.

Untuk menjimatkan masa saya ingin menyentuh tiga perkara sahaja iaitu mengenai masa hadapan Bank Pertanian dan yang kedua, apakah peranan Bank Pertanian sekarang ini selaras dengan wawasan kerajaan ataupun selaras dengan matlamat kerajaan untuk melahirkan masyarakat perdagangan dan perindustrian bumiputera dan yang ketiga, saya juga ingin bangkitkan selain daripada peranan Bank Pertanian, bagaimanakah kedudukan kerajaan ataupun peranan kerajaan untuk mempertingkatkan taraf Bank Pertanian sebagai satu bank untuk membantu petani ataupun golongan-golongan khususnya di kawasan luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, tiga perkara ini sebetulnya pernah dibangkitkan oleh beberapa Ahli Yang Berhormat tetapi saya ingin menekankan di sini sekali lagi sekiranya apa yang dibangkitkan itu saya rasa mengenai masa hadapan Bank Pertanian daripada masa sekarang, apakah kita balik kepada asas penubuhan ataupun matlamat penubuhan Bank Pertanian ini perlu dikaji semula. Saya tertarik dengan beberapa komen yang telah dibangkitkan tadi mengenai imej, moral, prestasi dan profesionalisme pekerja-pekerja dalam bank. Sebetulnya sebelum kita membuat andaian ataupun tuduhan-tuduhan seperti ini kita harus mengkaji bagaimanakah keadaan pekerja-pekerja dalam bank beroperasi, bagaimanakah sistem yang ada sekarang ini sesuai ataupun dapat membantu pekerja-pekerja ataupun staf-staf yang di peringkat atasan untuk merangkakan perancangan ataupun program untuk membantu kerajaan.

Itu yang saya sebutkan masa depan Bank Pertanian iaitu saya telah baca di dalam Mid-Term Review di mana kerajaan telah bersetuju untuk mengkorporatkan Bank Pertanian dan juga FAMA yang kedua-dua agensi ini belum lagi dilaksanakan, kalau mengikut laporan itu. Yang saya ingin bertanya di sini, apakah kedudukan sekarang. Ini yang dapat menjawab banyak permasalahan yang berlaku sekarang, Tuan Yang di-Pertua. Banyak komen yang telah diutarakan tadi, kalau kita tahu betul-betul ingin mengkorporatkan Bank Pertanian, masalah dari segi imej itu boleh kita naikkan atau tingkatkan. Masalah tentang profesionalisme, kenapa kita tuduhkan pegawai-pegawai atau pekerja-pekerja tidak profesional sekiranya mereka beroperasi seperti pegawai kerajaan sekarang. Kita banding mereka dengan pekerja-pekerja di dalam bank-bank antarabangsa, bank-bank komersial yang lain kerana mereka ada matlamat yang berlainan daripada Bank Pertanian. Kalau matlamat Bank Pertanian itu memodenkan sektor pertanian, membantu petani-petani di luar bandar. dari segi

objektif seperti itu saya rasa mungkin Bank Pertanian sudah mencapai satu kejayaan. Oleh kerana itu saya ingin bertanya sekali lagi – tidak ingin menyentuh hal-hal yang telah disentuh tadi, bagaimanakah kedudukan sekarang?

Saya menyokong Tuan Yang di-Pertua. Saya di dalam Penggal Pertama, ini Penggal Kedua dalam Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara, kita pernah memanggil Bank Pertanian kerana menghadapi kerugian yang besar tetapi kita mengucapkan tahniah kerana banyak teguran yang kita tegur, pentadbiran Bank Pertanian pada masa sekarang ini. Saya rasa saya pun membaca laporan itu, saya masih ahli dalam PAC, saya mengatakan tahniah kepada mereka di dalam masa dan keadaan suasana mereka beroperasi boleh dikatakan begitu mengehadkan, in other word, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, we cannot compare their back ground and their environment dengan bank-bank yang lain. Itulah sebabnya jawapan mengenai mengkorporatkan Bank Pertanian itu penting.

Mengenai capital adequacy ratio, mengenai tidak cukup kewangan modal yang seperti ini. Saya bertugas dalam bank asing selama 10 tahun, saya faham. Saya faham dengan masalah yang Bank Pertanian hadapi. Bank Pertanian beroperasi di kawasan saya, saya berterima kasih. Dalam Penggal Pertama, saya saran dengan Datuk yang menjadi pengerusi, dia terima saranan saya dalam Penggal Kedua ini ada bank di dalam kawasan saya. Saya bantu mereka sebagai wakil rakyat kerana saya faham mereka kadang-kadang kalau bercampur dengan pegawai-pegawai bank yang lain, dengan izin, they feel inferior, Tuan Yang di-Pertua, inferiority complex. Peranan ini penting, kalau mereka merasa moral mereka tidak tinggi, bagaimana mereka dapat beroperasi dengan begitu berkesan, yang penting masa depan Bank Pertanian, terpulang kepada kerajaan, terpulang kepada menteri yang bertanggungjawab. Saya mengucapkan tahniah dan syabas.

Yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, banyak komen tadi tentang tidak menyokong dan tidak membantu bumiputera-bumiputera dalam pinjaman. Itu bergantung juga kepada asas penubuhan Bank Pertanian kerana Bank Pertanian ini ditubuh melalui akta berlainan daripada bank komersial yang lain yang di bawah jagaan Banking and Financial Institution Act (BAFIA). Kita tidak dapat banding oleh kerana itu saya rasa di dalam keadaan seperti ini, Bank Pertanian dapat memainkan peranan khusus di dalam membantu bumiputera-bumiputera kecil (small holders) menjadi masyarakat perdagangan dan perindustrian bumiputera kerana ini adalah satu matlamat kerajaan keseluruhan supaya masyarakat bumiputera juga dapat melahirkan, misal kata entrepreneur businessman dan yang saya ingin tekan di sini khusus bagi negeri Sarawak.

Tadi, saya dengar satu komen tentang masalah Native Customary Land Rights saya rasa kerajaan sudah membuat satu model di mana dengan penglibatan kerajaan negeri 10% di dalam mengusahakan Native Customary Land Rights saya bercadang supaya Bank Pertanian dapat mengubah cara untuk membantu kerana di Sarawak, Tuan Yang di-Pertua, 1.2 milion hectares Native Customary Land Rights, saya pun native juga, itu sebab saya sarankan, kalau kita dapat bantu mereka untuk mengusahakan tanah-tanah ini saya rasa mereka dapat dinaikkan taraf dari segi ekonomi dan sosial.

Mengenai masyarakat perdagangan dan perindustrian bumiputera ini, saya rasa kerana negara kita satu negara, dengan izin, we started as an agricultural country and economy driven from agriculture. Oleh kerana itu, di dalam kawasan luar bandar juga sekarang, masih banyak bumiputera yang bergantung dengan sektor pertanian. Dengan matlamat Bank Pertanian untuk memodenkan sektor pertanian, saya ingin mencadangkan di sini kalau boleh untuk membantu masyarakat bumiputera luar bandar menjadi masyarakat perindustrian dan perdagangan, Bank Pertanian cuba merancang, buat satu business plan bagaimana dapat membantu masyarakat bumiputera khusus di dalam sektor perladangan. Saya membuat satu contoh di

kawasan saya, Tuan Yang di-Pertua, pada Penggal Pertama saya sarankan di mana saya mengatakan kepada kerajaan negeri khusus kepada Yang Amat Berhormat Ketua Menteri untuk memajukan kawasan-kawasan yang jauh daripada ibu kota. Kita harus membuka tanah dengan secara besar-besaran.

Saya berterima kasih kepada kerajaan kerana cadangan yang begitu baik mereka terima. Dalam Penggal Kedua ini banyak company gergasi, public listed company dengan izin, melabur di kawasan saya tetapi yang menyedihkan apabila masyarakat bumiputera terlibat dalam kontrak-kontrak yang kecil, misal kata RM200,000-RM250,000 untuk membantu menanam biji kelapa sawit ataupun membersihkan kawasan memerlukan modal tetapi saya rasa sebagai pengalaman sepuluh tahun di dalam bank antarabangsa.

Kalau kontrak itu diberi oleh public listed company, saya rasa Bank Pertanian boleh membantu khususnya kaum bumiputera dan kontrak itu dapat di'assign'kan pada Bank Pertanian. Bank Pertanian jangan minta cagaran Tuan Yang di-Pertua, kalau minta cagaran seperti yang saya difahamkan kalau kaum bumiputera ada duit RM50,000-RM100,000 tidak payah menceburkan diri dalam business lebih baik simpan dalam Amanah Saham Nasional atau di dalam bank, tunggu sahaja faedah itu.

Yang penting saya rasa pada masa sekarang kalau kita ingin Bank Pertanian dapat membantu masyarakat bumiputera sebagai masyarakat perdagangan dan perindustrian, cuba ubah cara ataupun rangkakan satu perancangan program yang sesuai untuk membantu masyarakat bumiputera di kawasan luar bandar khususnya di dalam estet perladangan sekarang iaitu di Sarawak kerana di Sarawak sekarang ini adalah estet perladangan kelapa sawit yang begitu dimajukan oleh kerajaan negeri dan banyak bumiputera di peringkat akar umbi terlibat dalam kontrak-kontrak. Masalah mereka ialah modal, Tuan Yang di-Pertua, dan saya menyarankan di sini kalau sekiranya Bank Pertanian ingin mengubah cara dan imej Bank Pertanian harus mengambil kira masalah yang kita hadapi sekarang khususnya di sektor pertanian.

Yang ketiga, saya ingin bangkitkan Tuan Yang di-Pertua, mengenai peranan kerajaan. Banyak komen yang telah diutarakan tadi saya rasa iaitu mengenai peranan Bank Pertanian sebagai satu bank untuk memajukan sektor agriculture dan saya rasa oleh kerana bank-bank komersial yang lain beroperasi dengan adanya BAFIA, Bank Pertanian beroperasi melalui akta, dengan izin, direct responsibility and accountability of the government and the minister concerned.

Saya rasa dengan adanya accountability, responsibility seperti ini, Bank Pertanian boleh beroperasi, mungkin kementerian ataupun kerajaan terlalu sibuk, misal kata, kita rangkakan program saya baca, kita tingkatkan Fund For Food, RM1 bilion, begitu baik, on the piece of paper Tuan Yang di-Pertua.

Kita bantu masyarakat luar bandar, masyarakat petani tetapi dari segi pelaksanaan, itulah sebabnya kalau kerajaan menekankan pelaksanaan ini, bantu pegawai-pegawai bank dan pengurusan bank untuk melaksanakan program ini saya rasa begitu berkesan, mungkin kita cuba libatkan masa untuk pegawai-pegawai bank kerana mereka bukan macam pegawai-pegawai bank di dalam bank komersial.

Itulah sebabnya saya tanya peringkat awal tadi, apakah masa depan Bank Pertanian, kalau masa depan Bank Pertanian seperti begini, peranan kerajaan harus ditekankan. Kerajaan harus memainkan peranan untuk membantu pegawai dan pentadbiran. Sekiranya di dalam pentadbiran mereka menghadapi masalah, menteri panggil mereka berdialog. Inilah masanya supaya rakan-rakan sebelah sana tidak ada chance untuk komen sedikit, ya rakan dari Kubang Kerian. Sistem sekarang kita boleh perkemaskan Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, masa Yang Berhormat sudah cukup ya.

**Tuan Michael Lisa Kaya:** Untuk menggulung satu ayat sahaja Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Tuan Michael Lisa Kaya:** Oleh kerana itu saya menegaskan dan menyarankan kalau boleh kerajaan tingkatkan peranan untuk membantu Bank Pertanian. Sekian, terima kasih. Saya menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, Yang Berhormat dari Bagan.

**Tuan Lim Hock Seng:** Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat saya ingat, saya terpaksa hendak menutupkan ucapan kalau sekiranya kita tidak boleh habis pada hari Isnin depan ya. Kita ada 15 Rang Undang-undang selain daripada Usul-usul Kewangan. Oleh yang demikian, selepas daripada Bagan, saya hendak minta menteri menjawab. Ya, sila.

12.30 tgh.

**Tuan Lim Hock Seng [Bagan]:** Tuan Yang di-Pertua, kami sedang menghadapi satu rang undang-undang di mana Dewan ini diminta supaya menggubal satu undang-undang untuk Bank Pertanian berkenaan dengan satu Lembaga Rayuan Tatatertib.

Akta-akta yang ada kaitan dengan pertanian iaitu Akta Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia, Akta Lembaga Kemajuan Pertanian Muda, Akta Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu, Akta Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia, Akta Lembaga Pertubuhan Peladang dan Akta Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan. Semua akta ini iaitu ketujuh-tujuh akta ini semuanya berkenaan dengan disiplin committee sahaja. Jikalau akta ini mengikut apa isi kandungan dalam akta ini dan bukan disentuh atas tajuk akta ibu, maka sekali gus tujuh akta ini boleh diluluskan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam kegawatan ekonomi sedunia ini, apa-apa pun boleh berlaku, serba boleh berlaku. Semalam kami tengok di kaca TV, maka di Indonesia ada sebuah bengkel menjual bayi, semalam dalam TV dan bayi-bayi semua teratur di dalam bengkel itu untuk menunggu ibu bapa atau pasangan yang tidak ada bayi untuk membeli dan harganya mungkin dari berapa ratus Rupiah hingga ke juta Rupiah.

Dalam negara kita ini, perbankan-perbankan semua lebih kurang ada menjalankan satu reformasi dan kebanyakan bank-bank, mereka sedang menjalani satu gabungan. Dalam langkah-langkah menggabungkan bank-bank ini ramai pekerja atau employee telah menjadi mangsa. Mereka dipaksa mengambil earlier retirement scheme atau mereka ditamatkan dengan membayar pampasan yang setimpal atau kepada mereka yang enggan meletakkan jawatan atau memilih untuk berpencen awal – earlier pension scheme, maka mereka dikenakan berbagai-bagai sekatan, misalnya jikalau sepasang suami isteri bekerja di sebuah negeri, misal kata di Pulau Pinang dan pihak bank akan transfer seorang isteri atau seorang suami itu ke negeri lain. Ini sudah menjadi satu tindakan paksa supaya menceraikan suami isteri di mana jikalau suami isteri ini tidak boleh tahan tindakan ini, maka mereka dipaksa meletak jawatan.

Jadi, saya kata serba serbi boleh berlaku, apa-apa jalan saja ada, mereka akan mengambil tindakan itu. Saya tidak tahulah sama ada Bank Pertanian yang dimiliki oleh kerajaan kita ini ada mengambil langkah yang serupa iaitu bergabung misalnya dalam sebuah negeri mungkin ditutup pejabatnya dan ditubuhkan satu bank sahaja di satu wilayah, misalnya Perlis, Kedah dan Pulau Pinang hanya ditubuhkan satu Bank Pertanian sahaja untuk Wilayah Utara. Itu saya tidak tahu sama ada itu berlaku. Jikalau itu telah berlaku, maka kakitangan-kakitangan bank itu adalah menjadi mangsa.

Dalam suasana kegawatan ekonomi ini, selepas berlakunya tindakan-tindakan menindas ke atas kakitangan-kakitangan perbankan, maka kita nampak ramai kakitangan bank memakai satu slogan atau satu kad di depan beliau, "say no to", mungkin saya nampak ada satu Sime Bank, "say no to Sime Bank", mungkinkah perkara ini akan belaku kepada Bank Pertanian di mana mereka akan kata 'say no to Bank Pertanian'.

Tuan Yang di-Pertua, maka tubuhlah satu jawatankuasa tatatertib di mana jikalau jawatankuasa tatatertib mendapati pegawai atau kakitangan itu salah laku atau kerana kesalahan jenayah, apa-apa maka dia boleh diturunkan pangkat atau dibuang kerja dan ditubuhkan lagi satu Lembaga Rayuan Tatatertib. Jadi, apa keputusan dibuat oleh jawatankuasa tatatertib boleh dirayu kepada Lembaga Rayuan. Ini satu langkah yang baik. Saya menyokong langkah-langkah ini supaya pekerja-pekerja dapat satu peluang untuk membuat rayuan ke atas tindakan yang dikenakan tetapi saya hendak menanya di sini, pengerusi Lembaga Rayuan Tatatertib, siapa dia pengerusi, sama ada pengerusi ini adalah pengerusi negara iaitu pengerusi ini akan pergi kemerata-rata negeri untuk mendengar rayuan atau pengerusi negeri di mana setiap negeri dilantik seorang pengerusi untuk mengendalikan Lembaga Rayuan ini.

Tuan Yang di-Pertua, juga dalam akta yang diminta pinda itu, perkara 10E di mana atas kepentingan orang awam, maka pegawai atau pekerja itu boleh ditamatkan. Saya terkeliru dengan kepentingan awam kerana pada masa pergolakan politik sekarang, berbagai-bagai salah nama boleh dipakai atas seseorang. Pada pendapat saya, seorang pekerja atau seorang pegawai bank atau sesebuah syarikat itu, beliau ada hak untuk melafazkan pendirian beliau, misalannya kami boleh nampak ada demonstrasi-demonstrasi reformasi di ibu negara kita, ada juga di antara mereka membawa surat khabar dari parti pembangkang untuk masuk ke pejabat, ada juga yang berbisik-bisik dan bercakap-cakap antara satu sama lain berkenaan dengan politik khususnya, mereka menyokong kepada pihak pembangkang. Maka mungkinkah pekerja-pekerja ini, mereka akan dianggap sebagai menghakiskan kepentingan orang awam, maka jikalau itulah disifatkan maka ramai pekerja dan kakitangan bank akan juga turut dibuang kerja, diturunkan pangkat dan menjadi mangsa.

Jikalau apa yang saya kata itu berlaku, mereka ditamatkan kerja oleh jawatankuasa tatatertib dan mereka membuat rayuan kepada Lembaga Rayuan Tatatertib dan keputusan Lembaga Rayuan Tatatertib adalah muktamad. Bolehkah mereka pergi lagi ke satu langkah yang jauh iaitu membawa kes ini kepada Industrial Court iaitu satu mahkamah ditubuhkan oleh pejabat buruh untuk mendengar kes-kes seperti ini atau Lembaga Rayuan Tatatertib itu adalah muktamad dan tidak boleh dirayu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Masa Yang Berhormat sudah habis ya.

**Tuan Lim Hock Seng:** Lagi, satu section sahaja, 38A ini juga berkenaan dengan, 'jikalau seseorang pegawai atau pekerja bank dikenakan perintah tahanan, pengawasan, kediaman terhad, buang negeri atau deportasi maka mereka boleh dikenakan buang kerja', tetapi Tuan Yang di-Pertua, pada masa sekarang saya kata serba boleh berlaku. Ada orang kena ISA dan selepas satu tahun, setengah tahun atau tiga bulan mereka ditahan, mereka dilepaskan dan didapati bukan beliau yang bersalah tetapi beliau dianiayai oleh orang lain, maka apakah status pekerja ini kerana dia dianiayai oleh orang-orang tertentu maka jikalau dia dianiaya oleh orang, hilang pekerjaan, dipecat atau diberhentikan kerja maka itu adalah satu dosa dan menjadi satu kesalahan yang sangat berat.

Jadi, saya berharap beberapa persoalan ini dapat diperjelaskan, sekian, sahaja.

**Beberapa Ahli:** Bangun.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab, minta maaf.

12.36 tgh.

**Timbalan Menteri Pertanian [Dato' Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor]:** Tuan Yang di-Pertua, pertamanya, saya bagi pihak Kementerian Pertanian mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan mengenai pindaan Rang Undang-undang Bank Pertanian Malaysia ini.

Pertamanya, Yang Berhormat dari Tambun, Lumut, Muar, Tanjong, Rompin, Batang Lupar, Bukit Mas dan Bagan. Apa yang telah ditimbulkan oleh Yang Berhormat dari Tambun, memang saya yakin bahawa Yang Berhormat dari Tambun mempunyai kepakaran yang mendalam dalam bidang-bidang banking dan perniagaan. Jadi, apa yang beliau agak keliru sedikit, beliau sendiri tidak dapat mengkategorikan apa jenis Bank Pertanian ini sebenarnya kerana hendak kata bank komersial tidak memenuhi ciri-ciri komersial tetapi hendak kata bank yang lain dia melibatkan pelaburan dalam unit trust, saham dan lain-lain lagi.

Jadi, untuk pengetahuan Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa Bank Pertanian ini sebenarnya merupakan satu institusi kewangan kerajaan untuk memberi pinjaman kepada sektor pertanian khususnya pekebun-pekebun kecil untuk memodenkan sektor pertanian. Jadi, ini bermakna bank ini bukan bank komersial, bank ini tertakluk kepada peraturan-peraturan kerajaan sebagaimana juga jabatan-jabatan kerajaan yang lain.

Jadi, sebab itulah timbul beberapa peraturan yang mengikat terutama dari segi pembayaran, pinjaman dan lain-lain lagi. Jadi, kita tidak boleh membenarkan bank ini sepenuhnya menjalankan operasinya sebagaimana bank komersial yang lain.

Walau bagaimanapun kementerian memahami bahawa dengan terikatnya peraturan-peraturan yang agak ketat maka menyebabkan bank ini tidak boleh setanding dengan bank-bank komersial yang lain tetapi kerajaan sedar bahawa tanggungjawabnya hendaklah dikhususkan kepada pertolongan-pertolongan pinjaman kewangan bagi meningkatkan lagi taraf hidup para pekebun kecil dan juga memodenkan sektor pertanian sebagaimana yang saya sebutkan itu. Lantaran itu, pada masa ini Kementerian Pertanian sedang dalam proses untuk meminda seksyen 7(1) Akta Bank Pertanian iaitu meminda modal yang dibenarkan bagi Bank Pertanian dari RM50 juta kepada RM1 bilion.

Jadi, kalau ini diluluskan nanti dan kewangan dapat ditambah, maka saya percaya skop atau bidang tugas bank ini akan lebih efektif lagi daripada apa yang ada sekarang. Tuan Yang di-Pertua, .....

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, ada yang bangun, Teluk Intan.

**Tuan M. Kulasegaran:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Memandangkan kegiatan Bank Pertanian adalah berlainan dengan bank komersial, siapakah kawal selia bank tersebut, adakah Bank Negara yang menentukan direksi apa yang dibuat oleh Bank Pertanian memandangkan mereka ada pakar-pakar yang tertentu untuk kawal selia ini, dan kedua, seperti yang dikatakan dalam memodenkan aktiviti pertanian apakah sebab Bank Pertanian tidak ada pegawai-pegawai yang tertentu yang kenal pasti mengenai home industry semacam bunga melur, adalah home industry. Kenapa fasiliti-fasiliti ini tidak diberi pembaharuan perniagaan tersebut, memandangkan ini adalah satu perniagaan yang sangat khusus kepada orang-orang India dan Bank-bank Pertanian yang saya tahu hanya ada di negara ini lebih kurang 10 pegawai orang India, apakah sebab ini berlaku dan adakah kelayakan mereka yang sedia ada semua ini berkenaan bank-bank?

**Dato' Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor:** Terima kasih kepada Yang Berhormat dari Teluk Intan. Sebagaimana yang saya katakan tadi, bank ini ditubuhkan oleh Kementerian Pertanian, jadi dengan secara tidak langsung kawal selianya di bawah Kementerian Pertanian. Namun begitu Bank Negara memang ada kuasa dalam soal-soal kewangan. Tetapi tanggungjawab sepenuhnya ialah Yang Berhormat Menteri Pertanian. Tentang bagaimana pinjaman tidak diberi kepada perusahaan bunga melur dan saya rasa Yang Berhormat tersalah. Yang tak diberi itu 3F. Pinjaman 3F yang ditetapkan oleh Bank Negara iaitu hanya Tabung Untuk Makanan. Oleh kerana bunga melur itu bukan makanan maka tidak diberi dan makanan itu pula diberi kepada makanan yang majoriti dimakan oleh rakyat Malaysia, itulah syarat-syarat yang diadakan.

Tentang Yang Berhormat kata penglibatan kaum India, ini saya minta maaf bank ini sudah ditubuhkan lama. Jadi pegawai-pegawai baru tidak lagi diambil, jadi saya pun tidak mendapat maklumat. Mungkin golongan orang-orang India tidak banyak melibatkan diri dalam sektor pertanian pada masa itu agaknya kerana mereka banyak terlibat dalam bidang-bidang profesional yang lain, bukan banking termasuk lawyer macam Yang Berhormat dan juga akauntan dan lain-lain. Jadi itu pandangan sayalah, kerana secara spontan.

Yang Berhormat dari Tambun juga banyak memberi pandangan yang saya rasa amat berharga. Terutama sekali dari segi pinjaman yang dikeluarkan, kadar faedah memang rendah. Kalau tabung 3F ini 4% di mana memang tidak ada keuntungan yang besar sebagaimana yang dibuat oleh bank-bank komersial yang lain. Lantaran itu boleh dikatakan kadang-kadang overhead cost pun kita tidak dapat menampung dengan kerana apa yang saya sebut itulah maka Kementerian Pertanian telah memberi peruntukan pada setiap tahun sebagai geran untuk menampung kos pengurusan. Tetapi oleh kerana negara kita menghadapi kegawatan maka kita telah memotong bantuan-bantuan kewangan ini dan pada tahun lepas 1998 kita dapat memberi hanya RM4 juta sahaja. Jadi sebab itulah bank ini terpaksa membuat pelaburan-pelaburan supaya dapat menampung kos pengurusan sebagaimana yang saya jelaskan tadi.

Yang Berhormat dari Sipitang ada mencelah tadi, mengatakan bahawa Bank Pertanian tidak memberi pinjaman kepada penanaman kelapa sawit. Ini sebenarnya tidak benar, kita memberi pinjaman, sekarang pun ada buka pinjaman kepada pekebun-pekebun kecil kelapa sawit ataupun ladang-ladang besar, 1,000 ekar, 2,000 ekar, 5,000 ekar kita beri tetapi cagarannya mestilah cukup. Apa yang berlaku agaknya di Sarawak dan di Sabah .....

**Tuan Yang di-Pertua:** Sipitang bangun.

**Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, minta penjelasan. Maksud saya Tabung Untuk Makanan. Tadi dikatakan bahawa tabung ini untuk membiayai industri makanan yang dimakan oleh majoriti rakyat Malaysia, tetapi kelapa sawit itu juga dimakan, boleh dikatakan setiap rumah ada makan minyak kelapa sawit atau majerin daripada kelapa sawit, jadi kenapa ini tidak dimasukkan dalam skim pinjaman tersebut? Terima kasih.

**Dato' Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor:** Terima kasih Yang Berhormat dari Sipitang, kalau itu yang dimaksudkan memang benarlah kerana Tabung Untuk Makanan (3F) ini dasarnya ditetapkan oleh Bank Negara. Jadi semua bank-bank komersial boleh mengeluarkan pinjaman 3F ini tetapi sebagaimana yang kita ketahui masyarakat petani-petani lebih berminat kepada Bank Pertanian sebab itu 3F ini banyak dikeluarkan oleh Bank Pertanian. Tetapi mungkin juga tanaman kelapa sawit tidak begitu digalakkan kepada pekebun kecil yang mempunyai tanah NCLR di Sabah dan di Sarawak kerana masalah tidak ada title, masalah nilai tanah itu agak rendah, tetapi walau bagaimanapun kita akan terus mencari jalan bagaimana cara

hendak menolong petani-petani kelapa sawit di kedua-dua negeri yang mempunyai NCLR tadi.

Kepada Yang Berhormat dari Lumut yang menyentuh tentang industri ternakan babi dan juga Yang Berhormat dari Tanjong ada menyentuh panjang lebar mengenai industri ternakan babi. Jadi saya ingin menjawab bahawa Kementerian Pertanian memang memberi perhatian walaupun di bawah Bank Pertanian agak tidak begitu banyak diberi perhatian tetapi kerajaan telah pun memberi perhatian kepada golongan-golongan yang bermasalah. Sebab itu sehingga kini lebih kurang hampir satu juta ekor babi telah dimusnahkan dan kerajaan telah mengeluarkan bantuan untuk ini hampir RM45 juta dan ini saya rasa satu bantuan ehsan daripada kerajaan yang besar yang saya rasa sepatutnya tidaklah menjadi masalah atau isu lagi kepada industri babi. Kerajaan juga sedang membantu industri ini iaitu menerusi bank-bank komersial yang lain kerana industri babi sebagaimana yang kita ketahui adalah satu projek yang viable dan ia pula dapat mengeluarkan hasil ternakan yang begitu besar sebagaimana yang dijelaskan oleh Yang Berhormat dari Lumut sebentar tadi. Saya rasa Yang Berhormat dari Lumut begitu prihatin iaitu telah memberi perhatian kerana hasilnya dapat mengeluarkan RM1.2 bilion termasuk untuk eksport dan melibatkan rakyat Malaysia, sama ada secara langsung atau tak langsung ialah seramai 1.2 juta orang penduduk. Lantaran itulah Kementerian Pertanian, kerajaan kita memberi perhatian sepenuh dan mana-mana yang memerlukan pinjaman maka bank-bank tertentu, bank-bank komersial telah pun memberi green light dengan izin, untuk memberikan pinjaman kerana mereka tidak bimbang kerana projek ini viable dan dapat membayar balik pulangan pinjaman itu dengan baik. Penghabisan Yang Berhormat.

**Tuan Lim Hock Seng:** Tuan Yang di-Pertua, saya minta penjelasan dari Yang Berhormat Timbalan Menteri berkenaan dengan pampasan kepada seekor khinzir yang dimusnahkan. Pada masa sekarang adalah ditentukan RM50 seekor dan desakan bahawa perlu diberi pampasan RM200 atau yang lebih. Saya ingin mendapat tahu sama ada mesyuarat Kabinet pernah membincangkan masalah pampasan iaitu meningkatkan pampasan dari RM50 hingga RM200 ini?

**Dato' Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor:** Tuan Yang di-Pertua, sehingga kini memang kita kekal dengan RM50, tetapi walau bagaimanapun, Jawatankuasa Kabinet telah memikir lain-lain bantuan lagi kepada keluarga yang terlibat bukan sahaja wang cash tetapi lain-lain lagi bantuan termasuk mungkin makanan, pakaian dan tempat-tempat tinggal yang lain lagi, sehinggakan industri itu dapat berjalan balik. Tetapi saya minta Ahli Yang Berhormat supaya menasihati para penternak, cuma mereka yang ada lesen sahaja bolehlah meneruskan ternakan mereka, tetapi yang tidak ada lesen itu tindakan akan diambil oleh kementerian supaya kita hendak industri ini tidak berlaku penyakit wabak JE dengan adanya kawalan-kawalan yang ketat terutama dari segi kebersihan ladang dan sebagainya.

Dan di samping itu untuk pengetahuan Yang Berhormat walaupun Tabung 3F tidak diberi kepada ternakan babi tetapi sehingga 31 Mac 1999, pinjaman ini telah diluluskan sebanyak RM533.816 juta ini sebahagian besarnya kepada bukan bumiputera, iaitu bukan bumiputera diluluskan kepada 1,282 permohonan dengan jumlah RM412.724 juta daripada RM533.816 bukan bumiputera diluluskan sebanyak RM412.724 juta. Manakala hanya kepada 569 permohonan sebanyak RM121.091 juta sahaja. Jadi janganlah isu 3F ini, isu Bank Pertanian ini hendak dibawa lagi kerana apa yang saya katakan walaupun industri ternakan babi tidak diberi tetapi pinjaman itu jumlahnya sangat besar diberi kepada orang-orang bukan bumiputera kerana kita sebagai kerajaan bertanggungjawab kepada semua rakyat kita dalam usaha memodenkan sektor ekonomi khususnya bidang pertanian terutama sekali bagi mengurangkan import kita yang telah disebut oleh Yang Berhormat dari Rompin tadi iaitu lebih daripada RM10 bilion pada tahun yang lalu. Jadi saya harap kisah 3F hendaklah kita tutup kerana peraturan itu telah dikhaskan, tetapi penternak babi

bolehlah pinjam dengan bank-bank komersial yang lain, kementerian akan menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Mersing bangun.

**Tuan Zainal Abidin bin Osman:** Terima kasih. Kita mengucapkan tahniah kepada kerajaan khususnya Kementerian Pertanian yang telah mengambil beberapa langkah untuk mempertingkatkan hasil pengeluaran makanan termasuklah daging. Saya difahamkan Kementerian Pertanian mengadakan satu skim pawah untuk pengeluaran daging lembu. Jadi saya hendak tahu sama ada skim ini masih ada lagi atau tidak dan bagaimana atau sejauhmana skim ini berjaya dipertingkatkan pengeluaran daging untuk keperluan negara? Terima kasih.

**Dato' Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat dari Mersing iaitu pada masa ini memang skim pawah ini terus dijalankan terutama oleh kerajaan-kerajaan negeri dan kita nampak kejayaan agak begitu baik terutama kepada petani-petani yang mempunyai kelapa sawit ataupun kawasan getah. Tetapi walau bagaimanapun, ini kebanyakannya oleh kerajaan-kerajaan negeri. Yang Berhormat dari Senai juga kita ucap terima kasih kerana telah menyentuh tentang 3F tadi, tetapi saya sudah jelaskan Yang Berhormat, terima kasihlah kerana Yang Berhormat mengambil berat tentang nasib penternak-penternak babi tadi yang saya rasa MCA, GERAKAN sudah banyak tetapi DAP nampak malap, kurang memberi perhatian. Jadi dalam Dewan ini dia berkokok, di luar senyap tetapi saya ucapkan terima kasih kerana industri ini .....

**Tuan Fu Ah Kiow:** Tuan Yang di-Pertua, sedikit sahaja. Dalam usaha mengembalikan industri ternakan khinzir atau babi saya hendak tahu berapa negeri telah bersetuju menubuhkan centralize pig farming area, dengan izin iaitu pusat ternakan bagi. Salah satu masalah yang dihadapi oleh pengusaha-pengusaha ialah harga tanah dalam pusat ternakan bagi itu biasanya amat tinggi. Misalnya di Negeri Sembilan harga ialah lebih kurang RM1,000 lebih satu ekar, maka dengan harga yang tinggi begitu ia menjadikan usaha mengembalikan industri tersebut tidak berjaya. Jadi apakah perancangan kementerian untuk memastikan semasa kita hendak wujudkan pusat-pusat tersebut kerajaan negeri boleh menyediakan tanah dengan harga yang munasabah supaya ia menjadikan projek tersebut viable.

**Dato' Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor:** Terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Mentakab. Memang kementerian sedang memberikan perhatian dengan kerajaan-kerajaan negeri terutama sekali untuk mewujudkan centralize pig farming area di negeri-negeri, terutama di negeri Perak, Negeri Sembilan dan Selangor. Ketiga-tiga negeri ini yang kita tekankan. Tetapi walau bagaimanapun Yang Berhormat, kementerian akan berbincang dengan kerajaan-kerajaan negeri supaya harga tanah atau premium tanah itu janganlah terlalu membebankan penternak-penternak. Insya-Allah, sebagaimana jaminan saya pada masa yang lalu kita sedang berkira. Walau bagaimanapun, tanah di kawasan ini ialah kawasan industri dan dibekalkan dengan kemudahan asas. Jadi sudah tentu lebih mahal sedikit daripada kawasan-kawasan pertanian biasa.

Yang Berhormat dari Muar saya percaya salah seorang yang banyak pengalaman. Beliau telah banyak menghabiskan masa dalam bidang pertanian sebagai pegawai pertanian dan saya juga mengucapkan terima kasih atas pandangan-pandangan yang telah dijelaskan tadi oleh beliau dan bagaimanapun bahawa pada masa ini kerajaan tidak berhajat lagi untuk melupuskan MARDI, ini terbangkit pula MARDI pada hal Bank Pertanian tetapi hendak dicantumkan dengan Pejabat Pertanian. Sehingga kini kita masih memerlukan MARDI untuk meneruskan R&D dan juga kita memerlukan Jabatan Pertanian untuk membuat pengembangan bagi meningkatkan lagi pemodenan sektor pertanian dan yang juga ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Rompin, saya ucap terima kasih dan tahniah Yang Berhormat dari Rompin yang

pernah menjadi Lembaga Pengarah Bank Pertanian, beliau memang mahir dan beliau tahu apa dia Bank Pertanian, peranannya dan bagaimana cara kita hendak menjayakan objektif penubuhan Bank Pertanian. Tetapi walau bagaimanapun, memang saya minta maaf kerana kualiti annual report pada tahun lepas itu agak begitu kurang bermutu ini kerana kegawatan ekonomi kerana kementerian mengarahkan kepada agensi kita seboleh-bolehnya tidak usahlah buat report tahunan ini begitu mahal sehingga menyebabkan perbelanjaan meningkat. Apa yang penting ialah persembahan atau isi laporan tahunan itu sendiri perlu ditingkatkan supaya ia dapat memberi manfaat kepada sesiapa sahaja yang membaca laporan tahunan tersebut.

**Tuan Yang di-Pertua:** Teluk Intan bangun, hendak beri jalan tidak?

**Dato' Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor:** Tidak, minta maaf. Beliau juga amat berpuashati dengan perjalanan objektif sebagaimana yang dikatakan dan beliau agaknya begitu yakin bahawa Bank Pertanian boleh memainkan peranan yang lebih berkesan menerusi lebih daripada 200 cawangan yang ada di seluruh negara. Tetapi walau bagaimanapun, insya-Allah, kita akan meneruskan kajian kerana dengan peraturan-peraturan yang mengikat Bank Pertanian pada masa ini untuk bersaing dengan bank-bank lain sama ada dengan cara pengkorporatan atau lain-lain lagi akan dikaji oleh kementerian. Memang pada dasarnya, sampailah masanya bank ini mesti dikaji dari segi strukturnya, dari segi objektifnya supaya ia dapat sama-sama memainkan peranan dalam usaha kerajaan meningkatkan lagi industri pertanian di negara kita terutama pada masa kita menghadapi kegawatan ekonomi. Dan soal-soal skim SPKP patut ditambah ini akan ditimbang oleh pihak bank yang berkenaan. Cuma saya hendak jelaskan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa 3F ini .....

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, panjang lagikah?

**Dato' Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor:** Sebenarnya ada dalam dua muka lagi. Ada empat orang yang belum saya sentuh.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sambung sebelah petang ya. Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ditangguhkan sekarang sehingga jam 2.30 petang.

*Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.00 tengah hari.*

*Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.*

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Ong Tee Keat) *mempengerusikan Mesyuarat*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri diminta sambung.

**Dato' Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon untuk menyambung jawapan saya pada pagi tadi.

Yang Berhormat dari Rompin juga telah meminta supaya dapat ditambah lagi dana-dana di dalam Bank Pertanian. Untuk pengetahuan Yang Berhormat dari Rompin bahawa pada masa ini salah satu dana yang diberikan kepada Bank Pertanian atau Bank Pertanian juga ada menyediakan IKS. Jadi, mana-mana pihak yang berkelayakan untuk pinjaman bagi IKS ada disediakan oleh Bank Pertanian bagi penduduk-penduduk di luar bandar.

Yang Berhormat dari Batang Lepar juga telah mengakui bahawa Bank Pertanian ini banyak menolong orang luar bandar, khususnya di negeri Sarawak dan beliau amat berpuas hati tetapi ada perkara yang beliau bangkitkan iaitu kurangnya pengurusan secara profesional bagi produk-produknya. Malah katanya, menyebabkan berlaku masalah-masalah termasuk cagar tanah belum didaftarkan manakala wang pinjaman telah dikeluarkan. Inilah lain-lain perkara yang menyebabkan berlaku masalah tetapi walau bagaimanapun saya memberi jaminan bahawa insya-Allah, segala

apa yang berlaku itu akan kita ambil ingatan supaya perkara-perkara yang seumpama ini akan dapat kita atasi pada masa-masa yang akan datang. Yang Berhormat dari Batang Lupar juga mengakui bahawa pengkorporatan Bank Pertanian Malaysia memang boleh dibuat iaitu untuk meningkatkan lagi industri pertanian negara kita dan beliau meminta supaya Tabung 3F patut disalurkan kepada Bank Pertanian.

Untuk pengetahuan Yang Berhormat, sebagaimana yang saya sebutkan tadi majoriti pinjaman yang telah diluluskan mengenai Tabung 3F adalah disalurkan menerusi Bank Pertanian pada masa ini. Dan di samping itu, memang benar bahawa Bank Pertanian ada masalah untuk mencagarkan tanah NCLR yang terdapat di Sabah dan Sarawak tetapi kita mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat, kalau dapat bekerjasama mencari satu pendekatan baru yang dapat kita atasi bagaimana cara kita hendak menggunakan NCLR ini bagi kepentingan petani-petani yang hendak meminjam. Tetapi buat masa ini bank agak keberatan kerana NCLR tidak ada geran dan nilai tanahnya agak rendah dan pindah milik tidak dapat dijalankan kepada pihak yang bukan tempatan ataupun orang tempatan.

Di samping itu, Yang Berhormat dari Bagan telah meminta penjelasan kerana Yang Berhormat dari Bagan memuji Australia, katanya walaupun 1.5 juta ekor ayam di Australia telah dijangkiti wabak penyakit tetapi kerajaannya cepat bertindak tidak sebagaimana di Malaysia. Jadi, saya menasihatkan kepada Ahli Yang Berhormat dari Bagan bahawa jangan lekas membuat sesuatu penilaian dengan memburukkan negara sendiri, memuji negara luar. Yang Berhormat tentu sedar bahawa sesuatu wabak yang telah menjangkiti mana-mana ternakan di sesebuah negara sudah pasti sebelum dimusnahkan, ia dikaji, disiasat dan ini sudah pasti memakan masa sedikit-sebanyak. Tetapi Ahli Yang Berhormat tidak tinggal di Australia, dia tinggal di Malaysia. Apa Yang Berhormat tahu ialah dimusnahkan dan dalam tanggapan Yang Berhormat, hari ini dapat mungkin dua hari, tiga hari wabak terus musnah. Jadi, saya rasa sebagai warganegara Malaysia kita jangan menidakkan keadaan kerajaan kita yang memerintah sehingga kita boleh memuji negara lain kerana ini akan menjatuhkan maruah negara kita.

Yang Berhormat dari Batang Lupar juga membangkitkan tentang harga makanan ayam yang tidak dikawal tetapi harga ayam dikawal, sedangkan katanya bahan-bahan seperti ikan baja, bahan sawit boleh digunakan. Untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat, memang Kementerian saya menerusi MARDI dan juga Jabatan Haiwan sedang dan telah pun mengenal pasti bahan-bahan makanan yang boleh digunakan. Tetapi oleh kerana jumlah pendaratan ikan-ikan baja agak sedikit kerana kebanyakan nelayan lebih suka mendaratkan ikan-ikan baja di negara-negara jiran, harganya tinggi tetapi di negara kita harganya rendah. Walau bagaimanapun, Kementerian akan mengambil ingatan atas teguran yang telah dibuat oleh Ahli Yang Berhormat.

Ahli Yang Berhormat dari Bukit Mas juga telah menyatakan bahawa tiga perkara yang berkaitan dengan Bank Pertanian iaitu masa depan Bank Pertanian, peranan Bank Pertanian dan matlamat kerajaan untuk mencapai hasrat penubuhannya. Jadi saya juga mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat dari Bukit Mas yang memberi pandangan-pandangan yang bernas, yang mana saya yakin akan memberi pengajaran atau memberi jalan kepada pegawai-pegawai dan pihak pengurusan Bank Pertanian supaya kita dapat memastikan kecukupan bank pada masa-masa yang akan datang ini. Tetapi walau bagaimanapun, sehingga kini kita berpuas hati dengan apa yang telah dijalankan oleh bank kerana bank sendiri sebagaimana yang saya sebutkan tidak boleh menjalankan operasinya sebagaimana yang dijalankan oleh bank-bank komersial yang lain, disebabkan ia terikat dengan dasar-dasar dan peraturan-peraturan kerajaan. Beliau juga mengesyorkan supaya peng-korporatan itu penting dan kalau boleh hendaklah dibuat kajian.

Jadi, ini kita akan kaji sebagaimana yang disebutkan dan beliau juga meminta supaya cagaran-cagaran jangan dikenakan. Ini yang agak berat Yang Berhormat, kerana setiap pinjaman mesti diadakan cagaran kerana pada masa-masa yang lalu bank sendiri bermasalah dengan pinjaman-pinjaman yang tidak dapat dibayar oleh peminjam-peminjam. Walau bagaimanapun, kita ada kelonggaran, kalau tidak ada cagaran, kita ada jaminan. Daripada jaminan-jaminan ini untuk pinjaman RM50 ribu ke bawah memadai dengan dua orang penjamin yang cukup syarat sebagaimana yang disebutkan.

Ahli Yang Berhormat dari Bagan telah memberitahu Dewan yang mulia ini bahawa semalam dalam televisyen ada bengkel yang menjual bayi-bayi di Indonesia. Jadi itulah Yang Berhormat, sebagai pembangkang berhati-hati kerana kerajaan Malaysia di bawah kepimpinan Barisan Nasional, di bawah pimpinan Dato Seri Dr. Mahathir Mohamad, adalah sebuah negara yang aman damai, tidak ada berlaku perkara-perkara Yang Berhormat katakan itu. Jadi, Yang Berhormat sebagai rakyat Malaysia hendaklah menyokong kerajaan. Walau bagaimanapun, kita pasti ada kesilapan, kesalahan-kesalahan tetapi kesalahan itu tidak menyebabkan akan berlaku sebagaimana yang berlaku di negara jiran itu. Memang saya sendiri melihatnya Yang Berhormat, menonton televisyen semalam dan terlalu sedih melihatkan peristiwa itu dan untuk pengetahuan Yang Berhormat juga, bahawa dua malam lalu dalam televisyen juga menyiarkan peristiwa di Kosovo.

Jadi, Yang Berhormat patut ambil ingatan bahwa kerajaan Malaysia ini telah membuat kek yang besar tetapi Yang Berhormat cuba potong-potongkan pula, cuba kecil-kecilkan pula oleh DAP, PAS dan juga reformasi. Jadi, alangkah elok kalau kek itu ditambah, dibesarkan lagi supaya rakyat kita menerima manfaat hasil daripada perjuangan yang telah dilandaskan oleh Barisan Nasional semenjak 43 tahun yang lalu. Jadi, saya rasa masyarakat Malaysia, masyarakat majmuk kita tidak boleh membenarkan suatu perbezaan pendapat yang boleh memecah-belahkan masyarakat tetapi sebaliknya kita boleh beri pandangan, pendapat yang berbeza tetapi jagalah struktur perpaduan negara kita itu supaya kita pastikan peristiwa yang berlaku, di Bosnia, di Kosovo tidak akan berlaku di negara kita selagi kita hormat-menghormati di antara satu sama lain.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat.

**Dato' Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor:** Penghabisan, Yang Berhormat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]:** Ya, Bagan.

**Tuan Lim Hock Seng:** Adakah Yang Berhormat sedar bahawa demokrasi yang bebas dan suasana yang lebih aman, lebih makmur yang dinikmati oleh negara-negara maju selain dari Malaysia, bukannya kebebasan demokrasi, kemakmuran, ketenteraman, keamanan diperolehi tanpa sebarang perjuangan. Mereka juga menjalankan satu perjuangan yang begitu panjang daripada sejarahnya dan juga pengorbanan daripada rakyat mereka dan juga ahli-ahli politik untuk mendapatkan satu suasana yang begitu aman, makmur dan maju di setengah-setengah negara yang saya katakan itu.

**Dato' Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor:** Terima kasih, Yang Berhormat dari Bagan. Saya ingat Yang Berhormat sendiri salah faham bahawa sesuatu demokrasi itu bebas. Bebas ini ada dengan peraturan, kita tidak boleh bebas dengan sewenang-wenangnya sebab itu negara-negara maju kalau Yang Berhormat kata aman, damai, tidak benar – di negara-negara maju di mana anak-anak sudah tidak mengenal ibu bapa, tidak ada lagi kasih sayang sebagaimana yang diperolehi di negara kita dan ini diakui sendiri oleh orang-orang Barat. Jadi sebab itulah kita di Malaysia berlainan sekali dengan negara-negara lain, kita ada batasnya, parti pembangkang ada batasnya, dengan harapan kita hendak menjaga – apa yang saya katakan, satu kek yang

besar itu ditambahkan lagi supaya rakyat kita akan dapat makan dan dapat menikmati daripadanya – jangan kita pecahkan.

Yang Berhormat juga membangkitkan tentang Jawatankuasa Tatatertib, bimbang, takut ada penyelewengan dan begitu juga adakah Bank Pertanian akan menjalankan percantuman dengan cawangannya atau dengan bank-bank yang lain. Jadi, untuk pengetahuan Ahli-ahli Yang Berhormat, sehingga kini tidak ada lagi rancangan untuk dicantumkan dan saya memberi jaminan bahawa Jawatankuasa Tatatertib dan Lembaga Rayuan ini akan menjalankan tugas sebagaimana yang diperuntukkan dalam undang-undang dan kita tidak akan melanggar apa yang telah termaktub dalam tugas-tugas dan kewajipan ini. Walau bagaimanapun, untuk makluman Ahli Yang Berhormat kalau Jawatankuasa Rayuan memang menolak dan keputusannya muktamad tetapi boleh di'challenge' di court, boleh dibawa ke court, kalau sesuatu keputusan itu tidak memuaskan hati pekerja-pekerja yang berkenaan. Jadi, begitu juga Yang Berhormat mempersoalkan atas kepentingan awam, saya rasa itu kalau sesuatu yang tidak memberi kepuasan, maka sudah pasti boleh diadukan kepada court, kepada mahkamah dan mahkamah akan memutuskannya. Jadi, saya rasa penyelewengan-penyelewengan itu, insya-Allah, akan dapat kita atasi pada masa-masa yang akan datang. Sekian, terima kasih.

**Tuan Lim Hock Seng:** [*Bangun*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]:** Ya, Yang Berhormat Bagan.

**Dato' Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor:** Sudah habis.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]:** Hendak tanya lagi? [*Disampuk*] Sudah habis berucap, sudah habis jawab.

**Tuan Lim Hock Seng:** Dia kata sudah habis.

**Tuan M. Kulasegaran:** Habis peluang. [*Ketawa*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]:** Ya, ya. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Ong Tee Keat) *mempengerusikan Jawatankuasa*]

**Fasal 1 hingga 3 –**

**2.45 ptg.**

**Tuan M. Kulasegaran [Teluk Intan]:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya merujuk kepada Pindaan Seksyen 10(B) iaitu yang dikatakan 11 – Keputusan Lembaga Rayuan Tatatertib atau Menteri di bawah subseksyen 10 adalah muktamad dan konklusif.

Sebelum ini Yang Berhormat Timbalan Menteri mengatakan bahawa kes-kes di mana dilucutkan jawatan boleh dirujuk kepada Mahkamah Perusahaan dan memandangkan perkara itu adakah apa yang dikatakan di sini muktamad, pihak-pihak yang mempertikaikan tidak dapat membawa kes ini ke mahkamah selepas satu keputusan yang muktamad telah dibuat dari segi perenggan ini.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, nanti dahulu. Saya rasa jawab dahulu. *[Disampuk]* Ya.

**Dato' Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor:** Tuan Pengerusi, terima kasih kepada Yang Berhormat dari Teluk Intan. Maksud saya sesuatu keputusan itu termasuk selepas rayuan kepada Jawatankuasa Rayuan. Kalau tidak puas hati juga, maka boleh membuat rayuan kepada Yang Berhormat Menteri dan selepas segala-galanya tidak berpuas hati juga, baru boleh dibawa ke mahkamah.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]:** Ya, Bagan.

**Tuan Lim Hock Seng:** Tuan Pengerusi, Perkara 10D, tadi dalam ucapan saya, saya ada tanya sama ada Pengerusi Lembaga Rayuan Tatatertib ini terdiri daripada seorang sahaja iaitu menjaga seluruh negara atau setiap negeri ada seorang pengerusi untuk mengetuai atau mempengerusikan Lembaga ini. Dan bolehkah saya meminta sekali gus berkenaan semua pertanyaan yang .....

**Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, Fasal 1 hingga 3...

**Tuan Lim Hock Seng:** Fasal 1 hingga 3.....

**Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]:** Fasal 4 belum lagi.

**Tuan Lim Hock Seng:** Ya, 10E pun terkandung dalam Fasal 3 dan tadi pun saya ada meminta supaya satu jaminan diberi sama ada kepada pekerja-pekerja dan pegawai bank ini, jikalau mereka ada fikiran yang lain daripada menyokong kerajaan iaitu pada masa kebebasan mereka atau masa selepas kerja, mereka boleh menyertai kegiatan-kegiatan seperti memberi sokongan kepada pembangkang seperti membawa majalah atau surat khabar daripada parti pembangkang atau berbisik-bisik atau bercakap-cakap antara seorang dengan yang lain di dalam pejabat, adakah mereka ini akan diambil tindakan?

**Dato' Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor:** Tuan Pengerusi, sebagaimana yang kita ketahui bahawa pengerusi yang dimaksudkan itu ialah Pengerusi Bank Pertanian Malaysia mengikut tafsiran seksyen 3, Akta Bank Pertanian 1969 dan memanglah Pengerusi Rayuan itu seorang yang dilantik dari semasa ke semasa. Dan masalah penyalahgunaan seperti hendak kempen dalam bank, memang tidak bolehlah, memang tindakan akan diambil kerana dalam bank itu adalah urusan perniagaan bank itu. Adalah menjadi satu kesalahan mana-mana kakitangan pegawai yang telah menyalahgunakan masa bekerja dengan kerja-kerja yang lain. Apatah lagi kerja untuk menentang kerajaan kerana bank itu kepunyaan kerajaan, kalau tangan itu yang menyuap mulut dan mulut pula hendak gigit tangan, maka ini satu perbuatan yang tidak mengengang budi, kacang lupakan kulit dan tindakan akan diambil.

**Tuan Pengerusi:** Ya, Teluk Intan.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]:** Ya, Teluk Intan.

**Tuan M. Kulasegaran:** Tuan Pengerusi, 10E memandangkan apa yang dikatakan oleh Timbalan Menteri jadi bolehlah diambil sebagai muktamad bahawa seseorang yang terlibat dalam hal kes politik selepas waktu kerja juga akan diwajibkan supaya tindakan diambil di bawah seksyen 10E yang mengatakan: *Jika Lembaga mendapati atau jika representasi dibuat kepada Lembaga bahawa adalah wajar perkhidmatan seseorang pegawai atau pekerja ditamatkan demi kepentingan awam;* yang inilah, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu Dewan yang mulia ini, because terdapat double standard iaitu subjektif dan objektif. Maka apakah standard yang digunakan dan jika mereka menyokong Barisan Nasional adakah ia tidak terkena pada seksyen ini dan jika ia menyokong pembangkang kena pada seksyen ini.

**Dato' Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor:** Terima kasih kepada Yang Berhormat dari Teluk Intan. Sebagaimana yang saya sebutkan selepas waktu kerja, kalau tidak menyalahi kedudukannya maka tidak ada bersalah. Sesiapa sahaja boleh menyokong mana-mana parti yang dia hendak tetapi kalau di waktu kerja ia melakukan sesuatu yang boleh menjejaskan imej bank itu dan menjejaskan imej negara maka tindakan akan diambil. Kerana ia masih lagi kakitangan dan pegawai kerajaan. Jadi, sama ada di luar atau di dalam. Tetapi kalau dia menyokong Barisan Nasional dia tidak akan mengkhianati dasar kerajaan. Maka tindakan apa yang hendak diambil kerana dia tidak menderhaka dan tidak merosakkan imej. Jadi, sebab itu Yang Berhormat faham bahawa kita tidak sewenang-wenangnya menjalankan tindakan-tindakan kalau ia tidak merosakkan bank itu sendiri, kepercayaan rakyat kepada bank atau juga kepada maruah kerajaan kita.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]:** Ya, Bagan.

**Tuan Lim Hock Seng:** Minta suatu penjelasan bahawa, Fasal 4 sama ada kita bincang sekarang. Nanti dahulu, belum lagi.

**Fasal 1 hingga 3** diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang.

#### **Fasal 4 - Pindaan**

**Dato' Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor:** Tuan Pengerusi, saya mohon izin Rang Undang-Undang ini dipinda dalam perenggan 4(b) dalam teks bahasa Inggeris dengan menggantikan perkataan "Director General" dengan perkataan "General Manager". Perenggan 4(b) ini dipinda untuk membetulkan nama jawatan dan supaya selaras dengan sebutan teks Bahasa Kebangsaan dan begitu juga dalam notis yang diberi itu English language "text", bukan "next" itu dibetulkan, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa pindaan sebagaimana yang tertera di dalam Kertas Pemberitahu yang telah dibentangkan sekarang, terbuka untuk dibahas.

*[Tiada perbahasan]*

Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa pindaan yang dicadangkan sebagaimana yang dinyatakan dalam Kertas Pemberitahu hendaklah dipersetujukan.

Pindaan dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dipinda dalam perenggan 4(b) dalam teks bahasa Inggeris dengan menggantikan perkataan "Director General" dengan perkataan "General Manager".

#### **The English translation is as follows:-**

The Bilion is amended intergrasi nasional paragraph 4(b) in the English language text by substitution for the words "Director General" the words "General Manager".

**Fasal 4** sebagaimana dipinda diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

**Tuan Lim Hock Seng:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]:** Ya, bangun hendak apa Yang Berhormat.

**Tuan Lim Hock Seng:** Tuan Pengerusi, dalam ucapan tadi saya juga ada membangkitkan kerana di 4(c) jikalau seseorang pegawai atau pekerja bank dikenakan apa-apa perintah tahanan, pengawasan, kediaman terhad, buang negeri atau deportasi maka ini juga jatuh kepada tindakan-tindakan tatatertib iaitu diambil tindakan memberhentikan kerja atau diturunkan pangkat. Tadi saya ada tanya sama ada kepada mereka yang kena dianiayai oleh orang-orang iaitu mungkin mereka ditahan di bawah ISA satu tahun, enam bulan, tiga bulan dan mungkin 60 hari, lepas 60 hari beliau dibebaskan dan tanpa ada apa-apa bukti dan akhirnya terbukti bahawa beliau dianiayai oleh orang-orang lain maka dalam kes ini, pekerja atau pegawai itu pun boleh kena diberhentikan kerja dan dibuang kerja.

**Dato' Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor:** Tuan Pengerusi, saya pun tidak faham juga, tadi Fasal 4 sudah dijadikan sebahagian Rang Undang-Undang, jadi, boleh reverse balik ini?

**Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]:** Tidak, sebenarnya Yang Berhormat Bagan patut bangun lebih awal tetapi saya beri peluang, tidak mengapalah.

**Dato' Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor:** Tuan Pengerusi, sebagaimana yang Yang Berhormat dari Bagan bangkitkan tadi saya sudah jawab tadi, tetapi saya tidak sebut satu persatu. Cuma saya kata jaminan diberi bahawa kerajaan tidak akan mensia-siakan atau menyalahgunakan kuasa. Jadi masalah penganiayaan tidak timbullah kerana kita ada jawatankuasa dan jawatankuasa disiplin itu selepas diputus akan pula diberi ruang untuk merayu kepada Jawatankuasa Rayuan. Jadi, saya percaya soal ISA dan sebagainya itu akan dipertimbangkan, dibicarakan atau dibincangkan dalam jawatankuasa. Insya-Allah, kerajaan akan bertanggungjawab supaya penganiayaan tidak akan berlaku.

Pindaan dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujui.

Fasal 4 sebagaimana yang dipinda tadi jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan pindaan ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

#### **RANG UNDANG-UNDANG LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (PINDAAN) 1998**

##### **Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

3.00 ptg.

**Timbalan Menteri Pertanian [Dato' Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan suatu Akta untuk meminda Akta Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan 1965 dibaca bagi kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan rang undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan 1965 dibaca bagi kali kedua sekarang.

Tujuan rang undang-undang ini adalah untuk membolehkan Lembaga melaksanakan dan menguatkuasakan peraturan-peraturan tatatertib bagi pegawai dan kakitangan Lembaga agar ianya selaras dengan Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Kelakuan Dan Tatatertib) 1993 yang terpakai untuk pegawai awam. Akta ibu Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan 1965 (Semakan) 1974 tidak memperuntukkan sebarang seksyen khusus mengenai tatatertib. Menyedari kekurangan tersebut, Kementerian Pertanian telah mengambil tindakan bagi

mengadakan peruntukan berkenaan sebagaimana Akta Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan 1965 (Pindaan) 1990.

Akta Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan 1965 dicadangkan untuk dipinda bagi mengambil kira perkara-perkara berikut:

- (i) peruntukan mengenai rayuan kepada Lembaga Rayuan Tata tertib atau Menteri terhadap keputusan Jawatankuasa Tata tertib;
- (ii) peruntukan mengadakan penubuhan Lembaga Rayuan Tata tertib;
- (iii) peruntukan penamatkan perkhidmatan pegawai atau pekhidmat Lembaga dari kepentingan awam; dan
- (iv) memperuntukkan supaya pegawai atau pekhidmat Lembaga tidak diberi peluang untuk membuat representasi dalam hal-hal tertentu.

Tuan Yang di-Pertua, bagi tujuan meminda Akta ibu, Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan 1965 (Semakan) 1974. Perkara-perkara yang perlu dipertimbangkan adalah seperti yang dihuraikan. Mana-mana pegawai dan penjawat Lembaga yang diambil tindakan tata tertib boleh membuat rayuan kepada Lembaga sebagaimana subseksyen (8) dalam subseksyen (6) Akta Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan 1965. Subseksyen (8) kini dicadangkan dipinda dengan menggantikannya subseksyen (8) yang baru yang memperuntukkan bahawa rayuan terhadap keputusan Jawatankuasa Tata tertib boleh dibuat oleh pegawai atau penjawat Lembaga kepada Lembaga Rayuan Tata tertib.

Tuan Yang di-Pertua, rayuan oleh Ketua Pengarah terhadap keputusan Jawatankuasa Tata tertib pula boleh dibuat kepada Menteri sebagaimana yang diperuntukkan dalam subseksyen (9) yang baru yang dicadangkan untuk menggantikan subseksyen (9) yang sedia ada. Seksyen 6 Akta ibu juga dipinda dengan memasukkan dua subseksyen yang baru iaitu:

- (i) Subseksyen (10) yang memperuntukkan kuasa kepada Lembaga Rayuan Tata tertib atau Menteri mengikut mana-mana yang berkenaan untuk mengesahkan, mengakaskan atau mengubah keputusan Jawatankuasa Tata tertib.
- (ii) Subseksyen (11) yang memperuntukkan bahawa keputusan Lembaga Rayuan Tata tertib atau Menteri adalah muktamad dan konklusif.

Tuan Yang di-Pertua, Akta Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan 1965 (Semakan) 1974 tidak memperuntukkan penubuhan Jawatankuasa Rayuan Tata tertib bagi memberi peluang kepada pegawai dan penjawat Lembaga untuk mendapat pertimbangan yang sewajarnya. Untuk tujuan itu seksyen baru 6A dimasukkan untuk mengadakan peruntukan bagi penubuhan Lembaga Rayuan Tata tertib.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada seksyen baru 6A, seksyen baru 6B juga dimasukkan dengan tujuan mengadakan peruntukan untuk penamatan perkhidmatan pegawai atau penjawat Lembaga demi kepentingan awam serta prosedur untuk menamatkan perkhidmatan pegawai atau penjawat Lembaga berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, subseksyen (4), Seksyen 12A, Akta Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan 1965 telah memperuntukkan bahawa peluang representasi diberikan kepada orang yang terhadapnya prosiding tata tertib diambil. Subseksyen ini diganti dengan subseksyen (4) yang baru untuk memberi peluang

kepada orang yang terhadapnya prosiding tatatertib diambil untuk membuat representasi sebelum keputusan tatatertib dibuat kecuali:

- (i) kes di mana pegawai atau penjawat Lembaga itu dibuang kerja atau diturunkan pangkat kerana disabitkan dengan pertuduhan jenayah;
- (ii) demi kepentingan dan keselamatan negara adalah tidak suaimanfaat untuk memberi peluang representasi itu;
- (iii) kes di mana pegawai atau penjawat Lembaga berkenaan telah dikenakan perintah tahanan, pengawasan, kediaman terhad, buang negeri atau deportasi atau mana-mana bentuk sekatan atau pengawasan dengan bon atau selainnya, yang berhubungan dengan keselamatan negara, pencegahan jenayah, kediaman terhad, buang negeri, imigresen atau perlindungan wanita dan gadis.

Seksyen 12A juga dipinda dengan memasukkan subseksyen-subseksyen yang baru iaitu subseksyen (5) dan (6). Subseksyen (5) memperuntukkan bahawa dalam peraturan-peraturan tatatertib yang dibuat di bawah seksyen 12A hendaklah mengadakan peruntukan mengenai prosedur bagi pendengaran rayuan terhadap keputusan Jawatankuasa Tatatertib. Sementara subseksyen (6) adalah bertujuan untuk memperluaskan tafsir "pegawai" iaitu meliputi Ketua Pengarah.

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap dengan adanya pindaan ini, tahap pengurusan berhubung tindakan tatatertib di Lembaga ini dapat dipertingkatkan dan sekali gus keraguan berhubung dengan langkah-langkah pelaksanaan tindakan tatatertib pegawai dan penjawat Lembaga akan terhapus. Dengan demikian juga, tindakan tatatertib ke atas pegawai dan penjawat FAMA akan mempunyai asas dan sokongan undang-undang yang kukuh.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mengemukakan Rang Undang-undang Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Pindaan) 1998 dibahaskan di Dewan yang mulia ini. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah dihadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Lembaga Pemasaran Pertanian 1965 dibacakan bagi kali kedua sekarang dan terbuka untuk dibahaskan. Mentakab.

**3.05 ptg.**

**Tuan Fu Ah Kiow [Mentakab]:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih atas peluang yang diberikan untuk saya mengambil bahagian dalam perbahasan satu rang undang-undang yang dinamakan suatu Akta untuk meminda Akta Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan 1965.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai satu Lembaga yang diberi satu tanggungjawab dalam membangunkan pemasaran hasil-hasil pertanian, saya difahamkan FAMA telah menjalankan banyak program untuk mencapai matlamat asal antaranya termasuk aktiviti pemasaran secara langsung, penglibatan FAMA secara langsung dan juga aktiviti promosi, pameran hasil pertanian dan juga mengadakan skim mengredkan buah-buah untuk memastikan kualiti eksport buah-buahan adalah bermutu dan juga mengembangkan pasaran dalam negeri seperti Pasar Tani, aktiviti penubuhan kilang IKS memproses dan untuk memberi khidmat sokongan kepada golongan sasaran.

Tuan Yang di-Pertua, di antara aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh FAMA saya dapati banyak tenaga dan sumber telah diberi kepada tumpuan di mana FAMA sendiri terlibat secara langsung dalam pemasaran hasil-hasil pertanian. Begitu juga

saya dapati FAMA juga terlibat dalam penubuhan kilang pemprosesan seperti kilang yang buat kaya (jem) di bawah jenama *Agromas*.

Tuan Yang di-Pertua, saya berpendapat kita mengkaji sekali lagi sama ada pendekatan tersebut adalah bijaksana dan pada saya ada reservation dengan izin, reservation terhadap pendekatan tersebut sebab saya mendapati FAMA patut memainkan peranan sebagai fasilitator dengan izin, untuk membangunkan pasaran hasil-hasil pertanian di mana aktiviti yang boleh dijalankan oleh pihak swasta, saya berpendapat FAMA tidak perlu terlibat dalam aktiviti secara langsung misalnya dalam kilang.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat ya, Teluk Intan bangun.

**Tuan M. Kulasegaran:** Point of Order. Tuan Speaker.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]:** Ya.

**Tuan M. Kulasegaran:** 36(1) Apakah kena-mengena FAMA dengan apa yang dibahaskan hari ini mengenai prosedur tatatertib.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat Mentakab, pagi tadi pun saya pernah buat satu ruling yang bersabit dengan 36(1), Yang Berhormat, kalau sepintas lalu sebagai contoh tidak mengapa, biasanya saya beri peluang tetapi mengikut Peraturan Mesyuarat 36(1) eloklah Yang Berhormat hubung-kaitkan perbahasan Yang Berhormat dengan rang undang-undang secara khusus ya. Walaupun bukan dalam peringkat Jawatankuasa.

**Tuan Fu Ah Kiow:** Ini sebab dalam peringkat dasar. Dasar ada...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]:** Nanti dahulu Yang Berhormat, tetapi untuk makluman Yang Berhormat Peraturan Mesyuarat yang sudah dipinda tahun lepas sebenarnya adalah dinasihatkan Ahli-ahli Yang Berhormat yang membahaskan sesuatu rang undang-undang itu mengkhususkan ucapannya kepada peruntukan-peruntukan ataupun fasal-fasal yang tertera dalam rang undang-undang dan bukannya secara umum ataupun menyentuh apa sahaja yang terangkum dalam bidang tugas kementerian yang berkenaan.

**Tuan Fu Ah Kiow:** Ada terlibat juga Tuan Yang di-Pertua, kalau seorang pegawai yang enggan menjalankan apa-apa aktiviti yang dianggap oleh FAMA yang tidak patut dilanggar maka tindakan disiplin boleh diambil terhadapnya

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]:** Hubung-kaitkan. Ya betul.

**Tuan Fu Ah Kiow:** Ada hubung-kait secara tidak langsung. Jadi, baik saya kembali. Tuan Yang di-Pertua, pada saya ini amat penting sebab sumber dan tenaga FAMA adalah terhad, kalau pendekatan kita telah disalahgunakan atau priority yang kurang tepat digunakan maka ia tidak akan mencapai matlamat asal FAMA ditubuhkan. Maka dalam perkara ini saya berpendapat tadi misalnya, aktiviti menubuhkan kilang membuat jem dan kaya. Aktiviti tersebut bukan aktiviti yang strategik dan aktiviti tersebut boleh dijalankan oleh pihak swasta sedangkan banyak kilang IKS pun telah mampu membuat jem dan kaya

Jadi, apakah sebab FAMA kena melibatkan diri dalam aktiviti sebegini. Begitu juga saya berpendapat, kalau kita hendak terlibat secara langsung dalam pemasaran hasil-hasil pertanian, kita patut terlibat dalam subsektor yang lebih strategik misalnya dalam horticulture, pemasaran bunga-bunga. Itu saya setuju sebab ia melibatkan banyak logistik yang diperlukan. Itu mungkin lebih sukar untuk pihak swasta, pengusaha kecil untuk mengadakan aktiviti besar-besaran, maka FAMA ada peranan yang amat penting dalam cuba mengembangkan pasaran horticulture. Dalam

pemasaran hasil pertanian biasa, saya berpendapat FAMA patut memainkan peranan sebagai fasilitator, itu sudah cukup tidak payah terlibat secara langsung.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, Bagan bangun.

**Tuan Lim Hock Seng:** Peraturan 36(1): Izinkan saya baca kandungan peraturan ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat .....

**Tuan Lim Hock Seng:** Tuan Yang di-Pertua, bukan kita pertikaikan, menghalang dia berucap kerana...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, jangan berhujah. Sebutkan sahaja.

**Tuan Lim Hock Seng:** Peraturan 36(1) - seseorang ahli apabila membahaskan rang undang-undang yang meminda akta induk, hanya perkara-perkara yang berkaitan rang undang-undang itu sahaja yang dibenarkan bercakap dan tidak kepada perkara yang melibatkan akta induk. Terus terang bukan kita yang buat peraturan ini Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Fu Ah Kiow:** 2 minit lagi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, saya akan buat keputusan.

**Tuan Lim Hock Seng:** Mungkin, mungkin satu perubahan kerana dijalankan ke atas 36(1).

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]:** Saya akan buat keputusan Yang Berhormat, tidak perlu berhujah. Yang Berhormat sabar sebentar, saya akan buat keputusan. Saya kekalkan keputusan yang dibuat tadi dan saya dapati juga sejak pagi tadi memang terdapat beberapa orang ahli yang mengambil bahagian dalam perbincangan rang undang-undang ini nampaknya telah langgar Peraturan Mesyuarat ini. Ini bukan sengaja, saya nampak bukan sengaja tetapi seperti mana yang saya sebutkan tadi sejak adanya pindaan tahun lalu, ini biasanya dilanggari.

Yang Berhormat, balik kepada tajuk tetapi elok...

**Tuan Fu Ah Kiow:** Saya gulung.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]:** Elok Yang Berhormat tidak perlu menyentuh apa sahaja yang terangkum dalam bidang kuasa ataupun bidang tugas Kementerian Pertanian sahaja, secara spesifik.

**Tuan Fu Ah Kiow:** Okay, saya gulung. Saya gulung. Tadi saya kata, pada pendapat saya peranan FAMA paling penting ialah memberi khidmat sokongan khususnya tentang maklumat pasaran dan juga pasaran pada masa singkat, masa panjang dan masa akan datang. Itu lebih penting kepada kumpulan sasaran.

Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]:** Kubang Kerian.

3.14 ptg.

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu [Kubang Kerian]:** Tuan Yang di-Pertua, pindaan terhadap Rang Undang-undang Bank Pertanian, Lembaga Pemasaran (FAMA), Pertubuhan Peladang, Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia, Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu, Lembaga Kemajuan Pertanian Muda dan Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia, boleh dikatakan sama sahaja iaitu hal disiplin, tatatertib. Kalau kita lihat semua agensi ini terlibat dengan luar bandar iaitu

terutama sekali hal-hal pertanian, makanan, kebanyakannya di luar bandar. Apakah pindaan ini dibuat sekarang kerana terdapat ataupun kecenderungan pegawai-pegawai kerajaan sekarang tidak taat setia kepada parti pemerintah sehingga Perdana Menteri terpaksa panggil semua DO dan memberi amaran-amaran supaya mereka bertatertib iaitu ikut dasar yang ditentukan oleh parti pemerintah dan kalau pembangkang, pemerintah akan datang pun, kena ikut dasar parti itu pula. Inilah pertama kali Perdana Menteri sebut mungkin pembangkang memerintah akan datang, sebelum ini tidak pernah sebut.

Jadi, pindaan ini barangkali melihat keadaan mutakhir ini di mana bila berlaku tunjuk perasaan termasuk yang ditangkap itu adalah pegawai-pegawai kerajaan, para pensyarah dan mereka ini kadangkala jadi organizer kepada program-program yang dianjurkan oleh parti pembangkang. Melihat keadaan ini barangkali menjelang pilihan raya, undang-undang ini perlu dipinda, paling kurang untuk menakut-nakutkan pegawai kerajaan untuk exercise democracy rights ataupun hak mereka untuk mereka sokong yang mana-mana. Barangkali ini di antara tujuan. Sebab kita tahu bahawa agensi kerajaan yang tujuh inilah yang rapat dengan luar bandar dan kita tahu di luar bandar sekarang ini berlaku kebangkitan terutama sekali dalam Pilihan Raya Arau di mana jelas bahawa pegawai-pegawai kerajaan sudah lihat bahawa Barisan Nasional tidak relevan lagi untuk memerintah negara ini.

Barangkali pindaan ini perlu dibuat dan supaya tidak menganiayai mana-mana pihak mungkin undang-undang ini juga kami akan pakai bila lepas kami menang nanti supaya tidak menganiayai. *[Sorak]* Jangan ketawa, benda ini boleh jadi. Macam Arau dulu pun orang ketawa juga, tetapi benda ini boleh jadi sebab rakyat boleh buat perubahan. Jadi, undang-undang ini mungkin kami pakai juga lepas pilihan raya nanti. Ini baru masuk line, bercakap.

**Tuan Fu Ah Kiow:** Dalam mimpi pihak pembangkang jadi kerajaan nanti, Yang Berhormat jadi menteri apa? *[Ketawa]*

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu:** Tidak tahulah, terserah kepada Perdana Menteri yang akan datang. *[Ketawa]* Cuma di sudut tatatertib ini, kita harap supaya mereka yang telah berkhidmat begitu lama, kalau sesuatu tuduhan di atas kertas ini agak baiklah iaitu diberi peluang kepada mereka untuk mereka membuat, mereka dibicarakan di peringkat tatatertib jabatan kemudian mereka pula boleh buat rayuan dan yang paling atas sekali sampai kepada menteri. Sampai kepada menteri inilah yang membimbangkan saya iaitu peringkat itu kemungkinan politik diambil kira. Kalau kita lihat misalnya contoh, tahanan ISA baru-baru ini antaranya pegawai kerajaan yang dituduh membawa ajaran sesat, ajaran menyeleweng. Universiti Malaya – pensyarahnya itu diambil tindakan selepas ia keluar daripada ISA, dia hilang kerja, Professor Lutfi Ibrahim. ITM – Ustaz Abdullah Shuib, dia tidak dibuang dan dia terus bekerja dengan mendapat gaji semasa dia diperintah dalam tahanan dan sekarang dia terus balik jadi pensyarah. Ertinya kita lihat di sini dua institusi pengajian tinggi seolah-olah ada dua tindakan yang berlainan sedangkan kedua-duanya ditahan di bawah ISA.

ISA ini kita tahu tidak dibicarakan di mahkamah. Ini bergantung kepada Lembaga Tatatertib masing-masing. Kalau kita lihat barangkali di ITM agak sedikit flexible maka Lembaga Tatatertib itu tidak mengesyorkan supaya ia diambil tindakan tetapi di Universiti Malaya barangkali Lembaga Tatatertibnya agak keras menyebabkan Professor Lutfi di force untuk letak jawatan. Begitulah juga berlaku kepada Professor Chandra Muzaffar baru-baru ini. Jadi ini .....

**Tuan Haji Noh bin Omar:** Saya minta penjelasan sedikit. Tadi kes Universiti Malaya disebut Professor Lutfi ini, beliau ini dipaksa letak jawatan ataupun diambil tindakan tatatertib dibuang kerja, harap dapat penjelasan.

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu:** Dia disuruh letak jawatan.

**Tuan Haji Noh bin Omar:** Jadi, Yang Berhormat setuju atau tidak dengan saya? Tindakan tatatertib dengan disuruh letak jawatan ini dua perkara yang berbeza.

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu:** Saya setuju itu tetapi contohnya, undang-undang yang sama tetapi tindakan kita sudah nampak ada kelainan dan kita lihat pula Dr. Chandra juga memang dari seginya dia boleh ditamatkan kontrak tetapi kita nampak institusi pengajian tinggi, jabatan-jabatan ini tindakannya berlainan iaitu dia bergantung kepada fungsi Jawatankuasa Tatatertib itu. Jadi, Jawatankuasa Tatatertib ini kalau panduannya begitu luas maka mereka boleh mengambil tindakan mengikut mesyuarat mereka.

Di sini mesti ada hitam-putih yang lebih jelas, bagaimana tindakan tatatertib itu perlu diambil sebab kita tidak mahu berlaku penganiayaan kepada mana-mana pegawai terutama sekali mereka yang telah berkhidmat begitu lama sampai umur sudah 50 tahun, kemudian kerana ketua jabatan itu tidak suka kepada dia dan sebagainya lembaga tatatertib ini boleh mengambil tindakan sama ada force to resign atau ambil tindakan disiplin dan sebagainya dan saya contohkan tadi iaitu berbeza antara Jawatankuasa Tatatertib ITM dengan Jawatankuasa Tatatertib Universiti Malaya walaupun menghadapi kes yang sama. Jadi perkara ini perlu diambil perhatian.

Timbalan Menteri memang buat jaminan, jaminan tidak termasuk dalam akta. Jaminan hanyalah untuk sedap kita dengar dalam Parlimenlah, macam ISA juga, Akta Tanah. Dulu bekas Timbalan Perdana Menteri, Tun Ghaffar Baba beri jaminan Akta Tanah tidak akan disalahguna tetapi itu jaminan, yang tertulisnya boleh disalahguna. Begitulah juga ISA, jaminan menteri tidak akan disalahguna tetapi terbukti sekarang ini banyak disalahguna. Sebab itu kita harap Timbalan Menteri yang baik, yang selalu duduk dalam Parlimen supaya jaminan itu disertakan dengan ayat yang hitam-putih supaya tidak berlaku tindakan tatatertib kepada pegawai-pegawai pada masa yang akan datang. Itulah pandangan saya, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]:** Bintulu.

3.23 ptg.

**Tuan Chiew Chiu Sing [Bintulu]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya tertarik yang membahaskan rang undang-undang pindaan ke atas tujuh akta iaitu Akta Lembaga Pertubuhan Peladang 1973, Akta Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia 1969, Akta Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia 1971, Akta Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan 1965, Akta Lembaga Kemajuan Pertanian Muda 1972, Akta Bank Pertanian Malaysia 1969 dan Akta Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu 1972.

Pindaan-pindaan yang dicadangkan itu bersabit dengan tatatertib kakitangan agensi-agensi terbabit. Ketujuh-tujuh rang undang-undang menjurus kepada cadangan penubuhan Lembaga Rayuan Tatatertib dan peruntukan baru penamatan demi kepentingan awam. Bunyi pindaan cukup manis dan lembut iaitu ditamatkan tetapi tidak dibuang kerja. Walau apa pun bunyinya, maksud pindaan ialah tindakan memberhentikan kakitangan jika didapati beliau sangat membahayakan perkhidmatan dan boleh menjejaskan operasional atau justifikasi cadangan pindaan ini. Adakah kerja di bawah salah satu agensi yang saya sebutkan tadi boleh membahayakan keselamatan negara dan menjejaskan kepentingan awam, andainya mereka didapati bersalah dalam kes salah laku, tidak ikut perintah ketua, pecah amanah dan sebagainya?

Saya timbulkan perkara ini kerana saya tidak jelas dalam pindaan-pindaan yang dibentangkan, apakah sebenarnya takrif kepentingan awam. Adakah kakitangan-kakitangan yang terlibat dalam gerakan reformasi boleh ditakrif sebagai menjejaskan kepentingan awam? Adakah kesalahan kerana menjual baja, menjual maklumat penyelidikan pertanian, menjual ikan kepada pemborong, menyertai gerakan parti

pembangking boleh dikelaskan sebagai menjejaskan kepentingan awam dan membahayakan negara? Apakah selama ini peruntukan tentang disiplin yang ada dalam setiap akta tidak cukup kuat untuk menghukum pesalah?

Saya anggap cadangan pindaan ini ialah kerja lebih sahaja. Rakyat boleh faham apa yang tersirat di sebalik cadangan pindaan ini iaitu mana-mana kakitangan yang didapati melanggar tata tertib menurut takrif ketua dan kerajaan ia adalah satu cara untuk memberhentikan kakitangan tanpa melalui banyak proses dan menunggu masa yang lama. Tidakkah kejam namanya jika mana-mana kakitangan yang hendak ditamatkan perkhidmatan mereka tidak boleh merayu supaya tindakan tata tertib tidak boleh diambil ke atas mereka. Tidakkah ini satu penafian hak seorang warganegara untuk mendapatkan pembelaan jika mereka dikenakan tindakan diberhentikan kerja tanpa alasan yang kukuh. Secara tidak langsung mana-mana pegawai yang tidak secocok dengan kakitangan bawahan boleh bertindak demikian tanpa perlu menunggu rayuan asalkan Jawatankuasa Tata tertib cukup menerima laporan daripada ketua-ketua jabatan. Tindakan ini menyempitkan saluran undang-undang untuk seseorang rakyat mendapat pembelaan.

Jika ini berlaku, Malaysia sedang bergerak ke arah negara authoritative. Jika kena buang kerja tidak boleh melawan. Langkah ini dilihat sebagai cara menakutkan kakitangan, sedangkan menakutkan kakitangan tidaklah mengapa tetapi yang kita bimbang apabila cadangan pindaan telah dikuatkuasakan akan berlaku salahguna kuasa dan bertindak menekan orang bawahan. Jangan dipersulitkan soal tata tertib, peruntukan harus diwujudkan untuk keadilan bukan untuk menindas kakitangan ikut selera. Jika perlu, disimpan, tidak suka ditendang.

Proses rayuan penamatan pekerjaan hendaklah diselaraskan dengan Akta Kerja yang dipakai pada sektor swasta. Janganlah pula sektor awam lain, sektor swasta lain, ada double standard. Malaysia patut mempunyai sistem rayuan penamatan pekerjaan yang adil dan standard. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]:** Tanjung Karang.

3.28 ptg.

**Tuan Haji Noh bin Omar [Tanjung Karang]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk sama-sama memberi pandangan mengenai pindaan Akta Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan mengenai disiplin ini. Pertama sekali, saya ingin mengucapkan tahniah kepada Kementerian Pertanian yang telah berjaya mengemukakan pindaan-pindaan kepada undang-undang disiplin untuk mempertingkatkan prestasi pekerja ataupun pegawai-pegawai di bawah jabatan ataupun di bawah Kementerian Pertanian.

Sebagaimana yang kita sedia maklum, sebelum agensi-agensi kerajaan ataupun badan-badan berkanun ini mengemukakan peraturan-peraturan pindaan ini di Parlimen, sudah tentu badan-badan berkanun ini terima pakai Perintah Am Bab D kerajaan dan hari ini seingat saya di dalam Parlimen ini, pada tahun lepas hanya Kementerian Pembangunan Luar Bandar telah pun mengemukakan pindaan-pindaan mengenai undang-undang disiplin ini dan tahun ini kita lihat Kementerian Pertanian. Saya dapati masih ada lagi kementerian-kementerian yang masih belum mengemukakan di Parlimen ini mengenai pindaan-pindaan disiplin ini, seperti MARA sebagai contoh. Saya masih ingat lagi sebab empat tahun dahulu saya bekerja di MARA, saya membuat pindaan disiplin ini.

Jadi, saya percaya pindaan ini dibuat bukan kerana keadaan semasa seperti yang dituduh oleh Yang Berhormat dari Kubang Kerian. Ini sudah ada tahun lepas tetapi kita tidak sempat hendak berbincang, sebelum kegawatan politik kita telah pun kemukakan rang undang-undang ini tetapi kita tidak sempat hendak discuss dan sebelum itu pun kita ada Kementerian Pembangunan Luar Bandar. Saya yakin ini

dibuat untuk memastikan bahawa segala tindakan disiplin yang diambil kepada kakitangan ini mengikut peraturan-peraturan yang betul kerana dari segi disiplin hanya dari segi teknikal sahaja yang boleh kita challenge di mahkamah bukan seperti criminal. Criminal charge betul, kena buktikan 'beyond reasonable doubt' tetapi ini hanya teknikal, apabila sebut teknikal, prosedur amat penting.

Dari segi perlantikan jawatankuasanya kena betul, perlantikan pengerusinya kena betul, misalnya kalau Ketua Pengarah menjadi Pengerusi Jawatankuasa Tatatertib. Tetapi kalau Ketua Pengarah ini menandatangani surat hukuman tindakan tatatertib itu, dia tidak tulis jawatan sebagai Pengerusi Jawatankuasa Tatatertib, ini merupakan satu ground untuk kes ini ditolak oleh mahkamah kerana jawatan Ketua Pengarah sebagai contoh, yang dilantik sebagai pengerusi disiplin, dua jawatan yang berbeza. Ini sebagai contoh dan banyak kes yang kita lihat di mahkamah, apabila teknikal-teknikal ini berlaku maka inilah cara paling mudah untuk pemohon-pemohon ini dilepaskan oleh pihak mahkamah.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh mengenai 'tahan kerja' dan juga 'gantung kerja'. 'Tahan kerja' dan 'gantung kerja' ini dua perkara yang berbeza, ini berbeza dengan Undang-undang Buruh. Ia pakai satu perkataan sahaja iaitu 'tahan kerja'. Tetapi dalam Perintah Am Bab D yang saya percaya diterima pakai oleh Kementerian Pertahanan dan agensi-agensi di bawahnya, 'tahan kerja' dan 'gantung kerja' ini dua perkara yang berbeza. 'Tahan kerja' ini apabila seseorang telah didakwa di mahkamah barulah boleh ditahan kerja dan apabila keputusan mahkamah telah didapati seseorang itu bersalah dari segi jenayah, barulah pekerja ini boleh digantung kerja, bukannya automatik boleh dibuang kerja, kena gantung kerja dahulu kerana 'tahan kerja' boleh dibayar separuh gaji tetapi 'gantung kerja' tidak perlu bayar gaji, dua perkara yang berbeza.

Persoalan yang saya ingin timbulkan di sini ialah bagaimana cara kita hendak tahan kerja kerana apabila seseorang pegawai ini terlibat ataupun disyaki di dalam kes-kes jenayah ataupun kes-kes rasuah, pihak jabatan membuat laporan polis ataupun laporan kepada Badan Pencegah Rasuah (BPR). Di dalam proses polis ataupun BPR hendak menyiasat kes-kes tersebut, pekerja ini tidak boleh lagi ditahan kerja kerana dia ini belum lagi didakwa di mahkamah. Jadi di dalam proses untuk menunggu pegawai ini didakwa di mahkamah di mana hendak diletakkan pegawai ini, ini yang menjadi masalah. Hendak ditahan kerja tidak boleh sebab belum dicaj, hendak disuruh cuti pun tidak boleh, inilah masalah yang kita hadapi.

Saya harap pihak badan disiplin kena memikirkan bagaimana cara untuk mengambil tindakan kepada pegawai yang sudah dibuat laporan polis tetapi cajnya ataupun dakwaannya belum lagi dibuat. Walaupun kita tidak nafikan, sementara menunggu laporan polis kita boleh ambil tindakan dalaman, tindakan-tindakan buang kerja sebagai contoh, dengan mengadakan surat-surat pertuduhan tetapi yang membimbangkan kita nanti apabila dua proses ini berjalan, seorang pegawai direport boleh jadi kerana kesalahan jenayah ataupun rasuah dan sementara menunggu keputusan sama ada pegawai ini didakwa ataupun tidak, memang terdapat jabatan-jabatan meneruskan proses tindakan tatatertib secara dalaman, mengambil tindakan dengan surat tuduhan dan juga Discipline Committee membuat keputusan buang kerja dan didapati bersalah. Apa yang membimbangkan kita nanti apabila kes ini dibawa ke muka pengadilan, maka pegawai yang dituduh tidak didapati bersalah, sedangkan tindakan dalaman oleh jawatankuasa disiplin ini telah pun berjalan dan telah pun dibuat keputusan pegawai itu didapati bersalah dan telah dibuang kerja.

Jadi, kalau ini berlaku boleh membimbangkan kita, dua keputusan yang bercanggah, Discipline Committee kata dia bersalah tetapi apabila didakwa di mahkamah, mahkamah dapati dia tidak bersalah. Sebab itu kita dapati ada juga terdapat bahawa jabatan-jabatan menunggu sehingga keputusan mahkamah ataupun menunggu sehingga pegawai ini didakwa baharulah tindakan tahan kerja diambil. Di

dalam keadaan ini, kita sedar bahawa melalui pengalaman saya sendiri, sebagai Pegawai Disiplin dahulu apabila hendak menjalankan proses-proses sebegini agak susah kita hendak buat tindakan kerana hendak tunggu polis buat report, polis siasat dan dakwa, mengambil masa yang lama dan dalam masa yang sama, di mana pegawai ini kita hendak tempatkan.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin)  
*mempengerusikan mesyuarat*]

Tuan Yang di-Pertua, kita harap apabila undang-undang ini diluluskan nanti, maka keadilan akan dapat diberikan kepada pegawai-pegawai kita. Dalam masa yang sama, kita harus ingat undang-undang disiplin ini, salah satunya ialah melarang pegawai-pegawai daripada Kumpulan A ini berpolitik. Yang ini UMNO ikut, dalam parti UMNO, siapa sahaja Kumpulan A bukan sahaja tidak boleh pegang jawatan, hendak jadi pengerusi mesyuarat UMNO cawangan pun kena angkat sumpah. Kita ada satu surat sumpah, tidak macam PAS, macam DAP. Kita hendak pastikan sebelum dia menjadi pengerusi mesyuarat UMNO cawangan, dia kena angkat sumpah bahawa dia bukan bankrap dan bukan Kumpulan A. Kalau didapati yang menjadi pengerusi mesyuarat itu Kumpulan A, maka mesyuarat itu tidak sah. Kita angkat sumpah di hadapan Pesuruhjaya Sumpah, di hadapan JP, bukan main-main, ertinya kalau dia menipu boleh didakwa di mahkamah. Begitu juga kita pastikan dalam UMNO kalau ada pegawai-pegawai Kumpulan A yang menang bertanding dalam jawatan, maka automatik dia mesti gugur daripada jawatan yang dia pegang.

Ini jelas menunjukkan bahawa UMNO hari ini sebagai parti yang memerintah, yang membuat undang-undang, kita patuh kepada undang-undang ini, kita pastikan, kalau kita Kumpulan A tidak boleh berpolitik, kita pastikan orang-orang Kumpulan A ini tidak bergerak cergas di dalam UMNO. Oleh kerana pada hari ini ada sebilangan Kumpulan A yang berminat hendak berpolitik tetapi tidak boleh berpolitik di dalam UMNO, tidak dibenarkan pegang jawatan sebab itu hari ini kita dapati tidak semua, segelintir yang 'gian', yang gila hendak berpolitik, dia lari ke parti pembangkang, dia pergi sokong terutamanya PAS. Sebab PAS ini ia tidak kisah, dia bukan pun ikut undang-undang, dia tidak kira sama ada yang pegang jawatan ini guru Kumpulan 'A'kah atau pegawai Kumpulan 'A'kah, asalkan orang hendak beri sokongan, dia seronok.

Jadi sebab itu Yang Berhormat dari Kubang Kerian, tidak berapa seronok kita hendak pinda undang-undang ini sebab dia bimbang ramai Kumpulan A yang hari ini pegang jawatan dalam parti pembangkang mesti diambil tindakan, jangan UMNO sahaja ikut, parti lain tidak ikut. Pegawai-pegawai Kumpulan A ini penting, tambahan pula kalau pegawai ini berhubung terus dengan rakyat. Sebab itu kita tidak membenarkan pegawai-pegawai ini berpolitik, kalau dia ada kuasa, dia akan pilih bulu. Kalau dia sokong UMNO, orang PAS datang dia tidak akan beri, kalau dia orang PAS lagilah teruk, apa yang UMNO buat semuanya tidak betul. Jadi dia mesti mengelakkan dirinya daripada terlibat dalam politik. Kalau hendak berpolitik, letak jawatan, jangan gunakan kedudukan sebagai pegawai kerajaan, memperluaskan pengaruhnya. Sebab itu kadang-kadang kita dapati banyak peruntukan yang ada tidak boleh dibelanjakan. Bukannya semua, mungkin ada segelintir, pegawai-pegawai Kumpulan A yang ada kuasa ini, dia hendak sabotaj kerajaan, duit ada. Tetapi oleh kerana dia hendak sabotaj kerajaan, hendak menjatuhkan imej kerajaan, maka dia mengambil kesempatan. Bila rakyat jumpa, bila orang kampung jumpa hendak minta bantuan, dia kata duit tidak ada, peruntukan tidak ada sedangkan peruntukan ada.

Sebagaimana yang kita tahu, saya pernah bercakap dahulu dalam ucapan saya mengenai Mid-Term Review yang kita mempersoalkan mengapa duit ini tidak dibelanjakan, selain daripada red tape ataupun peraturan-peraturan yang kurang sesuai, mungkin tidak boleh dinafikan ada pegawai-pegawai Kumpulan A ini mengambil kesempatan untuk sabotaj kerajaan kerana dia berharap apabila PAS memerintah

kelak, yang mana Yang Berhormat dari Kubang Kerian berangan-angan, mungkin dia pula hendak merasa menjadi calon ataupun mungkin dia hendak jadi menteri, sebab beliau Kumpulan A.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, oleh itu pegawai kerajaan harus seiring, seirama dan mengikut lenggok dan nada kerajaan untuk memastikan segala dasar kerajaan ini dilaksanakan, peruntukan yang kita beri mesti dibuat. Maka kita berharap bahawa di dalam tindakan disiplin ini surcaj juga mesti ada, kalau selama ini surcaj kita kenakan kepada pegawai-pegawai yang menyalahgunakan peraturan kewangan. Boleh jadi dia belanja berlebihan dan tidak mengikut peraturan, kita kenakan surcaj di dalam peraturan induk, saya yakin ada. Tetapi dalam peraturan induk itu, dia tidak ada sebut mana-mana pegawai yang tidak membelanjakan peruntukan, tidak ada tindakan yang diambil.

Saya ingin mencadangkan juga mana-mana pegawai yang tidak membelanjakan duit ini harus dikenakan surcaj supaya mereka peka dengan kerajaan. Kalau kita tidak tegas kepada pegawai-pegawai Kumpulan A ini, kalau pegawai Kumpulan A pergi demonstrasi, sebab apa waktu pejabat hendak pergi demonstrasi. Itu pun sudah salah, keluar pejabat tanpa kebenaran ataupun tidak hadir tanpa kebenaran. Tetapi kalau yang kena itu orang UMNO, orang PAS tepuk tangan, tetapi kalau dia ini penyokong PAS, pergi reformasi, kita ambil tindakan, maka PAS kata tengok kerajaan tidak adil sedangkan kita tahu itu waktu bekerja. Mengapa dia keluar waktu bekerja, adakah mendapat kebenaran sebab takrif tidak hadir tanpa kebenaran ini bukannya bermakna dia boleh keluar sesuka hati.

Saya ambil sebagai contoh, cuti sakit. Kalau kata cuti sakit, cuti sakit ini bukannya automatik dia boleh cuti, tidak ada, cuti sakit ini adalah dia boleh tidak hadir dengan kebenaran, tetapi kalau ketua jabatan mendapati dan yakin bahawa dia ini bukan sakit pura-pura, dia pergi beli MC maka ketua jabatan berhak suruh dia datang kerja walaupun dia ada MC. Sebab itu mana-mana pegawai kakitangan yang dapat MC dia wajib telefon paling tidak hubungi pegawai atasan pejabatnya memberitahu bahawa dia tidak sihat, dia sakit dan besok dia akan datang bawa MC. Tetapi kalau semasa dia hubungi pegawai dia, pegawai sudah kenal pasti dia ini memang kaki tuang, kaki beli MC, pegawai dia kata 'no, you tidak boleh cuti, datang juga', tetapi ketua jabatan kena ambil tanggungjawab kalau betul-betul pegawai ini sakit, dia suruh juga datang kerja maka ketua jabatan mesti ambil tanggungjawab. Apa yang saya hendak nyatakan di sini bahawa walaupun kita dapat cuti sakit bukannya automatik cuti, ini kadang-kadang salah faham. Begitu juga kita kadang-kadang ditakrifkan 'tidak hadir tanpa kebenaran', ini kadang-kadang kalau kita keluar pejabat sekejap tanpa memberitahu kepada ketua jabatan pun boleh ditakrifkan sebagai 'tidak hadir tanpa kebenaran'. Kebanyakan kita hari ini...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:**  
Yang Berhormat, minta gulung ya.

**Tuan Haji Noh bin Omar:** Saya hendak gulung. Bila keluar baru hendak beritahu ketua jabatan. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, sebab itu kita harap tindakan tatatertib ini harus tegas, bahawa sesiapa sahaja yang terlibat terutamanya Kumpulan A kalau dia terlibat maka mesti diambil tindakan. Ini Yang Berhormat dari Kubang Kerian timbulkan kes Muzaffar ini, amboi mentang-mentang dia seorang jadi isu, hak 16 orang lagi kena berhenti mengapa tidak mahu bela pun, bukan dia seorang sahaja. Ini sistem, bila kita diambil kerja sebagai pekerja kontrak, habis sahaja tempoh kontrak memang boleh berhenti, itu bukan tindakan disiplin. Ini tindakan disiplin dengan suruh berhenti kerja adalah dua perkara yang berbeza. Jadi saya percaya kalau seseorang itu terlibat di dalam politik, sebagai contoh, diambil tindakan disiplin, dia boleh merayu kepada badan rayuan even kepada menteri, tetapi kalau dia tidak puas hati dengan keputusan menteri, dia boleh merayu kepada mahkamah tinggi, dia boleh memohon rayuan ini untuk di quash untuk ditolak dan mereka ada ruang di dalam

negara kita untuk merayu kalau mereka teraniaya. Jadi saya harap parti pembangkang jangan mudah menuduh negara kita ini tidak ada keadilan. Sebenarnya kita hari ini pun kita pinda, kalau selama ini sistem rayuan tidak berapa jelas, hari ini Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan memberi ruangan yang begitu luas kepada pegawai-pegawainya supaya apabila dibuang kerja ada satu lagi badan rayuan dan kalau dia tidak puas hati juga dengan keputusan menteri walaupun di dalam ini mengatakan keputusan menteri muktamad tetapi sebenarnya dia boleh memohon kepada mahkamah untuk menolak keputusan yang telah dibuat oleh badan rayuan ini. Dengan itu saya menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ya, Timbalan Menteri sila jawab.

3.45 ptg.

**Dato' Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor:** Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyentuh dalam perbahasan mengenai Akta FAMA pada petang ini, terutama sekali kepada Yang Berhormat Mentakab, Kubang Kerian, Bintulu dan Tanjong Karang.

Ahli Yang Berhormat dari Mentakab telah bertanya mengapa *Agromas* iaitu yang mengeluarkan barang-barang siap atau downstream activity ini dijalankan oleh FAMA. Untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat bahawa aktiviti FAMA dalam menubuhkan kilang seperti buat jem dan sebagainya adalah selaras dengan Akta FAMA 1965 iaitu yang disemak pada tahun 1974 di bawah seksyen 3(1)(f) yang memperuntukkan seperti berikut; dengan izin:

“The function of the Authority shall be –

- (f) to engage in agriculture enterprise dealing in/or processing agriculture product;” ...

Jadi ini bermakna apa yang penting ialah untuk hendak memasarkan barang-barang yang segar sahaja, barang-barang pertanian mungkin menanggung risiko yang tinggi. Jadi sebab itu kita beri kuasa kepada FAMA boleh proses dan boleh mengeluarkan barangan-barangan siap, makanan-makanan yang telah diproses dan ini akan menjamin risikonya tidak begitu tinggi di samping dapat membimbing petani-petani kita melibatkan diri dalam bidang projek-projek hiliran khususnya makanan yang ada di seluruh negara kita.

Yang Berhormat dari Kubang Kerian memang nampak ragu-ragu tentang keikhlasan kerajaan sehinggakan Yang Berhormat boleh menimbulkan bahawa pindaan ini dibuat agaknya untuk hendak menentang pegawai-pegawai kerajaan yang menentang kerajaan, yang terlibat dalam reformasi dan lain-lain lagi. Sebenarnya salah, Yang Berhormat, Yang Berhormat lupa bahawa pindaan ini telah pun dirangka beberapa tahun dan telah pun dibawa ke Parlimen untuk Bacaan Kali Pertama pada sesi yang lalu lagi, bukan sesi ini. Jadi apa yang berlaku tunjuk perasaan itu pada akhir tahun lalu dan sehingga sekarang, boleh dikatakan benda itu telah pun dibuat. Jadi adalah tidak benar, Yang Berhormat, kerana apa yang kita pentingkan ini sebagai mengemaskinikan peruntukan tatatertib yang telah sedia ada pada tahun 1990. Kita sudah ada, tindakan sudah diambil, ada yang kena buang kerja tetapi tidak kemas. Jadi, sebab itu kita perkemaskinikan sebagaimana yang telah saya bentangkan tadi.

Di samping itu, memanglah dalam Parlimen ini jaminannya ada putih hitam, kerana kita ada *Hansard* jadi kalau Yang Berhormat kata jaminan menteri, timbalan menteri tak ada putih hitam salahlah, kita ada putih hitamnya. Jadi, ini bermakna kita kerajaan tidak berniat hendak menganiayai mana-mana pihak. Sebab itulah sehingga kini Kerajaan Barisan Nasional jujur memerintah sehingga kita boleh memerintah 43 tahun walaupun PAS cuba apa saja pun tetapi Tuhan masih lagi merestui Kerajaan Barisan Nasional.

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu:** Tak apalah Barisan Nasional memerintah. Jaminan yang saya sebutkan tadi bila pergi ke mahkamah, jaminan menteri yang tercatat dalam *Hansard* tidak dipakai, yang dipakai ialah undang-undang tertulis, itu sahaja yang saya timbulkan tadi, supaya pihak menteri memberi jaminan bahawa bukan jaminan menteri dalam jawapan itu sebab banyak sudah saya sebut tadi hal pindaan Akta Tanah tetapi akhirnya terpaksa hendak dipinda semula Akta Tanah kerana jaminan mulut tadi masuk dalam *Hansard* tidak dipakai bila pergi ke mahkamah, itu yang saya maksudkan.

**Dato' Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor:** Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana Yang Berhormat tahu bahawa itulah Kerajaan Barisan Nasional jujurnya, dia beri jaminan tiba-tiba dalam pelaksanaan kata adalah sesuatu yang dia tidak dapat hendak kawal, maka dia bawa balik ke Parlimen ini. Itulah Kerajaan Barisan Nasional, jadi tidaklah dia menidakkan kelemahan-kelemahan sebagaimana yang saya akui pada peringkat awal. Sebab itu kalau Yang Berhormat hendak tunggu memerintah negara ini, insya-Allah, susahlah, sebab 43 tahun track record kita tidak dapat mana-mana parti dalam dunia ini yang mempertahankannya. Apa yang berlaku keributan hari ini ialah sebagai kita memberi ingatan kepada kerajaan supaya mengemaskinikan lagi, sebab itu kita mengemaskinikan peraturan artikel itu tadi supaya jangan berlaku penyelewengan atau penyalahgunaan kuasa. Misalnya dalam seksyen 6(B) - Termination in the public interest, ialah untuk digunakan terhadap pegawai-pegawai yang menyalahguna dadah, ini jelas, kita tidak boleh main-main, tidak boleh.

Sebab itu Yang Berhormat dari Tanjong Karang tadi telah menerangkan panjang lebar bahawa kita kerajaan ini tidak boleh main-main, kita ada peraturan, kemas kini. Jadi sebab itu, kalau boleh apa yang diterangkan oleh Yang Berhormat Tanjong Karang, seorang peguam kita memang jelas, ada maknanya yang tertentu, 'gantung kerja' atau 'tahan kerja' itu benda yang berasingan. Begitu juga dalam soal-soal 6B tadi, dia mengikut prosiding iaitu telah diperuntukkan dalam seksyen 6B(1) dan (2) kita ada peraturannya.

Insyaa-Allah, seberapa yang termampu kerajaan akan menjalankan tanggungjawab kerana tanggungjawab ini adalah merupakan amanah dari Allah s.w.t. Kita tidak akan menyeleweng daripada apa yang digariskan. Tetapi sudah jadi adatlah parti pembangkang selalu mempersoalkan kewibaaan kerajaan. Ada sahaja perkara-perkara yang ditimbulkan. Jadi, saya harap di dalam pindaan ini jelas, tidak ada apa yang hendak dipersoalkan, tinggal lagi kita akan sama-sama melihat bagaimana pelaksanaannya.

Begitu juga dari Bintulu tadi, Bintulu banyak rasa tidak berapa yakin, takut berlaku penganiayaan. Saya sudah jawab sama bahawa pindaan ini dibuat untuk mengemaskinikan dan kita tidak akan lebih daripada itu.

Yang Berhormat dari Tanjong Karang, saya juga ucapkan setinggi tahniah bahawa Yang Berhormat telah menyokong dan memberi penjelasan dan inilah tanggungjawab sebagai seorang penyokong kerajaan yang akan melihat bahawa sesuatu pindaan itu untuk kepentingan. Memang benar, untuk pengetahuan Yang Berhormat, bahawa Kumpulan A dalam jabatan kerajaan dan agensi kerajaan tidak boleh aktif dalam mana-mana parti politik kerana ini menyalahi peraturan yang telah kita gariskan.

Setengah orang confused bila tengok Bank Pertanian Malaysia, dia ingat bank itu sama dengan bank komersial, tidak boleh. Pegawai-pegawai Bank Pertanian adalah agensi kerajaan, mereka masih lagi tertakluk kepada akta-akta yang diperuntukkan, tidaklah seperti Malayan Banking, Bank Bumiputra, bank-bank komersial yang lain, dia tidak tertakluk. Jadi, sebab itu sesuatu tindakan yang kita hendak ambil, kita terpaksa mengadakan Jawatankuasa Tatatertib. Jawatankuasa

Tatatertib itu mestilah menjalankan tanggungjawab, kalau tidak dia berdosa, dia akan bertanggungjawab kepada Allah s.w.t. kalau dia melumpuhkan periuk nasi seseorang sewenang-wenangnya dan kalau Jawatankuasa itu kita tidak puas hati, ada pula Jawatankuasa Rayuan, rayuan pula tidak puas hati, kalau pegawai boleh merayu kepada menteri, kalau bukan pegawai boleh terus merayu kepada mahkamah. Jadi, pendek kata Kerajaan Barisan Nasional tidak adalah kerajaan yang begini baik hendak bandingkan dengan kerajaan-kerajaan yang lain. Apatah lagi PAS di Kelantan, jauh. Sekali keluar statement, sekali dikir barat haram, sekarang boleh; perempuan tidak boleh bekerja - haram, boleh. Jadi semuanya itu saya rasa suara wanita aurat, dalam Dewan Negara, dua wanita boleh bercakap.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:**  
Yang Berhormat, Tanjong Karang bangun.

**Dato' Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor:** ....tetapi Tilawah al-Quran tidak boleh, tidak boleh kerana aurat, jadi ini saya rasa tidak begitu praktikal kalau dibandingkan.

**Tuan Haji Noh bin Omar:** Terima kasih. Saya hendak mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri, tadi Yang Berhormat katakan bahawa Kerajaan Barisan Nasional jauh lebih baik daripada Kerajaan PAS, saya rasa betul. Saya hendak mendapat pandangan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya pernah terbaca dahulu di dalam surat khabar ada dua orang pegawai tinggi daripada Majlis Perbandaran Kota Bharu telah pun ditahan kerja dan dia ini tidak dibayar gaji selama satu tahun kerana salahnya kononnya dua pegawai ini menyokong Barisan Nasional semasa pilihan raya dahulu, dan saya difahamkan kedua-dua pegawai ini bila didapati tidak bersalah, sekarang ini dilantik menjadi D.O. dan mungkin gaji baru dibayar. Jadi, setahun dua pegawai ini tidak dibayar gaji. Jadi, agak-agak PAS dengan konsep Islam ini, dia mengikutkah undang-undang disiplin ini atau dia sesuka hati sahaja, baru perintah satu negeri dua pegawai tinggi dianiaya, suruh kerja ataupun tindakan diambil tetapi gaji tidak dibayar. Mana ada undang-undang tindakan disiplin sebelum keputusan dibuat gaji tidak boleh dibayar, mesti kena bayar, kalau ditahan kerja pun sekurang-kurangnya separuh gaji mesti dibayar. Ini satu tahun, dua pegawai ini tidak dibayar. Jadi, adakah Kerajaan PAS ini betul-betul faham mengenai menjalankan keadilan di negeri Kelantan sendiri sebelum berangan-angan hendak memerintah Malaysia ini.

**Dato' Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat dari Tanjong Karang. Memang benar, sebab itu PAS tidak boleh memerintah terus menerus, ikut track record dia on-off. Saya rasa kalau dia tidak jujur pula, kalahlah, sebab itu kita Barisan Nasional terus menerus sebab kita jujur. Jadi, saya harap dengan pindaan ini, insya-Allah, pegawai-pegawai FAMA akan bekerja lebih keras di mana 163 buah Pasar Tani kita di seluruh negara akan terus lebih aktif dan rakyat yang ada di kampung terutama petani, penternak-penternak, nelayan akan dapat manfaat hasil daripada disiplin yang kita perketatkan menerusi pindaan ini. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:**  
Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:  
*mempengerusikan Jawatankuasa*]

**Fasal 1 hingga 4 -**

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat.

**Tuan Haji Noh bin Omar:** Tuan Pengerusi, saya hendak minta penjelasan sedikit di bawah 4(b)(6) - "*For the purpose of this section, "officer" includes the Director General.*" Jadi, saya hendak tanya di FAMA, ini bermakna Ketua Pengarah pun termasuk sebagai pegawai, kalau Ketua Pengarah itu nanti akan diambil tindakan tatatertib, bagaimanakah susunan jawatankuasa yang akan mengambil tindakan, dia punya committee tatatertib ini, kerana kita tahu dari segi undang-undang pentadbiran (administrative law) ini, orang yang hendak membuat keputusan mesti tidak boleh rendah daripada orang yang dituduh. Jadi, bagaimanakah kalau Ketua Pengarah itu sendiri akan diambil tindakan nanti.

**Dato' Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor:** Sebagaimana yang kita ketahui bahawa Jawatankuasa Tatatertib itu dibentuk dari masa ke semasa iaitu kalau sekiranya beliau didapati sabit, maka Ketua Pengarah itu tidak payah merayu kepada Jawatankuasa Rayuan, tetapi dia hendaklah merayu kepada Yang Berhormat Menteri, yang itu tidak boleh diubah. Kepada pegawai biasa, bukan Ketua Pengarah, tempat rayuan dia ialah kepada Jawatankuasa Rayuan tetapi kalau Ketua Pengarah yang Yang Berhormat cakap tadi, maka dia hanya merayu kepada Yang Berhormat Menteri dan kalau di situ diputuskan, tidak puas hati, baru dibawa ke court dan lain-lain.

**Fasal 1 hingga 4** diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang ini dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

## RANG UNDANG-UNDANG LEMBAGA PERTUBUHAN PELADANG (PINDAAN) 1998

### Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

4.00 ptg.

**Timbalan Menteri Pertanian [Dato' Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan suatu akta untuk meminda Akta Lembaga Pertubuhan Peladang 1973 dibacakan bagi kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu rang undang-undang bernama suatu Akta Lembaga Pertubuhan Peladang 1973 dibaca bagi kali yang kedua sekarang iaitu Seksyen 17 Akta Lembaga Pertubuhan Peladang 1973 memberi kuasa kepada Ketua Pengarah bagi menaikkan pangkat, menggantung, membuang kerja, mendenda, menurunkan pangkat atau memberi cuti kepada pegawai-pegawai atau penjawat-penjawat Lembaga dengan syarat bagi mereka yang gaji bulanan lebih daripada RM500 kecuali kuasa untuk menggantung atau memberi cuti tidak boleh dijalankan tanpa kelulusan Lembaga terlebih dahulu.

Manakala kuasa bagi menyingkirkan perkhidmatan mana-mana pegawai atau kakitangan Lembaga hendaklah dijalankan oleh Lembaga sendiri. Walau bagaimanapun, pada tahun 1990 seksyen 17 ini telah dipinda secara keseluruhannya di mana kuasa tersebut telah diserahkan kepada sebuah Jawatankuasa Tatatertib Lembaga yang ditubuhkan. Jawatankuasa Tatatertib tersebut hendaklah terdiri daripada dua

orang ahlinya yang dipilih oleh ahli Lembaga dan Ketua Pengarah yang dilantik di bawah seksyen 5(1) akta.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana terdapat ketidakseragaman dalam prosedur tindakan tatatertib bagi badan-badan berkanun di bawah Kementerian Pertanian dan selaras dengan pindaan peraturan-peraturan tatatertib untuk perkhidmatan awam iaitu Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993, maka beberapa pindaan ke atas Akta Lembaga Pertubuhan Peladang 1973 perlu dibuat.

Pindaan akta ini juga bertujuan untuk memperkemas dan melicinkan proses dan prosedur tindakan tatatertib bagi Lembaga ini. Pindaan yang dicadangkan adalah seperti berikut:-

- (i) Subseksyen (3) seksyen 17 Akta ibu Lembaga Pertubuhan Peladang adalah dipinda dengan menggantikan perkataan "Jawatankuasa Tatatertib berkenaan dengan Ketua Pengarah" dengan perkataan "Pihak Berkuasa Tatatertib berkenaan dengan Ketua Pengarah ialah Jawatankuasa Tatatertib yang". Pindaan ini bertujuan untuk menyusun semula susunan ayat tanpa menyentuh intisari subseksyen tersebut.
- (ii) Subseksyen (8) seksyen 17 Akta ibu Lembaga Pertubuhan Peladang adalah dipinda dengan menggantikan subseksyen ini dengan subseksyen yang baru seperti berikut:
  - (8) Sesuatu keputusan Jawatankuasa Tatatertib yang ditubuhkan di bawah subseksyen (1) boleh dirayukan kepada Lembaga Rayuan Tatatertib yang tidak berpuas hati kepada keputusan Jawatankuasa Tatatertib untuk mengemukakan rayuan.Subseksyen ini adalah bertujuan untuk mengadakan peruntukan mengenai rayuan kepada Lembaga Rayuan Tatatertib atau Menteri terhadap keputusan Jawatankuasa Tatatertib.
- (iii) Subseksyen (9) seksyen 17 Akta ibu Lembaga Pertubuhan Peladang dipinda dengan menggantikan subseksyen ini dengan subseksyen yang baru seperti berikut:
  - (9) Sesuatu keputusan Jawatankuasa Tatatertib yang ditubuhkan di bawah subseksyen (3) boleh dirayukan kepada Menteri.Subseksyen baru ini adalah bertujuan untuk memberi peluang kepada pegawai atau penjawat Lembaga mengemukakan rayuan kepada Lembaga Tatatertib atau Menteri terhadap keputusan Jawatankuasa Tatatertib. Ini berbeza dengan subseksyen lama di mana keputusan Lembaga mengenai rayuan adalah muktamad.
- (iv) Memasukkan subseksyen baru iaitu subseksyen (10) seksyen 17 selepas subseksyen (9) seperti berikut:
  - (10) Lembaga Rayuan Tatatertib atau Menteri mengikut mana-mana yang berkenaan boleh mengesahkan, mengakaskan atau mengubah keputusan Jawatankuasa Tatatertib.

Tujuan subseksyen baru ini diadakan adalah untuk memperuntukkan kuasa kepada Lembaga Tatatertib atau Menteri dengan membuat keputusan terhadap keputusan Jawatankuasa Tatatertib iaitu sama ada untuk mengesahkan, mengakaskan atau mengubah keputusan Jawatankuasa Tatatertib.

- (v) Memasukkan subseksyen baru iaitu subseksyen (11) seksyen 17 selepas subseksyen (10) seperti berikut:
- (11) Keputusan Lembaga Rayuan Tatatertib atau Menteri di bawah subseksyen (10) adalah muktamad dan konklusif.
- (vi) Memasukkan subseksyen baru iaitu seksyen 17A selepas seksyen 17. Seksyen 17A bertujuan untuk menubuhkan Lembaga Rayuan Tatatertib seperti berikut:
- 17A(1)
- Maka hendaklah ada suatu Lembaga Rayuan Tatatertib Lembaga yang hendaklah terdiri daripada ahli-ahli yang berikut:
- (a) Pengerusi Lembaga yang hendaklah menjadi Pengerusi Lembaga Rayuan Tatatertib ini dan hendaklah mempunyai undi pemutus; dan
- (b) Tiga orang ahli Lembaga, yang bukan ahli Jawatankuasa Tatatertib yang keputusannya ialah hal perkara rayuan itu, yang hendaklah dilantik oleh Pengerusi Lembaga Rayuan Tatatertib itu dengan kelulusan Lembaga bagi maksud rayuan itu.
- (2) Apabila Lembaga Rayuan Tatatertib menimbangkan sesuatu rayuan yang dibuat di bawah seksyen 17, seseorang Ahli Jawatankuasa Tatatertib yang terhadap keputusannya rayuan itu dibuat yang juga ahli Lembaga tidak boleh hadir pada atau dengan apa-apa cara mengambil bahagian dalam apa-apa prosiding berhubung dengan rayuan itu.
- (vii) Memasukkan seksyen baru iaitu seksyen 17B selepas seksyen 17A. Seksyen 17B bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi penamatan perkhidmatan pegawai atau penjawat Lembaga demi kepentingan awam.
- (viii) Jadual Kedua kepada Akta ibu Lembaga Pertubuhan Peladang adalah dipinda seperti berikut:-
- (a) dengan menggantikan butiran (m) dengan butiran berikut:
- (b) menetapkan prosedur bagi prosiding tatatertib yang hendaklah mengadakan peluang bagi orang terhadapnya prosiding

tatatertib diambil untuk membuat representasi terhadap pertuduhan tatatertib yang dibuat terhadapnya sebelum keputusan dicapai oleh Jawatankuasa Tatatertib kecuali dalam hal-hal yang berikut:

- (i) jika seorang pegawai atau penjawat Lembaga dibuang kerja atau diturunkan pangkat atas alasan kelakuan yang berkenaan dengannya suatu pertuduhan jenayah telah dibuktikan terhadapnya;
- (ii) jika Lembaga atas syor Menteri yang dipertanggungjawabkan dengan tanggung-jawab bagi hal ehwal dalam negeri, berpuas hati bahawa demi kepentingan keselamatan Malaysia atau mana-mana bahagiannya adalah tidak suaimanfaat untuk menjalankan kehendak subseksyen ini; atau
- (iii) jika telah dibuat terhadap seseorang pegawai atau penjawat Lembaga apa-apa perintah tahanan pengawasan, kediaman terhad, buang negeri atau deportasi, atau jika telah dikenakan terhadap seseorang pegawai atau penjawat Lembaga apa-apa bentuk sekatan atau pengawasan dengan bon atau selainnya di bawah mana-mana undang-undang berhubung dengan keselamatan Malaysia atau mana-mana bahagiannya, pencegahan jenayah, kediaman terhad, buang negeri, imigresen atau perlindungan wanita dan gadis.

Pindaan ini bertujuan untuk mengadakan peruntukan bahawa dalam hal keadaan tertentu peluang untuk membuat representasi tidak diberikan.

- (a) memasukkan butiran baru (n) selepas butiran (m) dengan peruntukan yang berikut:
  - (n) Prosedur bagi pendengaran rayuan oleh Lembaga Rayuan Tatatertib atau Menteri; dan
- (c) memasukkan butiran baru 1A bagi maksud perenggan 1(m) "pegawai termasuklah Ketua Pengarah".

Pindaan kepada Jadual Kedua adalah bertujuan untuk mengadakan peruntukan bahawa dalam hal keadaan tertentu peluang untuk membuat representasi tidak diberikan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mengemukakan Rang Undang-undang Lembaga Pertubuhan Peladang (Pindaan) 1998 dibahaskan di Dewan yang mulia ini. Terima kasih.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian [Dato' Abu Bakar bin Taib]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Lembaga Pertubuhan Peladang 1973 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Teluk Intan.

4.08 ptg.

**Tuan M. Kulasegaran [Teluk Intan]:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua, Lembaga Pertubuhan Peladang ini telah wujud sejak tahun 1973 dan saya difahamkan sehingga tahun 1996 Lembaga Pertubuhan Peladang mempunyai seramai 2,879 orang anggota pekerja. Dalam hal ini saya difahamkan dari jumlah tersebut 1,766 orang iaitu 61.4% ditugaskan di Pertubuhan Peladang untuk menjalankan kerja-kerja mengurus operasi pertubuhan peladang seperti pemasaran, perniagaan, perkhidmatan dan projek-projek mengeluarkan untuk faedah ahli dan pertubuhan peladang. Seramai 1,113 orang iaitu 38.6% adalah ditugaskan di ibu pejabat Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) negeri dan pusat latihan peladang.

Tuan Yang di-Pertua, beberapa faktor saya percaya telah menyebabkan pihak kerajaan telah membawa rang undang-undang ini ke Parlimen untuk pemindaan. Saya difahamkan di antaranya adalah kerana ramai di antaranya yang terlibat dalam kes-kes disiplin yang akan merangkumi aktiviti-aktiviti yang dinyatakan dalam rang undang-undang ini adalah orang-orang yang ada penglibatan dengan hal-hal politik dan di antaranya adalah saya difahamkan pihak-pihak yang menyokong terutama sekali pembangkang. Bukan sahaja ia ditujukan kepada mereka, walhal kita sedia ada prosedur yang cukup, yang membawa check and balance kepada prosedur disciplinary. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu setakat ini terhadap berapa orangkah tindakan yang telah diambil dari prosedur yang sedia ada dan berapakah di antaranya telah dilucutkan atau dibuang kerja dan apakah sebab-sebab yang mereka dibuang kerja atau disabitkan di bawah prosedur-prosedur disciplinary.

Tuan Yang di-Pertua, kita semua tahu bahawa fungsi Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) adalah seperti yang dinyatakan di akta tersebut untuk menggalakkan, mempergiat, memudah dan menguasai kemajuan ekonomi dan sosial pertubuhan peladang.

Dalam hal ini, bolehkah Yang Berhormat memberitahu adakah semua yang diinginkan, yang dikehendaki sejak tahun 1973 telah dicapai dan apakah kesedaran atau rasional bahawa kita perlukan lebih lagi orang diambil untuk bekerja di sektor ini. Dan bolehkah Yang Berhormat juga memberitahu berapakah yang sedang bertugas di setiap negeri di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, penempatan kakitangan LPP di pertubuhan peladang adalah merupakan sebahagian daripada input projek pembangunan sosial ekonomi kerajaan dalam bentuk pengurusan pertubuhan peladang di mana pertubuhan peladang menjalankan perkhidmatan dan kerja-kerja pembangunan untuk meningkatkan taraf hidup petani.

Bolehkah Yang Berhormat memberitahu di antara orang-orang yang telah dilantik untuk mengurus dan menolong pihak-pihak yang terlibat dalam objektif

Lembaga ini, berapa orangkah yang telah dikenal pasti sebagai sektor di mana kita perlukan lebih orang bekerja di pertubuhan ini supaya kita akan lebih efisien dan sistem profesionalism pekerja akan naik dan apakah economic of scale dalam beberapa pekerja-pekerja di mana dikatakan ada lebih dari yang diperlukan di beberapa pejabat di negara ini dan apakah rasional mereka ditempatkan sedangkan beberapa pekerja tersebut tidak diperlukan.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga difahamkan bahawa beberapa pekerja kebelakangan ini telah ditukar dari satu pejabat ke satu pejabat lain, dari satu cawangan ke satu cawangan, kerana dikatakan berkait atau terlibat dalam kegiatan politik. Adakah ini boleh dinafikan oleh kerajaan dan adakah dengan membawa rang undang-undang yang baru ini untuk mengemaskinikan, supaya dengan sekali gus orang-orang yang tidak sependapat dengan kerajaan dapat dihapuskan dari pertubuhan tersebut. Itu sahaja.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ya, hendak jawab?

4.19 ptg.

**Dato' Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Teluk Intan. Memang sebagaimana yang kita ketahui bahawa semenjak ia ditubuhkan pada masa ini kita telah berjaya meningkatkan industri pertanian di luar bandar khususnya dan untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat, pada masa ini kita ada 260 buah pertubuhan peladang kawasan dengan ahli seramai 630,000 orang.

Jadi, ini menunjukkan bahawa seluruh negara ini, gerakan peladang telah agak mantap di mana oleh kerana kemantapan ini bahawa pegawai-pegawai yang disebut oleh Ahli Yang Berhormat itu sebenarnya sebahagian sahaja yang digajikan oleh kerajaan. Tetapi kita juga ada lebih daripada 1,000 orang kakitangan yang digaji oleh pertubuhan peladang itu sendiri.

Jadi, ini menunjukkan apa Yang Berhormat hendak tahu tentang fungsi Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) itu memang berkesan dan sebab itulah untuk hendak mengemaskinikan dari segi disiplin bukan kerana kata orang ramai dari mereka ini terlibat dengan kegiatan yang menentang kerajaan.

Untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat, segelintir kecil sahaja kalau ada pun yang menentang kerajaan sebagaimana juga jabatan-jabatan yang lain, tetapi walau bagaimanapun, saya yakin bahawa mereka ini dihasut oleh DAP, oleh PAS dan juga oleh golongan reformasi, terutama Kepong, nampak senyap tetapi selalu mencucuk dari belakang. *[Ketawa]*

Jadi, sebab itulah mereka menentang dan kita akan mengadakan kursus-kursus untuk memberi pendedahan dengan harapan mereka sedar bahawa mereka diambil bekerja untuk menjalankan tugas, kalau mereka menyeleweng maka sudah pasti mereka telah melakukan kesalahan kerana menyebabkan dasar kerajaan terjejas.

Oleh kerana Yang Berhormat bertanya dalam masa sekelip mata, pegawai-pegawai saya tidak sempat hendak memberi perangkaan, saya akan hantar dengan secara bertulis, berapa orang di peringkat negeri dan sebagainya.

Jadi, .....

**Tuan M. Kulasegaran:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ya, Teluk Intan.

**Dato' Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor:** Penghabisan ya.

**Tuan M. Kulasegaran:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Adakah betul setakat ini ada beberapa orang telah dilucutkan jawatan, telah dibuang kerja kerana dikatakan berkaitan dengan pembangkang dan adakah kerajaan bersedia untuk sedar bahawa satu kesilapan telah terjadi dan mengambil balik pekerja-pekerja tersebut.

**Dato' Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor:** Tuan Yang di-Pertua, sehingga ini saya menegaskan tidak ada satu kes pun yang dipecat, digantung akibat daripada melibatkan diri dengan pembangkang. Tetapi apa yang berlaku ialah yang menyalahgunakan kuasa atau yang terlibat dalam kes-kes jenayah, sebagaimana yang telah saya terangkan tadi. Kerajaan tidak akan menyalahgunakan kuasa yang ada, malah kerajaan sentiasa memberi kebajikan kepada kakitangan dan pegawai-pegawainya, sebab itu kita sentiasa mengemaskinikan dengan harapan pegawai yang bertugas akan selamat dan tanggungjawab yang diberi akan terus dapat dinikmati oleh petani-petani. Itu sahaja jawapan saya. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin) *mempengerusikan Jawatankuasa*]

**Fasal 1 hingga 4** diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

#### **RANG UNDANG-UNDANG LEMBAGA KEMAJUAN IKAN MALAYSIA (PINDAAN) 1998**

##### **Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

4.23 ptg.

**Dato' Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor:** Tuan Yang di-Pertua, saya memohon mencadangkan iaitu Rang Undang-Undang bernama suatu akta meminda Akta Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia 1971 dibaca kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, seksyen 23A, Akta Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia 1971 telah memperuntukkan kuasa kepada Lembaga dengan kelulusan Menteri untuk membuat apa-apa peraturan tatatertib seperti mana perlu atau suaimanfaat untuk mengadakan peruntukan mengenai tatatertib pegawai-pegawai dan penjawat-penjawat Lembaga. Walau bagaimanapun berikutan dengan pelaksanaan Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 oleh kerajaan kepada kakitangan awam maka pengubahsuaian kepada Akta Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia 1971 hendaklah dibuat supaya penyalarsan ke atas urusan tindakan tatatertib dapat dibuat terhadap pegawai dan penjawat LKIM.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan kepada Akta Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia 1971, yang dicadangkan adalah seperti berikut:

- (i) meminda subseksyen 23A(4) dengan menggantikan subseksyen ini dengan subseksyen (4) yang baru yang

memperuntukkan di dalam keadaan tertentu keperluan representasi tidak perlu diberikan apabila:

- (a) dibuang kerja atau diturunkan pangkat atas kelakuan yang berkaitan pertuduhan jenayah yang telah terbukti terhadapnya;
  - (b) atas syor Menteri yang dipertanggung-jawabkan dengan tanggungjawab bagi hal-ehwal dalam negeri, berpuas hati bahawa demi kepentingan keselamatan Malaysia atau mana-mana bahagiannya;
  - (c) jika telah dikeluarkan apa-apa perintah, tahanan, pengawasan, kediaman terhad, buang negeri atau deportasi, sekatan, pengawasan dengan bon atau undang-undang keselamatan Malaysia;
- (ii) memasukkan subseksyen baru iaitu subseksyen (5) dan (6) di bawah seksyen 23A selepas subseksyen (4). Subseksyen (5) yang baru ini memperuntukkan mengenai prosedur rayuan terhadap keputusan Jawatankuasa Tatatertib manakala subseksyen (6) yang baru pula menjelaskan bahawa bagi seksyen 23A "pegawai" termasuklah "Ketua Pengarah";
  - (iii) memasukkan seksyen 23B yang baru selepas seksyen 23A. seksyen 23B bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi menamatkan perkhidmatan pegawai atau penjawat demi kepentingan awam.
  - (iv) meminda subperenggan (8), Jadual Pertama yang bertujuan untuk mengadakan peruntukan rayuan kepada Lembaga Rayuan Tatatertib ke atas sesuatu keputusan Jawatankuasa Tatatertib;
  - (v) meminda subperenggan (9), Jadual Pertama yang bertujuan untuk membolehkan rayuan dibuat kepada Menteri ke atas sesuatu keputusan yang diputuskan oleh Jawatankuasa Tatatertib;
  - (vi) memasukkan subperenggan (10) dan subperenggan (11) yang baru selepas subperenggan (9), perenggan 3 Jadual Pertama yang telah memberikan kuasa kepada Lembaga Rayuan Tatatertib atau Menteri untuk mengesahkan, mengakaskan atau mengubah keputusan Jawatankuasa Tatatertib dan keputusannya adalah muktamad dan konklusif;
  - (vii) memasukkan perenggan baru iaitu perenggan 3A di bawah Jadual Pertama subperenggan (1), perenggan 3 bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi menubuhkan suatu Lembaga Rayuan Tatatertib termasuk keahlian jawatankuasa tersebut, sementara subperenggan (2) pula, menetapkan larangan kepada Jawatankuasa Tatatertib yang telah memutuskan keputusan sebelum itu daripada menganggotai Lembaga Rayuan.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan akta ini adalah memantapkan lagi pengurusan tatatertib di Lembaga ini bagi mewujudkan jentera pentadbiran yang bersih, cekap dan berkualiti.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mengemukakan Rang Undang-Undang Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (Pindaan) 1998 dibahaskan di Dewan yang mulia ini. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Seorang menyokong.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian [Dato' Abu Bakar bin Taib]:** Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-Undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia 1971 dibaca kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Tanjong Karang.

**Dr. Tan Seng Giaw:** *[Bangun]*

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

4.26 ptg.

**Tuan Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Kepong mana ada ikan, duduklah. Kepong tidak ada ikan. Tanjong Karang ini banyak ikan.

Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberi peluang kepada saya sekali lagi untuk bersama-sama berkongsi pandangan untuk kita meninggikan lagi tahap pegawai-pegawai di LKIM demi untuk membela nasib nelayan-nelayan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat penjelasan daripada pihak kementerian bagaimanakah tindakan disiplin ini yang akan diambil kepada pegawai-pegawai yang dipinjamkan kepada persatuan-persatuan nelayan? Kita tahu bahawa pengurus-pengurus persatuan nelayan ialah pegawai-pegawai daripada LKIM dan kalau mereka ini melakukan kesalahan siapakah yang mengambil tindakan kepada mereka.

Yang kedua, apakah tindakan yang akan diambil kepada pegawai-pegawai LKIM yang dipinjamkan kepada anak-anak syarikat kerana kita dapati daripada laporan audit yang dikeluarkan pada tahun 1996, kita dapati kepentingan dalam anak syarikat ini banyak yang rugi. Saya bacakan sedikit, "pada akhir tahun 1996, Lembaga telah menambah RM6 juta dalam ekuiti anak syarikatnya walaupun prestasi syarikat tersebut tidak memuaskan. Kelulusan Menteri Kewangan masih belum diperolehi bagi tambahan pelaburan ini. Syarikat itu telah mengalami kerugian terkumpul sebanyak RM4.92 juta sehingga akhir tahun 1996 yang mana telah melebihi jumlah modal asal sebanyak RM4.52 juta. Tiada peruntukan dibuat bagi kemerosotan nilai kos pelaburan".

Begitu juga kalau kita baca Sijil Ketua Audit, "pendahuluan pinjaman sebanyak RM1,498,222.00 termasuk dalam jumlah ini ialah pendahuluan sebanyak RM1.7 juta yang diberi kepada Pengarah ataupun Bahagian Cawangan Lembaga bagi menampung perbelanjaan yang tidak diperuntukkan dalam belanjawan sementara menunggu kelulusan Lembaga Pengarah. Amalan ini telah juga menyebabkan perbelanjaan terkurang dinyatakan dengan jumlah yang sama".

Satu lagi komen audit, "pendahuluan mengambil tanah sebanyak RM17,474.00 seperti yang dinyatakan di perenggan 2 laporan saya yang lalu, jumlah RM17.47 juta ini merupakan pendahuluan yang dibuat 5 hingga 16 tahun yang lalu bagi tujuan pengambilan tanah untuk projek-projek pembangunan. Hak milik tanah-

tanah berkenaan masih belum diperolehi sehingga kini. Kelewatan ini juga menyebabkan Lembaga tidak dapat mempermodakan tanah-tanah tersebut”.

Persoalannya hari ini apakah tindakan yang akan diambil kepada pegawai-pegawai tinggi? Saya percaya daripada laporan audit ini yang saya nyatakan tadi, tanpa kebenaran Kementerian Kewangan berbagai pendahuluan telah pun diberi kepada anak-anak syarikat tanpa mengikut peraturan dan akibatnya anak-anak syarikat ini rugi. Apabila anak-anak syarikat ini rugi sudah tentu melibatkan wang rakyat dan juga melibatkan nelayan-nelayan secara langsung. Jadi apakah tindakan yang akan diambil kepada pegawai-pegawai yang terlibat kerana kita tidak mahu tindakan disiplin ini hanya ditekankan kepada pegawai-pegawai bawahan. Oleh sebab itu tadi saya nyatakan kalau Ketua Pengarah atau pengarah-pengarah yang didapati tidak menunjukkan prestasi yang baik bukan sahaja mungkin mereka ini melakukan lain-lain kesalahan tetapi prestasi mereka. Kalau kata pegawai kanan dipinjamkan menjadi pengurus, anak syarikatnya rugi, apa tindakan akan diambil kepada pegawai-pegawai berkenaan. Oleh sebab itu, saya percaya di LKIM ini hanya dua badan sahaja yang ada. Mungkin ada dua badan, tindakan tatatertib iaitu satu badan Jawatankuasa Tatatertib Kumpulan A dan satu lagi untuk Jawatankuasa Kumpulan B ke bawah.

Jadi, kalau Ketua Pengarah juga ditafsirkan sebagai pegawai dan pengarah-pengarah lain, kalau mereka ini hendak diambil tindakan tatatertib, saya kurang yakin bahawa jawatankuasa untuk Kumpulan A ini mampu untuk bertindak. Jadi, sebab itu saya ingin cadangkan, di samping mungkin ada dua jawatankuasa disiplin yang sedia ada harus ditubuhkan satu lagi jawatankuasa khas untuk pegawai-pegawai tinggi, pengarah-pengarah dan ketua-ketua pengarah dan pastikan siapakah ahli lembaga disiplin ini. Sebagaimana saya nyatakan tadi, sudah tentu ahli lembaga disiplin ini tidak boleh lebih rendah jawatannya daripada pegawai-pegawai yang akan disiasat. Jadi, seperti juga hari ini kita ada mahkamah – dahulu raja-raja kita tidak boleh dakwa, hari ini kita ada Mahkamah Khas, mana-mana sultan yang didapati bersalah kita boleh dakwa di Mahkamah Khas. Jadi, di LKIM juga mesti ada satu jawatankuasa disiplin khas yang akan membicarakan pegawai-pegawai atau pengarah-pengarah di peringkat tinggi ini kerana kita dapati daripada laporan audit ini, mustahil kerugian ini dilakukan oleh pegawai-pegawai bawahan, sudah tentu melibatkan pegawai-pegawai atasan.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya harap bahawa kesalahan ini harus dilihat secara adil dan juga di dalam pindaan ini iaitu di bawah subseksyen (11), “keputusan Lembaga Rayuan Tatatertib ataupun Menteri di bawah subperenggan (10) adalah muktamad dan konklusif”. Jadi, saya tidak tahu sama ada ini satu clause yang redundant atau tidak kerana kalau mengikut undang-undang keputusan lembaga rayuan ini tidak boleh muktamad dan konklusif kerana pegawai yang berkenaan yang telah didapati bersalah boleh memohon *certiorari* kepada Mahkamah Tinggi untuk menolak ataupun membatalkan keputusan yang telah dibuat oleh menteri ataupun lembaga rayuan. Jadi, saya lihat semua pindaan ini ada perkataan ‘muktamad’ dan ‘konklusif’. Jadi, sama ada ini perlu dibubuh di dalam pindaan ini.

Tuan Yang di-Pertua, di samping itu juga kita harus melihat sebelum kita mengambil tindakan kepada pegawai-pegawai bawahan, kita mesti memberi mereka ini satu kursus yang baik – kursus sebagai pegawai dan juga untuk meningkatkan mutu kerja mereka kerana kita dapati ada pegawai-pegawai yang diambil bekerja tidak ada pengalaman, kemudian kita suruh dia membuat kerja dan dia sendiri pun kadang-kadang tidak faham apa kerja yang dia buat, hanya berpandukan fail meja, kadang-kadang fail meja pun tidak ada. Jadi dia membuat kerja mengikut selera dia, boleh jadi mengikut arahan dari masa ke semasa daripada pegawai atasannya. Jadi, pegawai sedemikian, sudah tentu prestasinya tidak bagus dan mungkin mereka juga tidak ada perasaan untuk cinta kepada organisasinya, lebih-lebih lagi kalau pegawai-pegawai ini ditugaskan di persatuan-persatuan nelayan yang mesti terus berhubung dengan nelayan-nelayan. Kalau pegawai-pegawai ini tidak ada satu semangat untuk membela

nelayan, berjiwa nelayan, kalau mereka hanya sekadar duduk di pejabat, di bilik berhawa dingin, bagaimana nasib nelayan-nelayan ini akan terbela? Sebab itu, di dalam kita mengambil tindakan disiplin ini, kita harus melihat sama ada kuasa-kuasa yang diberi kepada pegawai-pegawai bawahan ini telah pun cukup ataupun boleh kita persoalkan sama ada mereka ini mampu ataupun tidak menjalankan tugasnya.

Saya mengambil satu contoh. Contoh untuk mengambil benih anak kerang. Tuan Yang di-Pertua, benih anak kerang ini kalau di kawasan Kuala Selangor, ini Ahli Parlimen Kuala Selangor pun ada, kita amat sensitif kawasan ini, sampai di Sungai Janggut dia jadi bergaduh, dia bergaduh di antara orang tempatan dengan pendatang asing. Ini kerana arahan yang diberi kepada persatuan nelayan tidak jelas kerana mengikut Akta Perikanan hanya ahli-ahli persatuan nelayan dalam kawasan tertentu sahaja boleh mengutip benih kerang tetapi yang anehnya kuasa ini diberikan kepada pegawai perikanan untuk memberikan lesen-lesen benih kerang ini. Sepatutnya lesen untuk mengutip benih kerang ini diberi kepada pengurus ataupun persatuan nelayan sendiri kerana merekalah yang tahu sama ada pegawai ataupun orang yang diberi lesen ini benar-benar ahli mereka ataupun tidak. Kalau diberi kepada pegawai perikanan, pegawai perikanan kadang-kadang tidak tahu sama ada yang diberi lesen ini ahli persatuan nelayan ataupun tidak. Sebab itu kita dapati seperti di Sungai Janggut bahawa yang diberi lesen-lesen kerang ini bukannya betul-betul nelayan. Kadang-kadang kita dapati diberi kepada pendatang-pendatang asing yang di belakangnya kita tahu ada tauke-tauke besar. Jadi, kalau ini tidak boleh dibetulkan dari fungsi persatuan nelayan ini sebagai contoh, kalau reputasi pegawai-pegawai ataupun pertubuhan nelayan di kawasan-kawasan ini jatuh, maka tidak wajar kita terus menuduh bahawa pegawai-pegawai atau pengurus-pengurus persatuan nelayan ini tidak menjalankan tugas mereka dengan baik sedangkan mereka ingin membantu nelayan tetapi kuasa yang ada pada mereka tidak ada.

Tuan Yang di-Pertua, begitu juga lesen sampan. Lesen sampan ini saya dimaklumkan begitu ketat hendak diberi kepada nelayan-nelayan sedangkan pegawai-pegawai ini ingin membantu nelayan-nelayan. Jadi, kalau sudah lesen sampan pun sukar hendak dapat, maka sudah tentu mereka ini yang sekarang ini kita panggil nelayan pantai yang mana kita tahu masalah nelayan ini berbeza-beza. Di Pantai Barat lain di Pantai Timur lain. Di kawasan Tanjong Karang tidak ada laut dalam hanya ada nelayan pantai, kalau hendak dapat lesen sampan pun susah bagaimana kita ingin memajukan nelayan-nelayan ini?

Saya tekankan ini kerana kita mahu bukan sahaja kita ada undang-undang disiplin untuk meningkatkan prestasi pegawai-pegawai LKIM tetapi juga kita harus memastikan bahawa pegawai-pegawai ini diberikan pendedahan yang cukup, diberikan satu kursus motivasi dan kursus-kursus yang tertentu dan jika ada mana-mana peraturan-peraturan, undang-undang yang boleh menyebabkan pegawai-pegawai ini tidak boleh menjalankan tugas mereka dengan baik harus dipinda supaya pegawai-pegawai ini dapat menjalankan tugas mereka dengan lebih berkesan lagi.

Jadi, dengan itu saya ingin menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, Kuala Nerus.

4.37 ptg.

**Tuan Abdul Rahin bin Dato' Mohd. Said [Kuala Nerus]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya hendak declare bahawa saya adalah Ahli Lembaga Pengarah LKIM dan apa yang saya ucapkan ini tidak ada kepentingan saya sendiri. Pertama sekali, saya memang menyokong pindaan seksyen berkait dengan tatatertib dan tindakan yang boleh diambil terhadap kakitangan LKIM termasuklah tindakan yang akan diambil terhadap kakitangan yang membocorkan rahsia.

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini bila heboh tentang penswastaan LKIM entah macam mana orang dalam telah membocorkan perkara ini dan ini adalah satu perbuatan yang tidak amanah yang saya kira di tengah-tengah jalan dalam cadangan, masih tidak ada kelulusan dan sebagainya kita dapati bahawa perkara ini telah dibawa kepada surat khabar secara meluas dan telah disalahertikan tentang penswastaan ini kerana kita tidak dapat lari daripada penswastaan. Bagi mengurangkan belanja kerajaan akhirnya kita terpaksa menerima penswastaan ini tetapi oleh kerana telah diputarbelitkan oleh surat khabar lebih-lebih lagi surat khabar yang selalu menghentam kerajaan dan sebagainya, maka perkara ini telah menjadi satu perkara yang besar.

Tuan Yang di-Pertua, masyarakat nelayan pada hari ini sememangnya ialah masyarakat yang memerlukan pembelaan. Baru-baru ini satu seminar masa depan persatuan nelayan telah diadakan di sebuah hotel di Kuala Lumpur dan beberapa resolusi yang telah dibuat bagi menuntut hak nelayan. Sememangnya kalau kita kaji dari segi penswastaan LKIM pada waktu ini, memanglah tidak kena pada waktunya dan saya juga menyokong bahawa penswastaan LKIM ini ditangguhkan kerana nelayan mendapati bahawa, khususnya persatuan-persatuan nelayan di semua peringkat bahawa apabila LKIM diswastakan, maka terdapat beberapa kelemahan dan masalah-masalah nelayan yang selama ini diutarakan kepada LKIM tidak dapat diselesaikan dan NIKMAT juga menyarankan bahawa jika sekiranya hendak diswastakan bahawa akta yang ada sebelum ini iaitu Akta 502 - Akta Koperasi 1993 perlu dikaji.

Tuan Yang di-Pertua, akibat daripada pembubaran persatuan-persatuan nelayan apabila sahaja LKIM diswastakan, maka berlakulah pelepasan tanggungan kerajaan. Mereka memohon agar peruntukan-peruntukan yang khusus diberikan sebagai geran kepada NIKMAT bagi membantu nelayan-nelayan dan sedikit sebanyak menyelesaikan masalah nelayan-nelayan di kawasan yang terpencil.

Yang penting iaitu hak menangkap ikan diberikan sepenuhnya kepada nelayan dan dalam erti kata ini persatuan yang nampaknya boleh memegang hak ini adalah NIKMAT ataupun persatuan-persatuan nelayan. Begitu juga, sole right persatuan-persatuan nelayan untuk berniaga seperti minyak diesel, kilang air batu dan barang-barang keperluan nelayan yang selama ini dimonopoli oleh persatuan-persatuan ini, maka perkara-perkara ini saya harap dapat dikaji semula.

Begitu jugalah tentang ekuiti syarikat konsortium penswastaan LKIM itu sendiri hendaklah mengambil kira komposisinya yang boleh melibatkan nelayan-nelayan. Begitu juga dengan pendaratan dari segi jeti-jeti milik LKIM pada hari ini. Saya yakin dan percaya bahawa perkara-perkara ini perlu diberi penelitian dan diberikan tumpuan yang serius supaya ianya tidak menjejaskan hak-hak nelayan di dalam menggunakan kemudahan-kemudahan yang telah disediakan begitu banyak oleh LKIM sebagai agensi yang menjalankan hal-hal ataupun urusan-urusan berkaitan dengan penangkapan ikan pada waktu ini.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong cadangan pindaan akta ini dan saya harap dapat kiranya sedikit sebanyak apa yang saya sebutkan tadi berkait dengan penswastaan....

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat dari Tanjong Karang bangun di belakang.

**Tuan Haji Noh bin Omar:** Saya hendak minta penjelasan sedikit, sebab Yang Berhormat tadi declare interest kata Ahli Lembaga Pengarah. Saya lihat dalam laporan LKIM ini daripada sembilan jawatankuasa-jawatankuasa ini, saya dapati ada lima jawatankuasa ini dipengerusikan oleh Ketua Pengarah LKIM sendiri yang sudah tentu jawatankuasa ini semua jawatankuasa-jawatankuasa yang penting. Jadi, di manakah kedudukan ahli-ahli Lembaga Pengarah yang dilantik oleh menteri di bawah

platform politik ini kalau macam ini keadaannya, nampaknya ahli-ahli politik ini bekerja dan ikut telunjuk pegawai-pegawai kerajaan.

Jadi, saya hendak tahu adakah telah dibuat rombakan ataupun Yang Berhormat akan mencadangkan supaya pengerusi-pengerusi penting ini mesti diberi kepada ahli-ahli Lembaga Pengarah yang lain supaya ianya lebih telus, ada check and balance. Kalau semua ketua pengarah menjadi pengerusi, banyak berlaku penyelewengan yang tidak dapat kesan. Jadi, adakah Yang Berhormat akan mencadangkan rombakan ini dibuat dalam mesyuarat Lembaga Pengarah yang akan datang?

**Tuan Abdul Rahin bin Dato' Mohd. Said:** Terima kasih, saya harap Yang Berhormat Timbalan Menteri akan dapat menjawab soalan Yang Berhormat dari Tanjong Karang. Kalau saya mencadangkan, saya cadangkan Yang Berhormat dari Tanjong Karang menjadi Ahli Lembaga Pengarah.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak declare sekali lagi bahawa saya menjadi Pengerusi Jawatankuasa Tatatertib sebenarnya dan sayalah yang mengambil tindakan kepada kakitangan LKIM iaitu jawatan yang paling tidak popular di dalam LKIM iaitu mengambil sebarang tindakan yang melibatkan CBT dan sebagainya terhadap pegawai-pegawai diberikan kepada orang politik. Namun demikian saya akur kepada kehendak dan apa-apa tuntutan yang dibuat oleh pegawai-pegawai tinggi. Di sebaliknya saya juga tidak menafikan bahawa apa yang disebut oleh Yang Berhormat dari Tanjong Karang itu ada baiknya, di mana taburan yang sepatutnya boleh dibuat di antara orang politik di dalam jabatan kerajaan dan orang kerajaan di dalam kerajaan. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat dari Parit Buntar. Boleh Yang Berhormat berucap dalam masa 10 minit.

4.44 ptg.

**Tuan Abdul Rahman bin Haji Sulaiman [Parit Buntar]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Sedikit sahaja tidak sampai 5 minit.

**Tuan Yang di-Pertua:** Lepas itu menteri jawab ya.

**Tuan Abdul Rahman bin Haji Sulaiman:** Sebelum saya hendak mulakan, saya sama dengan Yang Berhormat dari Kuala Nerus, saya ingin declare kepentingan sebab saya juga duduk dalam Lembaga ini tetapi saya hadkan, hanya cakap dari segi teknikal. Kalau kita lihat daripada akta sebelum ini tujuan utama pindaan dikemukakan ini ialah untuk mengendalikan soal disiplin.

Saya ingin bertanya, sama ada apa yang berlaku sekarang sebab kalau ini merupakan satu langkah yang betul saya ingin mengucapkan tahniah kepada Kementerian Pertanian kerana mengambil langkah proaktif. Tetapi sebenarnya saya dimaklumkan bahawa di samping badan-badan di bawah Kementerian Pertanian ini, banyak lagi badan-badan berkanun di bawah kementerian-kementerian lain yang semuanya tidak ada di dalam akta masing-masing peruntukan khusus mengenai disiplin.

Apa yang dilakukan selama ini ialah seperti mana yang disebut oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi, oleh kerana badan-badan berkanun di bawah kementerian ini sifatnya sama dengan jabatan kerajaan. Apa yang dibuat selama ini ialah untuk badan-badan itu menerima pakai General Order ataupun Perintah Am yang juga dipakai oleh jabatan-jabatan kerajaan. Jadi, ini sudah berjalan begitu lama, banyak sudah tindakan-tindakan disiplin yang diambil dengan menggunakan peruntukan di bawah Perintah Am yang diambil pakai oleh badan-badan berkanun ini.

Jadi, saya ingin tanya apa rasional kita kemukakan pindaan khusus ini, sama ada kes-kes tertentu di mana keputusan-keputusan yang dibuat oleh badan-badan ini

berdasarkan kepada peruntukan-peruntukan General Order itu pernah dicabar oleh mana-mana pihak. Sekiranya ini berlaku seperti mana yang saya katakan tadi, saya ucapkan tahniah kepada Kementerian Pertanian kerana mengambil langkah proaktif ini.

Tetapi masalahnya ialah apa jadi kepada badan-badan berkanun di bawah kementerian lain walaupun ini mungkin di luar bidang kuasa Kementerian Pertanian tetapi saya rasa kalau betul apa yang saya sarankan ini, maka pindaan ini sebenarnya mempunyai implikasi yang amat menyeluruh, dengan izin, far reaching implication terhadap beratus lagi badan berkanun yang ada di Malaysia ini.

Jadi, itu penjelasan yang saya minta. Kalau itulah matlamatnya, saya mohon menyokong. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab.

4.48 ptg.

**Dato' Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor:** Tuan Yang di-Pertua, pertama saya mengucapkan terima kasih bagi pihak Yang Berhormat Menteri Pertanian terhadap tiga orang Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian iaitu Tanjong Karang, Kuala Nerus dan Parit Buntar. Apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Tanjong Karang ini, saya rasa begitu jelas bahawa bagaimana tindakan disiplin diambil terhadap pegawai-pegawai yang didapati ataupun pegawai yang lebih tinggi terutama ketua pengarah, minta maaf, bagaimana tindakan disiplin yang diambil terhadap pegawai-pegawai yang dipinjamkan kepada persatuan nelayan atau anak-anak syarikat kerana banyak yang rugi dan sebagaimana yang telah ditunjukkan tadi.

Sebagaimana yang saya telah jelaskan bahawa, walaupun dipinjamkan mereka masih tertakluk kepada peraturan-peraturan yang telah ditetapkan oleh kerajaan. Jadi, tindakan-tindakan mesti diambil mengikut General Order yang telah ada, walaupun dia dipinjamkan. Tentang mungkin melakukan penyelewengan atau tidak, siasatan patut diberi kerana pada masa yang lalu kebanyakannya prosedur pengambilan balik tanah ataupun permohonan tanah-tanah kerajaan ini kurang sangat diberi perhatian oleh agensi-agensi kerajaan bukan sahaja oleh LKIM, ada juga oleh agensi-agensi yang lain. Misalnya dahulu, bila satu permohonan tanah oleh kerajaan negeri diminta oleh agensi katakan, LKIM, jadi pada dasarnya diluluskan, maka setengah-setengahnya diminta bayar advance ataupun pendahuluan. Jadi, apabila dibayar, bila bertukar ketua kerajaan, satu demi satu dan tukar pula pengarah yang berkenaan di negeri, jadi kadang-kadang follow up untuk menentukan kelulusan tanah itu tertinggal begitu sahaja.

Jadi saya percaya bahawa tindakan boleh diambil kepada pengarah-pengarah ataupun pegawai yang tidak mengambil berat tentang apa yang telah ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat itu yang menyebabkan sebahagian wang LKIM telah dibuat bayaran tetapi kalau kepada kerajaan tidak hilang, dia boleh bayar balik kalau tanah itu tidak diluluskan.

Dan haruslah ditubuhkan satu lagi Jawatankuasa Disiplin mengikut pertanyaan dari Yang Berhormat Tanjong Karang jika melibatkan pengarah-pengarah. Sebenarnya sebagaimana yang dijelaskan oleh Yang Berhormat dari Kuala Nerus tadi bahawa Jawatankuasa Disiplin itu biasanya dipengerusikan oleh salah seorang Ahli Lembaga Pengarah dan Ahli Lembaga Pengarah biasanya yang dilantik oleh Yang Berhormat Menteri. Dari segi statusnya memang agaknya Lembaga Pengarah lebih tinggi daripada Ketua Pengarah. Jadi dengan sebab itu perkara ini sering berlaku, pegawai yang berpangkat rendah kadang-kadang mempengerusikan sesuatu Jawatankuasa Disiplin, Jawatankuasa Siasat. Ini pernah berlaku sebagaimana yang berlaku dalam kes bekas Ketua Polis Negara. Jawatankuasa Penyiasat dulu ialah

seorang pegawai polis yang lebih rendah taraf daripada dia tetapi tugas tetap tugas berdasarkan kepada tanggungjawab yang telah ditetapkan oleh kerajaan.

Dan begitu juga tentang benih kerang untuk pengetahuan Yang Berhormat bahawa Kementerian Pertanian telah menggariskan bahawa ada dua fungsi yang berlainan. Satu, jabatan kerajaan fungsinya ialah untuk mengeluarkan lesen-lesen dan penguatkuasaan dan juga pengembangan. Manakala agensi macam Jabatan Perikanan keluar lesen, penguatkuasaan dan buat pengembangan dan manakala agensinya pula melibatkan diri dalam bidang komersial dengan membimbang pertumbuhan-pertumbuhan perikanan itu sendiri. Jadi ini bermakna lesen memungut kerang hendaklah dikeluarkan oleh bidang kuasa jabatan, bukan oleh agensi kerana kuasa agensi tidak ada diberi kuasa dalam bidang pengeluaran lesen.

**Tuan Haji Noh bin Omar:** Saya hendak tanya Yang Berhormat Timbalan Menteri misalnya contoh yang saya bangkitkan tadi mengenai pemberian lesen anak benih kerang di Kuala Selangor oleh Lembaga Perikanan kalau tidak boleh diberi kepada persatuan nelayan walaupun perikanan satu jabatan, adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri akan siasat sama ada benar atau tidak bahawa perikanan memberikan lesen untuk mengutip benih kerang bukan kepada ahli-ahli persatuan di dalam kawasan seperti mana yang termaktub di bawah Akta Perikanan? Jadi kalau benar, kena juga ambil tindakan disiplin seperti yang telah kita bincang tadi.

**Dato' Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor:** Yang Berhormat, insya-Allah kita haraplah kajian akan dibuat, kerana sepatutnya lesen-lesen pemungut kerang diberi kepada nelayan pantailah sama ada dengan cara kelompok atau secara individual. Jadi saya akan buat kajian, tengok apakah diberi kepada orang-orang yang tidak terlibat dan kalau ini berlaku makna kita minta supaya dia dapat ditimbang semula kepada nelayan-nelayan yang berkenaan. Begitu juga lesen bot memang kebanyakan di bawah tanggungjawab dan kewajipan Jabatan Perikanan di bawah pembahagian tugas yang disebutkan tadi.

Yang Berhormat dari Kuala Nerus saya rasa oleh kerana beliau agak mahir dan beliau terlibat menjadi Pengerusi Jawatankuasa Disiplin saya mengambil maklumlah apa yang telah dikatakan itu terutama tentang kakitangan yang membocorkan rahsia dan saya harap beliau sendiri akan mengambil tindakan sebagai selaku Pengerusi Jawatankuasa Disiplin dan memang seseorang pegawai tidak sepatutnya melakukan apa yang dikatakan termasuk ura-ura cadangan untuk penswastan LKIM sebenarnya itu belum diputuskan oleh kerajaan. Tinggal lagi ura-ura tapi walau bagaimanapun kerajaan menanggungkan buat beberapa ketika dulu untuk membuat kajian dengan lebih mendalam.

Mengenai Yang Berhormat dari Parit Buntar iaitu banyak badan berkanun di bawah kementerian lain yang tidak ubah lagi, jadi apakah rasionalnya Kementerian Pertanian mengubahnya. Saya percaya bahawa memang kita ada kadang-kadangnya kita menghadapi masalah apabila kita memberhentikan, menggantung dan sebagainya seseorang pegawai. Memang kita sentiasa menghadapi masalah ini. Sebab itulah kita hendak mengemaskinikan peraturan ini supaya pada masa akan datang tiada siapa lagi yang boleh mengambil peluang dengan tindakan-tindakan yang telah digunakan mengikut pindaan-pindaan yang baru ini. Jadi itu sahajalah yang saya dapat jelaskan. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Fasal 1 hingga 4 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

**RANG UNDANG-UNDANG LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN KEMUBU  
(PINDAAN) 1998**

**Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

5.00 ptg.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian [Dato' Abu Bakar bin Taib]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta 1969/1972 Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (Pindaan) 1998 dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA) berasaskan Akta Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu 1972 ada mengendalikan kes-kes tatatertib terhadap pegawai-pegawai yang bermasalah di Lembaga itu. Seksyen 15A Akta Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu 1972 memperuntukkan bahawa satu Jawatankuasa Tatatertib hendaklah ditubuhkan bagi mengendalikan kes-kes yang berkaitan dengan kelakuan, tatatertib bagi pegawai-pegawai dan penjawat KADA. Bagi melaksanakan kuasa-kuasa sebagaimana yang diperuntukkan di bawah seksyen 15A, seksyen 30A akta yang sama memberi kuasa kepada KADA untuk kelulusan menteri untuk membuat peraturan-peraturan tatatertib bagi menggunakan untuk menjalankan kuasa-kuasa yang telah diperuntukkan. Sehingga kini semua kes yang membabitkan kelakuan tatatertib bagi pegawai-pegawai dan penjawat KADA dikendalikan berasaskan seksyen 15A.

Pada tahun 1993, peraturan-peraturan tatatertib untuk pegawai awam telah dipinda berikutan dengan pelaksanaan Sistem Saraan Baru (SSB) dan Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 telah diwartakan. Oleh itu adalah amat perlu bagi peraturan-peraturan tatatertib diguna pakai oleh KADA diselaraskan dan diseragamkan dengan Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan kepada Akta Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu 1972 dicadangkan adalah seperti berikut:

- (i) meminda seksyen dan kandungan seksyen 15A dari segi susun struktur ayat sahaja;
- (ii) menggantikan subseksyen (8), di seksyen 15A dengan subseksyen (8) yang baru yang memerlukan bahawa mana-mana pegawai atau penjawat selain daripada Timbalan Pengerusi yang tidak berpuas hati dengan keputusan Jawatankuasa Tatatertib boleh membuat rayuan kepada Lembaga Rayuan Tatatertib;
- (iii) menggantikan subseksyen (9), seksyen 15A dengan subseksyen (9) yang baru yang memberi ruang untuk membuat rayuan terhadap keputusan Jawatankuasa Tatatertib kepada menteri dan tindakan tatatertib kepada Timbalan Pengerusi;

- (iv) memasukkan subseksyen baru kepada seksyen 15A iaitu subseksyen (10) di mana Lembaga Tatatertib atau menteri ikut mana-mana yang berkenaan boleh mengesahkan atau mengakaskan atau mengubah keputusan Jawatankuasa Tatatertib;
- (v) memasukkan subseksyen baru kepada subseksyen 15A iaitu subseksyen 10(11) diminta keputusan Lembaga Tatatertib atau menteri di bawah subseksyen (10) adalah muktamad dan konklusif;
- (vi) memasukkan seksyen baru iaitu subseksyen 15B selepas subseksyen 15A. Seksyen 15B bertujuan untuk memulihkan penubuhan Lembaga Rayuan Tatatertib sebagaimana yang terkandung dalam Akta ibu. Sebelum pindaan ini, sebarang keputusan Jawatankuasa Tatatertib hanya boleh dirayu kepada Lembaga itu sendiri tetapi dengan adanya peruntukan baru ini sebarang rayuan terhadap keputusan Jawatankuasa Tatatertib adalah dibuat kepada Lembaga Rayuan Tatatertib di mana Pengerusi Lembaga hendaklah menjadi Pengerusi Jawatankuasa Tatatertib dan dianggotai oleh tiga orang ahli Lembaga yang bukan ahli Jawatankuasa Tatatertib yang keputusannya dalam hal perkara larangan itu;
- (vii) memasukkan seksyen baru iaitu seksyen 15C yang bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi penamatan perkhidmatan pegawai atau penjawat Lembaga demi kepentingan awam. Jika Lembaga menepati atau representasi dibuat kepada Lembaga bahawa adalah wajar perkhidmatan seseorang pegawai atau penjawat ditamatkan demi kepentingan awam, Lembaga boleh meminta laporan penuh daripada pegawai atasan ataupun penjawat berkenaan berkaitan dengan kerja atau kelakuannya. Jika Lembaga berpuas hati setelah menimbangkan semua perkara berkaitan dengan representasi tersebut bahawa demi kepentingan awam adalah wajar untuk berbuat demikian, perkhidmatan pegawai atau penjawat tersebut boleh ditamatkan mulai tarikh yang ditentukan oleh Lembaga. Seksyen 15C juga memperuntukkan bahawa adalah tidak menyalahi undang-undang jika Jawatankuasa Tatatertib mengesyorkan kepada Lembaga supaya perkhidmatan pegawai atau penjawat tersebut ditamatkan atas kepentingan awam walaupun Jawatankuasa Tatatertib belum dijalankan di bawah akta ini;
- (viii) menggantikan subseksyen (4), seksyen 32A dengan subseksyen (4) yang baru. Subseksyen (4) ini dipinda bertujuan untuk memperuntukkan bahawa dalam hal keadaan yang tertentu peluang untuk membuat representasi tidak perlu diberikan. Walau bagaimanapun, pada asasnya peluang diberi kepadanya oleh Pengerusi Tatatertib diambil untuk membuat representasi sebelum keputusan Lembaga Tatatertib dibuat tetapi untuk keadaan-keadaan seperti yang dinyatakan di subseksyen (4)(a) dan (c), peluang untuk membuat representasi ini tidak perlu diberi;
- (ix) memasukkan subseksyen baru iaitu subseksyen (5) di bawah seksyen 30A supaya prosedur bagi pendengaran rayuan terhadap keputusan Jawatankuasa Tatatertib dibuat; dan

- (x) memasukkan subseksyen baru iaitu subseksyen (6) di bawah seksyen 30A yang memberi takrif kepada pegawai termasuklah Timbalan Pengerusi.

**Tuan Yang di-Pertua**, dengan lulusnya pindaan-pindaan yang telah saya huraikan tadi adalah diharapkan semua kes yang berkaitan dengan tata tertib di Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu akan dapat dikendalikan dengan teratur dan sempurna. Dengan adanya peraturan-peraturan yang jelas dan mantap, kedua-dua belah pihak iaitu pengurusan pegawai serta penjawat masing-masing akan dapat melaksanakan urusan tata tertib dan boleh menerima apa juga hukuman yang dijatuhkan terhadap urusan tata tertib.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mengemukakan Rang Undang-undang Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (Pindaan) 1998 dibahaskan di Dewan yang mulia ini. Terima kasih.

**Dato' Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor:** Tuan Yang di-Pertua, saya memohon menyokong usul itu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, Masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu 1972 dibacakan kali kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

**[Tiada Perbahasan]**

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan ini sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Fasal 1 hingga 4 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

**Tuan M. Kulasegaran:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Nanti sekejap, Yang Berhormat. Teluk Intan, ya.

**Tuan M. Kulasegaran:** Tuan Yang di-Pertua, point of order. Memandangkan kelulusan telah dibuat dengan kurang kuorum, apakah akan terjadi dan sekarang pun tidak ada cukup kuorum mengikut Peraturan 13.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kalau sekiranya kurang kuorum, jika tidak ada sesiapa yang membangkitkan soal itu, apa-apa tindakan berterusan diambil adalah sah.

**Tuan M. Kulasegaran:** Jadi, saya bangkitkan perkara ini sekarang memandangkan tidak ada cukup orang di sini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat mahu memanggil kuorum.

**Tuan M. Kulasegaran:** Ya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila bilangkan dahulu, ya 12 orang, tidak cukup kuorum. Sila bunyikan loceng.

**[Loceng dibunyikan]**

**[Ahli-ahli dikira: kurang daripada 26 Ahli hadir]**

**Tuan Yang di-Pertua:** Masa cukup. Setiausaha, sila bilang semula. 28 sudah cukup kuorum. *[Ketawa]* Ya, sila Setiausaha Parlimen.

**Tuan M. Kulasegaran:** Tuan Yang di-Pertua, sebelum ini apabila kelulusan dibuat kita tidak cukup kuorum. Jadi apa .....

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, saya sudah baca, saya sudah beri keputusan [Disampuk] Kalau sekiranya tidak cukup kuorum pada masa kita membuat keputusan [Disampuk] kuorum itu tidak dibangkitkan, maka apa-apa keputusan yang diambil adalah sah.

**Seorang Ahli:** Ane sudah lulus ane.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila, sila.

**Seorang Ahli:** Lawyer tidak faham.

Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

### RANG UNDANG-UNDANG LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN MUDA (PINDAAN) 1998

#### Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

5.13 ptg.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian [Dato' Abu Bakar bin Taib]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa suatu Akta untuk meminda Akta Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (Pindaan) 1998 dibacakan kali kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, MADA sebagai satu badan berkanun mempunyai pegawai dan penjawat Lembaga sendiri untuk menjalankan fungsi-fungsinya iaitu untuk membangunkan kawasan MADA dari segi ekonomi, sosial dan seumpamanya, dari segi kewangan dan pertanian. Pegawai dan pihak Lembaga MADA tidak termasuk pegawai-pegawai awam untuk maksud tindakan tatatertib oleh yang demikian Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) dalam subseksyen (3) tidak dipakai oleh pihak MADA.

Tuan Yang di-Pertua, semasa Akta Lembaga Kemajuan Pertanian Muda 1972 mula digubal ia diperlukan untuk membuat peraturan berkaitan dengan tindakan disiplin terhadap pegawai-pegawai dan pihaknya terlalu am iaitu kuasa yang diberikan kepada MADA untuk membuat sebarang tuntutan mengikut syarat-syarat perkhidmatan oleh pegawai-pegawai dan pihaknya – seksyen 16 dan juga peraturan untuk menetapkan tanggungjawab ekoran bagi pegawai dan pihak MADA, seksyen 32. Peruntukan-peruntukan tersebut adalah terlalu am untuk membolehkan MADA membuat peraturan mengenai tatatertib bagi pegawai dan pihaknya.

Tuan Yang di-Pertua, pada tahun 1990 akta ini telah dipinda melalui Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (Pindaan) 1990 iaitu A761, dengan pindaan tersebut wujud peruntukan untuk menubuhkan satu Jawatankuasa Tatatertib yang terdiri daripada dua orang ahli Lembaga dan Pengerusi Lembaga. Jawatankuasa tersebut ialah untuk mengawal tatatertib berkenaan dengan pegawai-pegawai dan pihak Lembaga selain Timbalan Pengerusi. Untuk tindakan tatatertib yang berkenaan dengan Timbalan Pengerusi ialah jawatankuasa yang terdiri daripada Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian dan dua orang pegawai yang dipilih.

Akta A761 juga memperuntukkan bahawa Jawatankuasa Tatatertib mempunyai kuasa untuk mengenakan apa-apa hukuman tatatertib sehubungan dengan peruntukan di bawah peraturan-peraturan yang mungkin dibuat di bawah seksyen 32A.

Tuan Yang di-Pertua, seksyen 32A ialah seksyen baru yang dimasukkan dalam Akta MADA melalui Akta A761 dan seksyen ini memberi kuasa kepada Lembaga untuk membuat peraturan tatatertib sebagai difikirkan perlu untuk

mengadakan peruntukan melalui tata tertib pegawai-pegawai dan pihak MADA. Dengan pindaan Akta MADA seperti yang disebutkan tadi, MADA telah diberi kuasa untuk mengadakan peraturan tata tertib untuk pegawai-pegawai dan penjawatnya.

Adalah menjadi hasrat kerajaan untuk menyelaraskan semua peraturan tata tertib yang terpakai oleh pegawai-pegawai awam dan pegawai-pegawai badan berkanun. Oleh yang demikian semua tindakan yang telah diambil oleh MADA untuk mengadakan peraturan-peraturan tata tertib tergendala kerana pada masa itu Kerajaan Persekutuan sedang dalam proses meminda peraturan tata tertib yang tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, selepas Peraturan Pegawai-pegawai Awam berkaitan dengan kelakuan dan tata tertib dipinda dan diwartakan iaitu Peraturan-Peraturan Pegawai-pegawai Awam (Kelakuan dan Tata tertib) 1993, MADA telah meneruskan proses penggubalan peraturan tata tertib. Dalam proses ini adalah didapati bahawa terdapat kekurangan di bawah Akta MADA yang perlu dipinda untuk membolehkan peraturan tata tertib yang selaras dengan Peraturan Pegawai-pegawai Awam (Kelakuan dan Tata tertib) 1993 dibuat. Pindaan ke atas Akta MADA 1972 yang dicadangkan untuk mengatasi kekurangan ini adalah seperti berikut:

- (i) menggantikan subseksyen (8) dan (9) dalam seksyen 15A dan subseksyen (8) dan (9) yang baru untuk mengadakan peruntukan memberi laluan kepada keputusan Jawatankuasa Tata tertib kepada Lembaga Rayuan Tata tertib untuk tindakan tata tertib terhadap pegawai dan pihak Lembaga. Lain-lain rayuan kepada Menteri untuk tindakan tata tertib adalah atas persetujuan Pengerusi. Dengan pindaan ini kuasa mendengar rayuan dipindah daripada MADA kepada Lembaga Rayuan Tata tertib atau Menteri mengikut mana yang berkenaan;
- (ii) memasukkan seksyen yang baru iaitu seksyen 15B untuk mengadakan peruntukan untuk memulihkan Lembaga Rayuan Tata tertib atau Menteri mengikut mana-mana yang berkenaan untuk mengesahkan, mengakaskan atau mengubah keputusan Jawatankuasa Tata tertib dan membawa keputusan Lembaga Rayuan Tata tertib atau Menteri itu adalah muktamad dan konklusif;
- (iii) memasukkan seksyen baru iaitu seksyen 15B untuk mengadakan peruntukan melalui penubuhan Lembaga Rayuan Tata tertib;
- (iv) memasukkan seksyen baru iaitu seksyen 15C mengadakan peruntukan bagi penamatan perkhidmatan pegawai bagi pihak Lembaga demi kepentingan awam;
- (v) meminda seksyen 32A bagi memperuntukkan bahawa dalam hal-hal berkenaan tertentu peluang untuk membuat representasi tidak perlu diberikan iaitu dalam keadaan berikut:
  - (i) jika seseorang pegawai atau penjawat Lembaga dibuang kerja atau diturunkan pangkat atas alasan kelakuan yang berkenaan dengannya suatu pertuduhan jenayah telah dibuktikan terhadapnya;
  - (ii) kepentingan keselamatan negara adalah tidak suaimanfaat untuk memberi peluang representasi; dan

- (iii) jika pegawai atau penjawat Lembaga telah dikenakan perintah tahanan, pengawasan, kediaman terhad, buang negeri atau deportasi, ataupun;

dikenakan apa-apa bentuk sekatan atau pengawasan dengan bon atau selainnya. Berhubung dengan keselamatan negara, pencegahan jenayah, tahanan pencegahan, kediaman terhad, buang negeri, imigresen ataupun perlindungan wanita dan gadis.

Seksyen 32A juga dipinda dengan memasukkan dua subseksyen yang baru iaitu subseksyen (5) yang memperuntukkan agar peraturan-peraturan tatatertib yang dibuat di bawah seksyen ini hendak mengadakan peruntukan melalui prosedur bagi pendengaran rayuan terhadap keputusan Jawatankuasa Tatatertib dan subseksyen (6) yang meluaskan skop tafsiran 'pegawai' termasuklah Timbalan Pengerusi.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan kepada Akta 1972 seperti yang disarankan akan membolehkan peraturan tatatertib digubal selaras dengan Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1973 seperti mana hasrat kerajaan untuk menyelaraskan aktiviti, hal ehwal perundangan, badan-badan berkanun berkaitan tatatertib.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mengemukakan Rang Undang-Undang Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (Pindaan) 1998 dibahas di Dewan yang mulia ini. Terima kasih.

**Timbalan Menteri Pertanian [Dato' Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor]:** Saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Lembaga Kemajuan Pertanian Muda 1972 dibaca kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

**[Tiada Perbahasan]**

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

**[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]**

**Fasal 1 hingga 4** diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

**RANG UNDANG-UNDANG INSTITUT PENYELIDIKAN DAN KEMAJUAN  
PERTANIAN MALAYSIA (PINDAAN) 1998**

**Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

**5.20 ptg.**

**Dato' Abu Bakar bin Taib:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu suatu akta untuk meminda Akta Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia 1969 dibaca kali kedua untuk diluluskan.

Tuan Yang di-Pertua, pihak Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) berasaskan Akta MARDI 1969 (Peraturan Kelakuan dan Tatatertib) 1992 telah pun berupaya mengendalikan kes-kes tatatertib MARDI. Seksyen 7A Akta MARDI 1969 memperuntukkan satu Jawatankuasa Tatatertib Lembaga hendaklah ditubuhkan bagi mengendalikan kes-kes yang berkaitan dengan kelakuan tatatertib bagi pegawai dan kakitangan institut. Bagi melaksanakan kuasa yang diperuntukkan di bawah peraturan ini iaitu di bawah seksyen 25A akta yang sama memberi kuasa kepada Lembaga dengan kelulusan menteri untuk membuat peraturan tatatertib bagi diguna pakai untuk menjalankan kuasa-kuasa yang telah diperuntukkan.

Bagi melaksanakan keperluan ini maka telah dikeluarkan dan diwartakan satu peraturan yang dinamakan Peraturan-peraturan Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (Kelakuan dan Tatatertib) 1992. Sehingga kini kesemua kes yang membabitkan kelakuan tatatertib bagi pegawai dan pengkhidmat MARDI dikategori berasaskan seksyen 7A iaitu seksyen yang memberi kuasa untuk berbuat demikian dan berlandaskan peraturan yang dinyatakan di bawah Kelakuan dan Tatatertib 1992.

Pada tahun 1993 MARDI telah meminda peraturan tatatertib untuk pengkhidmat awam selaras dengan Sistem Saraan Baru (SSB). Oleh kerana peraturan tatatertib untuk badan-badan berkanun perlu berpandukan peraturan untuk perkhidmatan awam adalah perlu Peraturan-peraturan Tatatertib yang diguna pakai sekarang ini di MARDI berasaskan Peraturan Pegawai-pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 yang dikeluarkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan kepada Akta Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia 1969 dilaksanakan seperti berikut:

- (i) meminda subseksyen 3(3) di bawah seksyen 7A. Subseksyen (3) menyatakan bahawa Jawatankuasa Tatatertib berkenaan dengan Ketua Pengarah hendaklah terdiri daripada Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian sebagai Pengerusi dan dua orang ahli daripada Ahli Lembaga. Sebarang rayuan ke atas keputusan Jawatankuasa Tatatertib adalah terserah kepada menteri;
- (ii) meminda subseksyen (8) di bawah seksyen 7A dengan menggantikan subseksyen ini dengan subseksyen (8) yang baru memperuntukkan bahawa mana-mana pegawai yang tidak berpuas hati dengan keputusan Jawatankuasa Tatatertib boleh membuat rayuan kepada Lembaga Rayuan Tatatertib. Di bawah subseksyen (8) masih ada dan adalah mengikut peraturan Lembaga MARDI;

- (iii) meminda subseksyen (9) di bawah seksyen 7A yang menggantikan subseksyen ini dengan subseksyen (9) yang baru yang memerlukan bahawa rayuan terhadap keputusan Jawatankuasa Tatatertib berkenaan Ketua Pengarah boleh di bawa kepada menteri;
- (iv) memasukkan subseksyen baru (10) di mana Lembaga Rayuan Tatatertib atau menteri mengikut mana-mana yang berkenaan boleh mengesahkan, mengakaskan atau mengubahsuai keputusan Jawatankuasa Tatatertib;
- (v) memasukkan subseksyen baru (11) di mana keputusan Lembaga Rayuan Tatatertib atau menteri di bawah subseksyen (10) adalah muktamad;
- (vi) memasukkan subseksyen baru iaitu seksyen 7B selepas seksyen 7A. Seksyen 7B ini bertujuan untuk membolehkan penubuhan Lembaga Rayuan Tatatertib. Sebelum pindaan ini, sebarang keputusan Lembaga Rayuan Tatatertib hanya boleh dirayu kepada lembaga sendiri tetapi dengan adanya peruntukan baru ini sebarang rayuan tatatertib atau tindakan tatatertib adalah dibuat oleh Lembaga Rayuan Tatatertib di mana Pengerusi Lembaga adalah menjadi Pengerusi Lembaga Rayuan Tatatertib dan tiga orang Ahli Lembaga yang bukan Ahli Jawatankuasa Tatatertib;
- (vii) memasukkan seksyen baru iaitu Seksyen 7C sebagai seksyen 7B. Penukaran seksyen ini bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi menamatkan perkhidmatan seorang pegawai atau pengkhidmat Lembaga demi kepentingan awam. Jika Lembaga mendapati atau jika representasi dibuat kepada Lembaga bahawa adalah wajar perkhidmatan seorang pegawai atau pengkhidmat ditamatkan bagi kepentingan awam, lembaga boleh meminta laporan yang diperlukan bagi tindakan pegawai atasan terhadap pegawai tersebut berkait dengan kerja atau kelakuan pegawai tersebut. Jika Lembaga berpuas hati setelah menimbang semua perkara berkaitan dengan representasi tersebut adalah demi kepentingan awam, jawatan pegawai atau pengkhidmat tersebut ditamatkan mulai tarikh yang diluluskan oleh Lembaga. Adalah tidak menyalahi undang-undang jika Jawatankuasa Tatatertib mengesyorkan Lembaga supaya perkhidmatan pegawai atau pengkhidmat tersebut ditamatkan atas kepentingan awam walaupun prosiding tatatertib belum dijalankan di bawah Akta ini.
- (viii) meminda subseksyen (4) dan seksyen 5A, subseksyen 4A dipinda bertujuan memperuntukkan bahawa dalam hal keadaan tertentu peluang untuk membuat representasi telah

pun diberi walaupun pada asasnya peluang terhadapnya prosiding tatatertib diambil untuk membuat representasi sebelum keputusan Lembaga Tatatertib dibuat. Dalam keadaan seperti ini, subseksyen 4(a), (b), (c), peluang untuk membuat representasi tidak perlu diberi.

- (ix) memasukkan subseksyen baru (5) di bawah seksyen 25A supaya peraturan-peraturan tatatertib ini menggunakan prosedur bagi urusan rayuan terhadap keputusan Jawatankuasa Tatatertib;
- (x) memasukkan subseksyen baru (6) di bawah seksyen 25A yang memberi tarif 'pegawai' termasuklah Ketua Pengarah.

Tuan Yang di-Pertua, dalam melaksanakan cadangan berkenaan ini adalah diharapkan semua kes-kes berkaitan dengan tatatertib di MARDI dapat dikendalikan dengan lebih teratur setelah peraturan tersebut diterima pakai. Diharapkan sebarang keraguan yang timbul sekarang ini di kalangan pentadbir-pentadbir yang ditugaskan melaksanakan tanggungjawab berkaitan tatatertib di kalangan pegawai dan pengkhidmat dapat dielakkan. Pindaan yang dicadangkan ini juga diharap dapat mempertingkatkan lagi tahap pengurusan tatatertib di MARDI.

Tuan Yang di-Pertua, saya pohon mengemukakan Rang Undang-undang Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (Pindaan) 1998 dibahaskan di Dewan yang mulia ini. Sekian.

**Dato' Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong usul itu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan majlis ialah Rang Undang-undang bernama suatu akta untuk meminda satu Akta Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia 1969 dibaca kali kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat sambung hari Isnin ya.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Boleh, boleh.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditangguhkan sehingga hari Isnin, 10 Mei 1999, jam 10.00 pagi.

*Dewan ditangguhkan pada pukul 5.30 petang.*